

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 14)
USUL Y.A.B. PERDANA MENTERI DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 27(3):	
– Draf Bagi Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya) (Negeri-negeri Tanah Melayu) 2003 & Draf Bagi Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya) (Negeri Sabah) 2003	(Halaman 14)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 61)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T) (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

Yang Berhormat	Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
"	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
"	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
"	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.D.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
"	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
"	Menteri Kewangan Kedua, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
"	Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
"	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
"	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titiwangsa)
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K (Miri)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N. (Taiping)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
"	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
"	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
"	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
“	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
“	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
“	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
“	Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, D.S.P.N., P.I.S. (Johor Bahru)
“	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
“	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
“	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
“	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
“	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
“	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B. (Santubong)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
“	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
“	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
“	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
“	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
“	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
“	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
“	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
“	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
“	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A., S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
“	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
“	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
“	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
“	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
“	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)

Yang Berhormat	Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
“	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
“	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
“	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
“	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
“	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
“	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
“	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
“	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
“	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
“	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
“	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
“	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
“	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
“	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
“	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
“	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
“	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
“	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
“	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
“	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
“	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
“	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
“	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
“	Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
“	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
“	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
“	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
“	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
“	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
“	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
“	Tuan Liew Teck Chan (Gaya)
“	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)

Yang Berhormat	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
“	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
“	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
“	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
“	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
“	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
“	Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
“	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
“	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
“	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
“	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
“	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
“	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
“	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
“	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M. (Balik Pulau)
“	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
“	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
“	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
“	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
“	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
“	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
“	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
“	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
“	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
“	Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
“	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
“	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
“	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
“	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
“	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)

Yang Berhormat	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
“	Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu)
“	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
“	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
“	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
“	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
“	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
“	Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
“	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
“	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
“	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
“	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
“	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
“	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
“	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
“	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
“	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
“	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
“	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
“	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
“	Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
“	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
“	Dato' Tiong Thai King (Lanang)
“	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
“	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
“	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
“	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
“	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
“	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
“	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
“	Datin Paduka Seri Hajah Zaleha binti Ismail, S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
“	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
“	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

Yang Berhormat	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
“	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
“	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
“	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
“	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
“	Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Hajah Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Zaiton binti Yaacob

Ab. Talip bin Hasim

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Syed Azuddin bin Syed Othman

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Marzila binti Muslim

Habibunisah Mohd. Azir

Chong Lai Peng

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

Mohamed Shahrizan bin Sarif

JURUBAHASA SERENTAK

Paizah binti Haji Salehuddin

Mazidah binti Mohamed

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman Hajah

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman

Sulaiman bin Sirad

Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein

Azmi bin Othman

Zafniza binti Zakaria

Mohd. Sidek bin Mohd. Sani

Mazlina binti Ali

Norlaila binti Abdullah Sidi

Ropiah binti Tambi

Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 8 Mac 2003****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)*****mempengerusikan Mesyuarat]***

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Dr. Ting Chew Peh [Gopeng] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

- (a) berapa seriuskah masalah kekurangan buruh dan pekerja-pekerja dalam sektor pengeluaran di dalam negara; dan
- (b) statistik terkini jumlah pencari kerja mahir yang telah berdaftar dengan pihak kementerian.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan:

- (a) kekurangan buruh dan pekerja-pekerja dalam sektor pengeluaran di negara ini sungguhpun serius tetapi dapat diatasi. Bagi tempoh Januari hingga Disember tahun 2002 jumlah besar pendaftaran baru yang berdaftar dengan kementerian adalah pekerja pengeluaran dan berkaitan seperti operator peralatan, pengangkutan dan buruh yang berjumlah 26,515 orang berbanding dengan 102,915 jawatan kosong baru yang dilaporkan oleh pihak majikan bagi kumpulan kerja dalam tempoh yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat data ini tidak menyeluruh kerana pendaftaran pencari kerja adalah secara sukarela sahaja. Walau bagaimanapun, kekosongan jawatan ini telah diisi oleh pekerja-pekerja yang diberhentikan dan juga pengambilan pekerja asing daripada negara-negara sumber seperti Indonesia, Thailand, Kemboja, Nepal, Myanmar, Laos, Vietnam dan Filipina. Sehingga Disember tahun 2002 seramai 1,057, 000 orang pekerja asing bekerja di negara ini. Dari jumlah tersebut seramai 332,000 adalah bagi sektor perkilangan iaitu 31.4%;

- (b) statistik terkini bagi jumlah pekerja mahir, pekerja profesional dan teknikal yang telah berdaftar dengan Kementerian Sumber Manusia dari Januari hingga Februari 2003 adalah seramai 3,982 orang. Pada tempoh yang sama seramai 5,641 graduan universiti juga telah berdaftar dengan kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Gelang Patah.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menghuraikan bagaimanakah pihak kementerian akan bekerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan iaitu mendapat kerjasama daripada Kementerian

Pendidikan untuk mengadakan cukup tenaga kerja yang mahir, supaya kita dapat mencapai matlamat daripada P-Ekonomi kepada K-Ekonomi kerana selama ini kita berlandaskan ekonomi kita dengan ramai pekerja, yang mana bila kita melangkah ke peringkat K-Ekonomi kita perlu lebih ramai pekerja atau sumber manusia yang mahir dalam teknikal dan IT? Sekian terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan dari Ahli Yang Berhormat Gelang Patah ini, Kementerian Sumber Manusia.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Gelang Patah.

Datuk Dr. Fong Chan Onn:selalu bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan khususnya dari segi memberi *feedback* yang Kementerian dapat berkaitan dengan keperluan dari swasta, dari majikan, dari kilang-kilang dan sebagainya, dengan itu Kementerian Pendidikan boleh memberi nasihat kepada universiti-universiti tempatan dari segi kurikulum, dari segi kandungan dan sebagainya. Selain dari itu juga Kementerian Sumber Manusia sanggup menyediakan program-program latihan semula untuk graduan-graduan sama ada dari universiti tempatan atau dari luar negara supaya mereka boleh dilengkapi dengan kemahiran di bidang ICT, di bidang bahasa dan sebagainya dan dengan itu boleh menolong mereka mencari pekerja.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri tadi negara kita masih mempunyai pekerja asing lebih dari satu juta, kalau tidak silap saya tadi. Memandangkan perkembangan semasa sentiasa berubah saya lihat masa yang terdekat ini ada berbeza sedikit di mana kilang-kilang kadang-kadang lebih pekerja daripada yang diperlukan mungkin sebab-sebab yang tertentu. Adakah kementerian mempunyai polisi yang menekankan *labour intensive* ataupun kita masih hendak elakkan daripada *labour intensive* supaya lebih mementingkan *hi-tech technology* di negara kita? Saya ingin mendapat sedikit penjelasan, terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kluang. Memang adalah dasar kementerian dan juga dasar kerajaan untuk menggalakkan kilang-kilang di negara kita ini berautomasi menggunakan cara-cara pengeluaran yang berteknologi tinggi untuk mengurangkan keperluan pekerja asing. Dalam konteks ini Kementerian Sumber Manusia akan selalu menghubungi dengan kilang-kilang, sekiranya mereka ada pekerja-pekerja khususnya pekerja asing yang berlebihan, pekerja-pekerja tersebut boleh disalurkan kepada kilang-kilang yang lain yang masih memerlukannya. Dari segi dasar, dari segi strategi bagi jangka masa panjang, kementerian akan terus menasihatkan kilang-kilang menggunakan lebih peralatan, lebih kemudahan menggunakan cara-cara pengeluaran yang moden yang berteknologi tinggi, supaya kita bukan sahaja boleh mengurangkan keperluan pekerja-pekerja asing tetapi juga boleh mempertingkatkan kualiti produk kita supaya kita boleh memperoleh sebahagian besar pasaran antarabangsa.

2. Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan, usaha yang telah dibuat bagi menggalakkan usahawan bumiputera menceburi industri automobil yang sedang berkembang pesat sekarang. Sejauh manakah langkah yang telah diambil bagi memastikan usahawan bumiputera berkenaan benar-benar bersedia menghadapi perlaksanaan AFTA sepenuhnya (tahun 2005)

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Bachok, tetapi soalan MRSM tidak berani masuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus, hm, hm...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya *frust* Yang Berhormat, ayam betina. *[Ketawa]*

Seorang Ahli PAS: [Menyampuk]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak berani, takut. Dalam kantin ada, tak masuk, betul Rantau Panjang, pergi tanya ini Baling, tidak berani masuk. Hah, ayam betinalah semua ini di hadapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab ayam betina ini. *[Ketawa]* Kementerian Pembangunan Usahawan sentiasa berusaha menggalakkan penyertaan usahawan-usahawan bumiputera dalam semua industri strategik termasuk industri automobil. Penglibatan bumiputera dalam industri automobil adalah dikendalikan melalui Program Pembangunan Vendor atau PPV. Sehingga 31 Disember 2002, sejumlah 57 buah syarikat vendor telah dibangunkan untuk membekalkan komponen dan peralatan automobil (50 di Proton dan 7 di Perodua). Selain itu, 25 buah syarikat telah dibangunkan sebagai *sub-vendor* kepada vendor Proton sedia ada.

Bagi meningkatkan lagi penyertaan IKS bumiputera dalam industri automobil, peluang-peluang terus didapatkan daripada syarikat besar lain seperti Malaysian Truck & Bus (MTB). Kementerian saya telah mengambil beberapa pendekatan bagi menyediakan syarikat-syarikat vendor menghadapi persaingan di bawah AFTA. Ini termasuklah mengadakan kerjasama dengan Technology Park Malaysia Corporation, SMIDEC dan MTDC dalam menganjurkan latihan-latihan teknikal seperti kursus *injection moulding* dan kursus *mould and die* yang menjurus kepada peningkatan produktiviti dan kualiti serta kos yang kompetitif bagi syarikat vendor. Seminar-seminar juga diadakan untuk memberi kesedaran kepada IKS mengenai implikasi WTO dan AFTA.

Dengan SIRIM pula kementerian melaksanakan program untuk IKS mendapatkan pengiktirafan piawaian antarabangsa ISO 9000. Sehingga ini kira-kira 75% syarikat IKS vendor automobil di bawah PPV telah berjaya memperolehi sijil pengiktirafan ISO 9000 daripada SIRIM Berhad. Di samping itu, Syarikat Proton dan Perodua juga melaksanakan beberapa aktiviti untuk membantu IKS Vendor mampu bersaing di pasaran global kini dalam aspek mempertingkatkan keupayaan teknikal syarikat vendor, menaik taraf pembekal, peningkatan kualiti, galakan eksport Vendor Enhancement Program dan lain-lain program dalaman.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, terima kasih Dato' Menteri. Terima kasih jugalah kerana prihatin nombor 16 dalam Order asal sudah jadi nombor 2 ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hm, tidak mengapalah Yang Berhormat, itu rezeki Yang Berhormat. Teruskan.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Saya ingat tidak rezeki, mungkin Menteri hendak mengata ayam betina hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tidak tahu, jantan betina saya tidak tahu. Terus Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: *[Ketawa]* Baik. Saya membaca Laporan MAPEN 2 dan Dasar Pembangunan Wawasan menjelang 2010 ini, memanglah pihak kementerian ini diberi tanggungjawab khusus untuk melahirkan usahawan bumiputera dalam usaha untuk melahirkan usahawan bumiputera yang berdaya saing dan mempunyai suatu peluang masa hadapan yang cerah dalam industri ini, automobil maksudnya, mungkin usaha itu boleh dibuat dengan pelbagai cara, di antara yang telah disebut ialah untuk memastikan golongan usahawan bumiputera ini dapat melaksanakan perkongsian bijak dengan pihak-pihak yang bukan daripada kalangan bumiputera termasuklah rakyat asing serta menggabungkan kepakaran daripada syarikat multinasional.

Persoalan AFTA yang akan dihadapi pada tahun 2005 nanti, sudah pasti ia melebarkan lagi persaingan. Kalau bumiputera ini diperapkan dalam negara kita, tidak cuba diperlebar industri mereka ke luar negara, saya yakin persaingan kita akan menghadapi kekalahan. Soalannya ialah, pihak syarikat bumiputera kita yang masih bertaraf IKS ini yang terlibat dalam *autopart industry* ini, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian adakah pihak MARA ataupun agensi-agensi di bawah kementerian Yang Berhormat telah mengambil satu langkah yang lebih proaktif bagi

melebarkan syarikat-syarikat tersebut untuk bertaraf berskala besar dan mencari peluang-peluang membuka industri mereka di negara jiran khususnya dalam memenangi persaingan yang akan dihadapi. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, semua kita bercakap tentang AFTA dan WTO dan sememangnya perkara ini selalu dilihat sebagai satu perkara yang mungkin akan menyulitkan kita. Saya mahu melihat iaitu kedatangan AFTA dan juga WTO sebagai peluang kita membesarkan pasaran kita. Kita tidak seharusnya merasa mempunyai pemikiran negatif iaitu apabila AFTA ada, kita bimbang orang akan masuk pasaran kita tetapi seperti kita main bola, kita kena fikir untuk menyumbat gol kita punya orang *opponent* kita, dengan izin, sebab itu saya mahu kita melihat AFTA ini sebagai sebenarnya peluang untuk kita pergi ke pasaran yang lebih besar lagi, itu kita harus fikir sebagai secara positif.

Kalau kita fikir negatif maknanya kita lihat AFTA orang hendak masuk pasaran kita, jadi kerja kita dok pertahankan gol kita sahaja, kita tidak menyerang, sebab itu saya mahu supaya syarikat bumiputera harus fikir AFTA adalah untuk berniaga dalam pasaran yang lebih besar. Kita ada masalah. Dalam Malaysia yang tidak terbuka perdagangannya itu pun kita bumiputera kebelakangan. Apatah lagi kalau AFTA, maka kita terpaksa bersaing bukan sahaja dengan yang bukan bumiputera, tetapi kita terpaksa bersaing dengan syarikat daripada luar negara, maka oleh kerana itu betul Yang Berhormat sebut sebentar tadi, iaitu di antara strategi yang kita usahakan, kerjasama di antara syarikat-syarikat Malaysia, di antara bumiputera dan bukan bumiputera, kita ada satu majlis yang dikatakan majlis kerjasama di antara *chambers*, dengan izin, Indian Chamber of Commerce, Chinese Chamber of Commerce dan juga Malay Chamber of Commerce.

Kita mahu supaya ketiga-tiga ini berusaha bekerja. Dalam perniagaan, tidak boleh mempunyai sikap nasionalisme sehinggakan kita kata syarikat itu 100% mesti bumiputera, tidak boleh. Kita hendak berniaga juga dengan orang yang bukan bumiputera. Kalau kita hanya berniaga dengan bumiputera sahaja, maka kita mengehadkan kita punya peluang untuk membuat *profit* kepada wang-wang yang datang daripada bumiputera sahaja. Sebab itu saya, untuk menghadapi AFTA ini, menggalak kerana kementerian saya bukan hanya menjaga keusahawanan dari kalangan bumiputera tetapi keusahawanan untuk semua rakyat Malaysia termasuk yang bukan bumiputera. Sebab itu saya mahu supaya ada kerjasama di antara syarikat bukan bumiputera dan bumiputera, kita bekerjasama sebagai syarikat Malaysia. Kalau kita bergabung dengan syarikat bukan bumiputera daripada masyarakat Cina Malaysia kita, maka kita ada peluang untuk pergi ke negara China sebab mereka sudah tentu ada hubungan dan penggunaan bahasa Mandarin dan lain-lain dan begitu juga dengan India, kita juga boleh bersama-sama bekerja untuk menjayakan perniagaan kita dengan kita mengadakan dengan syarikat India untuk kita mencari peluang di India.

Jadi, sebab itu kalau Yang Berhormat tanya kepada saya berkenaan dengan AFTA ini saya punya strategi daripada kementerian saya ialah untuk menggalak kerjasama di antara syarikat-syarikat bumiputera dan juga bukan bumiputera kerana dalam kita hendak melawan dengan syarikat luar negara, kita tidak ada pilihan melainkan kita harus bekerjasama untuk menjadikan kita sebagai sebuah syarikat yang berskala besar untuk kita boleh bersaing dengan syarikat daripada luar negara.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kita sedar dalam menghadapi cabaran global, industri automobil Malaysia menuju ke arah untuk memperkembangkan aktiviti dan pengeluaran komponen dan *spare parts*. Seperti mana Yang Berhormat Menteri menyatakan tadi, terdapat 57 buah syarikat di bawah program PPV. Ini merupakan 20% daripada keseluruhan syarikat yang terlibat dalam industri pengeluaran komponen dan *spare parts* negara. Jadi soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, daripada 57 buah syarikat tersebut, berapa banyak kah daripadanya yang telah pun menjual produk di peringkat antarabangsa dan seterusnya? Apakah langkah-langkah yang dibuat oleh kementerian supaya lebih banyak lagi syarikat dalam 57 tersebut yang dapat menjual produk mereka di pasaran antarabangsa? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini 57 buah syarikat yang mengeluarkan produk-produk yang diperlukan ialah untuk keperluan

dalam negara. Mereka belum lagi menjual barang-barang ini ke luar negara kerana mereka merupakan vendor kepada syarikat Proton dan juga Perodua, jadi semua produk yang dikeluarkan oleh syarikat ini, sebagai contoh macam *metal parts* ada 17 syarikat, *plastic injection moulding* – 13, *electric, electronic parts* – 11, *rubber parts* – 3, *machining parts* – 2, *die casting* – 1, *stickers and patterns* – 1 dan lain-lain 9 buah syarikat. Oleh kerana mereka merupakan status vendor, ia hanya menjual kepada syarikat Proton dan juga Perodua sahaja, belum lagi menjual ke luar negara.

3. Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin [Batu Pahat] minta Menteri Pertanian menyatakan, apakah langkah proaktif bagi menjaga masa depan industri penanaman padi negara yang kini diancam oleh gejala penyeludupan secara berleluasa dari negara jiran sejak tahun 1999 hingga sekarang, hinggakan tercetusnya krisis dan masalah yang besar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjaga masa depan industri penanaman padi negara, beberapa langkah proaktif sedang dilaksanakan secara bersepadu oleh kerajaan, ini termasuk penubuhan pasukan khas membasmu penyeludupan yang dianggotai oleh jabatan-jabatan, agensi-agensi dan pihak-pihak penguatkuasaan dan pengawalan penyeludupan. Di samping itu, beberapa insentif telah diwujudkan bagi mendapatkan kerjasama pemberi-pemberi maklumat berkaitan dengan penyeludupan beras. Selain daripada meningkatkan pengawalan ke atas pengimportan beras, pemantauan ke atas stok beras di peringkat pemborong akan juga dipertimbangkan.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Setiausaha Parlimen di atas jawapan yang diberikan kerana saya yakin di atas langkah-langkah secara konsisten dengan keazaman dan *political will*, dengan izin, bagi menyusun semula sektor industri padi negara agar lebih kompetitif di peringkat antarabangsa kerana lambakan bermusim menyebabkan kerajaan mempunyai hak untuk campur tangan bagi menstabilkan harga padi. Ini memandangkan sikap pengilang yang mengenakan kadar pemotongan basah dan bendasing yang lebih tinggi dan keengganan pengilang membeli padi dari petani-petani. Soalan tambahan saya, adakah kementerian menyedari sindiket yang terancang di antara penyeludup dan pengilang dan juga pemborong beras yang terus memberi tekanan kepada sektor industri padi negara? Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Memang kerajaan sedar perkara ini berlaku dan kami telah menubuhkan suatu Pasukan Petugas yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian untuk memantau pergerakan beras dan langkah-langkah kita. Malahan kita telah bekerjasama dengan pihak-pihak Kastam, Polis, Tentera dan Kawalan Selia Padi untuk menentukan semua pintu masuk termasuk Pelabuhan Klang, Pulau Pinang dan di kawasan Kelantan dan Kedah dapat dipantau secara usaha sama. Insya-Allah kita akan terus memberi penekanan dalam perkara ini dan harapan kita adalah agar kemasukan beras dari negara luar terkawal dan dikurangkan. Terima kasih.

Dato' Othman bin Abdul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini berkait dengan masa depan industri padi negara. Penyeludupan bukan sahaja salah satu sebab yang boleh menyebabkan kemerosotan industri negara bahkan ada sebab-sebab yang lain. Antaranya, saya hendak tanya Yang Berhormat ini soalan tambahan, kawasan saya ini sebahagian besar kawasan kilang padi iaitu MADA. Apakah langkah-langkah kerajaan atau kementerian untuk menyusun jadual menanam padi supaya padi tidak dikeluarkan, dituai dalam satu masa yang sama dan menyebabkan lambakan padi yang banyak yang menyusahkan para petani.

Yang kedua, Dato' Setiausaha Parlimen, tadi Ahli Yang Berhormat bagi Batu Pahat bertanya keengganan kilang-kilang tidak mahu membeli padi kerana keluaran padi bertambah. Kesatuan Pengilang berkata, kami mahu yang berkualiti tinggi pada hal pada musim padi kurang, dia bagi imbuhan kepada pemandu-pemandu lori iaitu satu lori seringgit untuk dihantar ke kilang dia.

Apakah tindakan kementerian yang kita hendak tahu bagi membolehkan para petani ini menikmati hasil pertanian mereka, keluaran mereka dengan optimum. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih sahabat saya Ahli Yang Berhormat bagi Pendang - orang lama. Tuan Yang di-Pertua, memang benarlah apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pendang tadi, walaupun demikian Ahli Yang Berhormat bagi Arau tahulah. Kita menyusun strategi, kita mengadakan *schedule* di mana kita membuat berperingkat-peringkat tanaman padi dengan harapan supaya segala padi itu tidak masak sekali gus.

Kita lakukan secara berperingkat setiap tiga minggu sehinggakan berselang dua bulan atau lebih. Jadual ini dilakukan di kawasan MADA. Kita mengharapkan dengan anjakan ini, tanaman padi akan terjaga kerana kita hendakkan:

- (i) pembajakan dan juga penuaian dilanjutkan untuk jangka dua bulan. Dengan lain-lain perkataan, kita memberi peluang kepada pihak pengilang untuk *adjust* dia punya *time* dengan izin, untuk membolehkan mereka membeli padi.
- (ii) kualiti padi – sekarang ini kita ada MRQ 50 setanding dengan *Basmathi rice*. Jadi insya-Allah, dengan kegigihan pihak MARDI, kita akan mengeluarkan padi yang lebih bermutu dan insya-Allah kita akan mendapatkan mutu yang lebih tinggi lagi.

Keengganan pihak pengilang membeli, saya kira perkara ini, kita akan memperketat lagi pemberian lesen ataupun *renewal of licences* kerana kita dapati kalau berlaku demikian adalah amat malang sekali kerana disebabkan oleh pengilang maka peladang tidak mendapat hasil yang baik. Terima kasih.

4. Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan jumlah usahawan kecil yang telah mendapatkan pinjaman di bawah program "TEKUN".

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, skim pinjaman Tabung Ekonomi Kumpulan Usahaniaga atau TEKUN yang dilaksanakan oleh Yayasan TEKUN Nasional diwujudkan bagi membantu usahawan kecil bumiputera mendapatkan pinjaman perniagaan tanpa cagaran atau penjamin. Sejak program pinjaman TEKUN dilancarkan pada 25 Mei 1999 sehingga 28 Februari 2003, Yayasan TEKUN Nasional telah memberi pinjaman bernilai RM259,089,000 kepada 64,615 usahawan kecil di 158 kawasan Parlimen di seluruh negara.

Tuan Richard Riot Anak Jaem: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di kawasan Parlimen saya di Serian belum ada pejabat TEKUN. Jadi soalan saya, adakah kementerian bercadang untuk membuka pejabat TEKUN di Serian? Kalau tidak, mengapa? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sarawak, kaedah kita menjalankan pentadbiran TEKUN ini ialah dengan menggunakan pejabat Ketua Menteri yang mengendalikan pinjaman TEKUN di seluruh negeri Sarawak dan Timbalan Menteri yang bertanggungjawab kalau tidak silap saya ialah Yang Berhormat Abu Hassan Dee. Maka mungkin oleh kerana itu, tidak dibuka pejabat-pejabat di kawasan-kawasan Parlimen berkenaan. Kalau sekiranya Yang Berhormat mencadangkan supaya TEKUN dikendalikan terus oleh Kuala Lumpur, kemungkinan besar kita boleh laksanakan ini dan kita boleh mengendalikan seperti mana kita mengendalikan di Semenanjung dan juga di Sabah dengan setiap kawasan Parlimen membuka pejabat TEKUN dia sendiri. Terima kasih.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Dato' Menteri, saya ingin bertanya dari segi peruntukan sebanyak RM259 juta yang telah dikeluarkan setakat ini, bagaimana *track record* pembayaran balik memandangkan ini adalah pinjaman tetapi tanpa cagaran.

Bagaimana kadar bayaran balik khususnya kalau dia berbanding dengan sistem yang diamalkan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia dan seterusnya bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan pecahan bagi negeri Sabah dan Sarawak tentang jumlah peruntukan yang dikeluarkan itu supaya kita ada gambaran tentang sambutan rakyat kita terhadap tabung ini? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada *detail* berkenaan dengan pembayaran balik tetapi pada keseluruhannya daripada taklimat yang telah diberikan kepada saya, pembayaran balik itu adalah cukup baik sekali kerana:

- (i) ia merupakan pinjaman yang kecil;
- (ii) kaedah yang kita lakukan itu adalah betul sebab kita kutip tiap-tiap minggu. Jadi sebelum dia ada peluang hendak guna duit itu untuk pergi bersiar, kita kutip duit. Bayaran tiap-tiap minggu;
- (iii) bayaran itu dibuat di tempat dia bekerja. Jadi dia tidak ada alasan lagi untuk mengatakan bahawa dia tidak ada masa hendak pergi ke pejabat TEKUN hendak bayar kerana kita pergi ke tempat dia berniaga, kita kutip di situ;
- (iv) pinjaman ini diberikan kepada orang yang sudah berniaga, bermakna dia bukan baru mula hendak berniaga. Dia sudah berniaga. Pinjaman ini merupakan pinjaman modal tambahan. Sebab itu pinjaman balik adalah cukup bagus. Kalau tidak silap saya, kurang daripada 7% NPL, *very good* dan sehingga pada hari ini saya difahamkan iaitu bahawa hanya ada 10 kawasan Parlimen sahaja yang bermasalah. Yang lain semua berjalan dengan begitu baik.

Jadi sebab itu, saya rasa TEKUN adalah suatu skim yang berjaya dan insya-Allah, Perbendaharaan akan ataupun sudah bersetuju untuk memberikan kita sejumlah RM138 juta lagi sebagai pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil untuk mengelak mereka daripada pergi kepada Along yang majikan masalah kepada kita. Berkenaan dengan pinjaman di negeri Sabah juga baik sekali cuma butiran yang lebih *detail* kalau Yang Berhormat mahu, saya akan beri nanti. Terima kasih.

5. Datuk Goh Siow Huat [Rasah] minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan, adakah kementerian mempunyai rancangan untuk menjemput Ahli-ahli Parlimen negara asing membuat melawat ke negara kita setiap bulan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan [Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memang pernah menjemput Ahli-ahli Parlimen negara asing untuk membuat lawatan ke negara kita dalam program yang digelar *Mega Familiarization Tour* setiap bulan tetapi mereka dijemput bukan oleh sebab kapasiti mereka sebagai Ahli Parlimen tetapi atas kapasiti orang-orang tertentu yang boleh membantu memajukan sektor pelancongan negara.

Program Mega Fam kementerian ini adalah suatu program fokus yang khusus disasarkan kepada orang-orang daripada luar negara yang mewakili syarikat-syarikat pelancongan dan juga media massa dan badan-badan yang lain yang boleh membantu meningkatkan kemasukan pelancong ke negara kita. Hitung panjang kita menjemput lebih daripada 600 orang setiap bulan di bawah Program Mega Fam ini. Peserta-peserta program ini akan turut menyaksikan dan menikmati serta merakamkan program-program yang telah diatitkan oleh kementerian ini sebelum mereka dibawa menjelajah ke tempat-tempat lain ke seluruh negara.

Perbelanjaan membawa mereka juga adalah tidak seberapa kerana pihak syarikat penerbangan yang mempunyai penerbangan ke Malaysia memberi tiket percuma. Hotel-

hotel pula memberi tempat penginapan, makan dan minum secara percuma. Syarikat-syarikat pelancongan pula memberi kenderaan percuma. Tetamu-tetamu kita ini adalah sangat penting kepada perusahaan-perusahaan mereka.

Sebagai contoh, pada Majlis Rumah Terbuka Nasional Hari Raya Aidil Fitri tahun lepas di Jitra Kedah, seramai 388 orang telah dijemput termasuk 46 orang wartawan dan 22 buah stesen TV dari seluruh negara. Nilai publisiti yang kita telah perolehi daripada tulisan serta siaran-siaran mereka adalah lebih daripada RM25 juta. Bagi Majlis Rumah Terbuka Nasional Tahun Baru Cina 2003 di Petaling Jaya tahun ini pula seramai 238 orang telah dijemput termasuk 85 orang wartawan dan 9 buah stesen TV. Nilai publisiti yang diperolehi oleh negara kita adalah tidak kurang daripada RM10 juta.

Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, menerusi program Mega Fam ini kita telah pun berjaya untuk mempromosikan negara kita ke seluruh dunia secara yang paling ekonomi. Pada perkiraan saya program Mega Fam ini adalah merupakan di antara penyumbang utama dalam kejayaan kita meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke negara kita dari 5.5 juta orang pada tahun 1998 kepada hampir 13.3 juta pada tahun 2002.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini memandangkan wabak SARS dan juga perang Iraq, bagaimana kementerian akan mengubah ataupun menyesuaikan diri dalam menarik pelancong ke negara ini? Terima kasih.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kedua-dua mala petaka ini memang merupakan satu pukulan yang cukup teruk kepada industri pelancongan negara, lebih-lebih lagi penyakit SARS ini tetapi alhamdulillah, nampaknya kedua-dua *problem* ini mula nampak tanda-tanda akan berakhir. Perang pun begitu nampaknya ada tanda-tanda akan berakhir dan penyakit SARS juga saya dapati di antara laporan-laporan di merata tempat telah pun mula dikawal dan kes-kes baru pun nampak kurang. Saya penuh yakin dalam masa dua atau tiga minggu lagi penyakit ini dengan tindakan-tindakan keras yang sedang di ambil oleh semua negara seperti China, Hong Kong, Taiwan, *World Health Organization* dan kita sendiri di Malaysia saya yakin bahawa ini akan dapat diatasi.

Sekarang kita hendak ambil tindakan apa-apa pun susah. Dahulu bila kita ada masalah di Barat, kita alih pandangan kita ke Asia. Tetapi sekarang di Barat pun bermasalah, di Asia pun bermasalah. Jadi cuma kita berharap supaya kedua-dua masalah ini dapat diatasi segera. Namun demikian, kita sedang juga membuat kreatif-kreatif baru dan sebagainya, kalaulah kedua-dua masalah ini berpanjangan maka kita akan menyesuaikan dengan keadaan tersebut. Sementara waktu ini kita akan tingkatkan lagi kempen kita untuk pelancongan domestik, pelancongan pelajar dalam negeri supaya hotel-hotel, restoran kita dan sebagainya masih dapat diisikan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih di atas usaha Menteri untuk mempromosikan pelancongan dan Malaysia telah menjadi tempat destinasi yang menarik, yang utama. Kita membawa pemimpin atau Ahli-ahli Parlimen ke negara ini tetapi perlu juga ada usaha lain di samping Ahli-ahli Parlimen atau pemimpin. Oleh kerana destinasi pelancongan di tempat lain juga terjejas seperti di Amerika Syarikat dan negara-negara lain, apakah usaha kerajaan untuk mengadakan seminar antarabangsa ataupun persidangan-persidangan antarabangsa iaitu usaha kita melobi supaya seminar ataupun mesyuarat, perbincangan yang berkaitan dengan pelancongan dibawa ke Malaysia? Kita lobi supaya kita buat. Apakah ada jadual perkara ini yang akan kita laksanakan di negara kita Malaysia ini? Terima kasih.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kita tidak ada masalah untuk mendapatkan lebih pelancong dari Barat atau Timur. Alhamdulillah, kita telah pun dapat momentum yang baik tetapi cuma sekarang ini pelancong dari Barat itu kurang datang ke tempat kita oleh sebab peperangan di Iraq. Mereka agak segan untuk melintasi kawasan udara di kawasan tersebut. Di samping itu mereka juga telah membaca bahawa di rantau kita ini memang sedang menghadapi

masalah SARS. Jadi, itu sebab lagi yang mereka tidak mahu datang dan di Asia pula, kita semua tahulah mengenai dengan penyakit SARS. Kalau kita hendak mengadakan, mengatur sesuatu persidangan antarabangsa ianya akan mengambil masa dua, tiga empat bulan untuk diaturkan.

Saya penuh yakin sebelum itu semua perkara yang kita hendak bincang ini boleh diatasi. Malah kita telah pun mengaturkan kempen-kempen yang cukup hebat di Eropah tetapi *we have now to put it on hold* sementara, oleh sebab penyakit SARS ini. Jadi, Europe pun tidak hendak datang, lebih mengenai penyakit SARS daripada perang di Iraq. Jadi, kita pun *put it on hold* untuk dua, tiga minggu lagi sebelum kita akan laksanakan. Begitu juga, saya telah melawat negeri China selama dua minggu baru-baru ini. Kita telah juga menyediakan pelbagai kempen yang cukup hebat bersama-sama dengan syarikat-syarikat di negeri China. Itu juga kita terpaksa tunda sementara.

6. **Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, sejauh mana Tabung Amanah Pelajar Termiskin sebanyak RM85 juta telah diagihkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Tabung Amanah Pelajar Termiskin akan beroperasi setelah dibentangkan dan diluluskan di Parlimen yang dijangka pada sesi Mesyuarat Parlimen kali ini. Saya berharap pasukan Yang Berhormat sama-sama kita sokong, jangan kita bantah hal ini. Walaupun tabung tersebut belum beroperasi, Kementerian Pendidikan telah memperuntukkan sebanyak RM87.7 juta dan bukannya RM85 juta seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat di bawah Anggaran Belanja Mengurus 2003 yang merupakan peruntukan, dengan izin, *one-off* iaitu belanja hangus untuk bantuan kepada pelajar miskin.

Bantuan tersebut adalah sebanyak RM120 seorang pelajar dan telah diagihkan kepada 730,833 pelajar miskin di seluruh negara. Perlu dijelaskan sekali lagi bahawa peruntukan sebanyak RM87.7 tersebut bukan diambil daripada Tabung Amanah Pelajar Termiskin tetapi sumbangan pihak kerajaan untuk membantu pelajar-pelajar miskin. Apabila tabung tersebut beroperasi selain daripada mendapat peruntukan daripada kerajaan, sumbangan daripada pihak swasta, syarikat-syarikat, Ahli Korporat dan orang perseorangan adalah dialu-alukan untuk melibatkan penyertaan masyarakat dalam memajukan sektor pendidikan.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini banyak sekolah belum mendapat maklum balas mengenai permohonan bantuan untuk pelajar termiskin. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah langkah yang diambil oleh kementerian Yang Berhormat untuk memastikan bahawa Tabung Amanah Pelajar Termiskin ini boleh dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar yang mengehendaki bantuan ini? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat ingin saya jelaskan di sini bahawa peruntukan ini bukan hanya pada sekolah kebangsaan sahaja, ia termasuk sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Ini sudah kita masukkan. Bagi sekolah yang Yang Berhormat sebut tadi, saya belum dapat apa-apa maklum balas daripada sekolah tersebut, bagaimanapun saya minta Yang Berhormat boleh nyatakan kepada saya sekolah-sekolah yang berkenaan. Apa yang kita lakukan ialah yang melakukan pengisian borang dan sebagainya adalah dilakukan oleh pihak sekolah dan kemudian diajukan kepada PPD, PPD di hantar ke JPM dan JPM akan mendapat *approval* daripada kami. Ini saya rasa tidak mengambil masa yang lama asalkan benda itu sudah dilakukan oleh pihak sekolah. Kalau nama sekolah yang Yang Berhormat kata tadi tidak dapat apa-apa peruntukan, sila beritahu pihak kita. Kita sentiasa terbuka.

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan. Daripada penjelasan yang diberikan tadi, cadangan diperuntukkan sebanyak RM87.7 juta untuk diagihkan kepada lebih kurang 370 ribu pelajar miskin. Persoalan sekarang ialah bagaimana pihak kementerian mencadangkan pengagihan antara pelajar-pelajar di kawasan-kawasan yang

peratus kemiskinan lebih tinggi daripada kawasan-kawasan yang peratus kemiskinan lebih rendah.

Misal contoh di kawasan saya, sudah tentu berbeza, peratus kemiskinan lebih tinggi berbanding dengan kawasan yang Yang Berhormat sendiri, Sungai Petani. Begitu jugalah mungkin di antara satu sekolah dengan satu sekolah. Mungkin sekolah di dalam bandar peratusnya lebih rendah daripada sekolah-sekolah di kampung-kampung pedalaman dari segi kedudukan kemiskinan. Apakah pihak kementerian boleh menjamin bahawa pengagihan sejumlah besar wang sebegini dapat diambil kira dengan kedudukan-kedudukan yang sebegini? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa dari segi pengagihan ini, kita lakukan sebaik mungkin dan seadil yang boleh. Sebelum saya menjawab soalan yang itu, perlu saya nyatakan kepada Yang Berhormat, saya tahu ini akan dibangkitkan oleh pihak PAS terutama sekali. Adakah kita beri juga pada kawasan PAS? Saya berharaplah pihak Barisan Nasional jangan marah kepada pihak kita. Kalau saya ambil dari segi peruntukan yang sudah kita berikan, di Kelantan sahaja kita beri RM10,480,680 juta, manakala kawasan yang Barisan Nasional 100% di Johor, kita hanya peruntukan RM6,540,120 juta tetapi di Sarawak memanglah yang tertinggi sekali kita beri iaitu sebanyak RM17,949,120. *[Tepuk]* Ini kerana Sarawak itu besar.

Saya beritahu di sini Yang Berhormat, kita sebenarnya, Tabung Amanah Pelajar Termiskin ini kita beri kepada mereka yang mana dia punya pendapatan keluarganya di bawah RM500 ataupun per kapita keluarganya itu RM100. Kita beri, dan kalau murid-murid itu sudah pun mendapat bantuan daripada mana-mana pihak, yang itu kita tidak beri. Kita beri pada mereka yang betul-betul memerlukan.

Oleh itu, Yang Berhormat janganlah bimbang. Kawasan Baling memang kita beri satu peruntukan yang besar dan saya tidak ada angka itu. Walau bagaimanapun, saya jamin kalau ada anak-anak yang miskin sebab itu saya sudah kata bagi mereka yang di sekolah agama rakyat, kita galakkan mereka ini datang ke sekolah kebangsaan dan kita ada peruntukan. Sekiranya dia tidak ada wang kita beri wang, kalau dia tidak ada uniform, pun kita beri uniform. Malah macam-macam bantuan, bantuan makanan, bantuan itu dan ini. Jadi, sudah lengkap sekolah kebangsaan. Oleh sebab itulah kita buat, kita peruntukan di dalam Akta Pendidikan mewajibkan pendidikan rendah itu. Saya berharaplah Yang Berhormat, dalam soal pendidikan jangan kita politikkan. Kalau kita politikkan, anak-anak kita semua jadi tidak ketahuan.

7. **Datuk Robert Lau Hoi Chew [Sibu]** minta Menteri Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) pelan tindakan khas yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengatasi masalah mendak atau *silting* yang serius di Sungai Rajang, Sarawak; dan
- (b) mengapa siaran ramalan cuaca RTM tidak termasuk Sibu. Adakah disebabkan kementerian belum membina stesen meteorologi di Sibu. Jika ya, bilakah ianya akan dibina.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Sibu, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar sedang melaksanakan satu program khusus bagi menangani masalah pencemaran air termasuk *silting* di Batang Rajang.

Program untuk pencegahan, pencemaran dan peningkatan kualiti air Batang Rajang yang telah diluluskan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kelapan ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti air ke status bersih dan bebas dari pencemaran termasuk akibat lembapan dan kelodak supaya sungai ini dapat membekalkan pelbagai kegunaan serta boleh menjadi daya tarikan pelancong selepas projek pembersihan tersebut selesai dilaksanakan.

Program ini juga melibatkan pembentukan pelan-pelan tindakan bagi pencegahan pencemaran dan peningkatan kualiti air melalui satu kajian terperinci yang sedang diusahakan pelaksanaannya dan dijangka dapat disiapkan menjelang penghujung tahun 2004. Di samping itu, Jabatan Alam Sekitar telah mengambil langkah bagi meningkatkan penguatkuasaan ke atas punca-punca pencemaran di dalam limbangan Batang Rajang dan sedang mempergiatkan pelbagai aktiviti kesedaran awam supaya masyarakat setempat dapat bersama mencegah pencemaran sungai ini.

Untuk menjelaskan soalan kedua, stesen kaji cuaca Sibul telah ditubuhkan sejak tahun 60-an. Ramalan cuaca harian mengikut negeri atau bahagian dibekalkan melalui faks kepada RTM setiap hari untuk disiarkan melalui radio ataupun televisyen. Ini termasuk ramalan cuaca untuk bahagian-bahagian di Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Oktober 2000, ramalan cuaca 5 hari untuk bandar-bandar utama termasuk bandar Sibul dan ramalan cuaca untuk pusat pelancongan utama dipaparkan dalam laman web, Jabatan Kaji Cuaca.

Maklumat ramalan cuaca ini dikemaskinikan sekurang-kurangnya dua kali sehari dan boleh diambil oleh orang ramai atau pihak media massa untuk penyiaran radio, TV dan surat khabar. Ramalan cuaca ini juga boleh didapati melalui perkhidmatan telefon info-cuaca, dengan mendail nombor 600827752 dan perkhidmatan SMS TM-Touch, dengan nombor 200500. Terima kasih.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih saya berikan kepada Timbalan Menteri kerana jawapan begitu jelas tetapi saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa pencemaran air berlaku di Sungai Rajang. Sungai Rajang adalah satu sungai terpanjang di negara kita, dan kita semua harus sayangnya. Betulkah?

Beberapa Ahli: Betul.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Ini air bukan toksik kerana kuning macam itu kopi susulah, ya.

Beberapa Ahli: Milo.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Milo, ya. Ini adalah kerana hakisan tanah dari operasi pembalakan di *area* dalaman. Soalan saya ialah apakah nasihat atau amaran diberikan oleh kementerian, tindakan kepada operator pembalakan supaya mereka boleh *minimize* atau mengurangkan hakisan tanah di Sungai Rajang.

Soalan kedua,... [Disampuk]. Oh! Bahagian (b)...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang berkaitan, Yang Berhormat.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: ...ialah saya sudah beberapa kali terima jawapan daripada kementerian yang akan mengambil tindakan, tetapi saya mahu tahu berapa peruntukan ongkos untuk *clearing*, dengan izin, mendapan atau *silting* itu supaya kapal dari laut boleh sampai ke Pelabuhan Rajang yang sekarang dipengerusikan oleh rakan saya, Yang Berhormat bagi Lanang. [Ketawa] Tolonglah kerana sekarang kapal MISC tidak dapat

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: ... sampai ke Pelabuhan Rajang di Sibul kerana *silting problem*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dari Sibul, saya sudah tanya beliau beberapa kali...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Robert Lau Hoi Chew:tetapi masih tidak mengambil tindakan. Saya mahu tahu ongkosnya berapa, sudah diperuntukkan berapa? Bilakah akan disiapkan masalah mendapan atau *silting* di Sungai Rajang?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sibu dan juga sebenarnya Datuk Bandar Sibu. *[Ketawa]* Saya memang sangat setuju bahawa bukan sahaja Sungai Rajang tetapi semua sungai yang ada di negara kita ini harus kita sama-sama pelihara supaya ia menjadi saluran air yang bersih dan dapat dimanfaatkan serta dinikmati keindahannya.

Mengenai sebahagian daripada punca mengapa air Sungai Rajang ini berwarna seperti teh tarik ialah oleh kerana hakisan yang berlaku kesan daripada kerja-kerja pembalakan dan juga ladang-ladang kelapa sawit yang terdapat di bahagian hulu sungai. Jabatan Alam Sekitar di peringkat negeri sentiasa mengadakan perjumpaan dengan pengusaha-pengusaha ladang, dan saya juga sendiri pernah berjumpa dengan mereka untuk mengadakan perbincangan supaya dapat bersama-sama mengawal dan mengurangkan masalah pencemaran ini sebelum kita mengambil tindakan penguatkuasaan. Oleh sebab itu kita rasakan sebagai langkah yang terakhir, sebab itu di akhir penyelesaian tadi disebutkan bahawa sebahagian daripada program ialah untuk mengadakan pelbagai aktiviti kesedaran awam termasuklah orang ramai dan juga pengusaha-pengusaha balak dan juga pengusaha-pengusaha kelapa sawit.

Sebenarnya daripada pemerhatian yang dapat saya lihat dari lawatan saya sendiri ke sungai tersebut ada beberapa lagi punca yang menyebabkan masalah pencemaran dan kelodakan ini. Di antaranya ialah:-

- (i) terdapatnya beberapa kilang papan yang mengadakan operasi di tebing-tebing sungai yang membuang ataupun menyalurkan sebahagian daripada sisa-sisa kayu-kayu balak ini termasuk habuk papan dan sebagainya terus ke dalam sungai yang boleh menyebabkan masalah pencemaran dan juga kelodakan;
- (ii) terdapatnya penduduk yang membina rumah di tepi-tepi sungai di pekan Sibu yang kita lihat dari segi kemudahan, dari segi pembuangan air pelimbah dan mungkin tandas juga yang terus di *discharge* ke sungai. Ini juga satu perkara yang mungkin harus kita lihat supaya satu program untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur penduduk yang tinggal di tepi sungai dapat diadakan. Mungkin dengan saluran-saluran *sewerage* atau *sewage* ke kawasan darat di mana tangki-tangki *septic tank* boleh dibina di sebelah darat;
- (iii) terdapat beberapa pihak yang membiarkan bot-bot mereka yang telah rosak yang tidak boleh dipakai di tepi-tepi sungai, iaitu bot-bot ini dibiarkan terapung ataupun tenggelam di tepi sungai yang menyebabkan sebahagian daripada pencemaran di sungai tersebut; dan
- (iv) mungkin yang kita dapat lihat ialah sebahagian daripada kawasan di tepi sungai yang berhadapan dengan industri. Di Sibu telah pun dibenteng. Ini satu program yang baik yang kalau dapat kerjasama di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat menyambung pembinaan benteng ini di sepanjang Sungai Sibu, ini akan dapat mengurangkan masalah hakisan.

Ini di antara perkara-perkara yang dapat kita perhatikan hasil daripada lawatan-lawatan yang telah kita adakan di Sungai Rajang. Mengenai kos yang *detail*, saya tidak dapat beri hari ini, saya akan beri secara bertulis kepada Yang Berhormat berapakah kos yang telah dipersetujui untuk melaksanakan program-program baik pulih ataupun

peningkatan masalah-masalah yang berkaitan dengan kelodakan dan pencemaran di Sungai Rajang ini. Juga termasuk projek ataupun program untuk mengorek pasir ataupun mendalaman sebahagian daripada sungai bagi membolehkan kapal-kapal yang mempunyai berat tertentu dapat masuk sampai ke Pelabuhan Sibul. Terima kasih.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, pengalaman di Empangan Kenyir di mana ekor dari Empangan Bakun menyebabkan berlakunya hakisan pantai di Kuala Sungai Terengganu. Jadi, apakah pihak kerajaan telah meneliti kesan daripada pembinaan Empangan Bakun ini kepada Sungai Rajang ini sendiri memandangkan *force* atau kuasa air itu dengan sendirinya tidak kuat menyebabkan air laut lebih kuat daripada terusan air daripada sungai itu disebabkan oleh pembinaan empangan memandangkan Empangan Bakun ini lebih besar dan air yang seharusnya kuat itu oleh faktor-faktor tertentu makin perlahan? Sudahkah buat kajian ataupun tidak terhadap kesan-kesan kepada Sungai Rajang ini ekor dari Empangan Bakun tersebut? . Minta penjelasan.

Dato' Zainal bin Dahalan: Saya ingin menyatakan bahawa kajian secara umumnya telah dibuat apabila *EIA Report* disediakan bagi pembinaan Empangan Bakun. Bagaimanapun, saya tidak dapat hendak menyatakan maklumat yang terperinci mengenai kajian tersebut tetapi seperti mana yang kita maklum, oleh kerana Sungai Batang Rajang ini bukan satu sungai yang kita anggap terpanjang di negara kita, kita yakin bahawa pembinaan empangan di Bakun yang terletak di sebahagian daripada limban Sungai Rajang ini tidak akan memberikan kesan yang terlalu buruk kepada masalah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

8. **Tuan Saupi bin Daud [Tanah Merah]** minta Menteri Pertanian menyatakan, apakah perkembangan dan kemajuan terkini tentang pembinaan pusat pendaratan ikan dan pelabuhan perikanan di Tok Bali, Pasir Putih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia atau LKIM sedang membina sebuah pelabuhan perikanan Tok Bali di Kelantan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Pembinaan projek ini dilaksanakan melalui dua fasa, yang mana fasa 1 yang bermula pada tahun 2002 hingga 2003 melibatkan kerja-kerja tanah dan cerucuk kepingan keluli, manakala fasa ke-2 yang bermula pada tahun 2003 hingga 2005 akan melibatkan pembinaan jeti pengeluaran pemasaran, pejabat pentadbiran, jeti tambahan, pejabat agensi, pejabat pemborong, jeti bagi bot kecil, kantin, surau, pondok pengawal, tangki air dan pencawang elektrik.

Pihak LKIM juga telah memberi kelulusan tanah 11.61 ekar kepada kerajaan negeri melalui UPEN Kelantan untuk membina pelabuhan perikanan. Di samping mengadakan kemudahan infrastruktur pendaratan ikan yang lengkap untuk bot-bot menangkap ikan laut dalam, pembinaan pelabuhan Pekan Tok Bali ini akan dapat menggalakkan perkembangan industri hiliran dan huluran yang berasaskan perikanan di bawah kawasan berkenaan dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan industri makanan negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, jawapan bagi pertanyaan-pertanyaan jawapan lisan selesai.

[Masa untuk Soalan Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PATEN (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Paten 1983; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat yang akan datang.

USUL YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI **DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 27(3)**

**Draf Bagi Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan
Bahagian-Bahagian Pilihan Raya) (Negeri-negeri Tanah Melayu) 2003**

&

**Draf Bagi Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan
Bahagian-Bahagian Pilihan Raya) (Negeri Sabah) 2003**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan atas Usul Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri dan masalah dicadangkan:

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan di bawah seksyen 10 Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan bahawa **Draf bagi Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan Raya) (Negeri-negeri Tanah Melayu) 2003**, yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 3 April 2003 bersama dengan Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya bertarikh 10 Mac 2003 mengenai Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri dalam Negeri-negeri Tanah Melayu (termasuk Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya) dan Bahagian-bahagian Pilihan Raya Negeri di setiap negeri dalam Negeri-negeri Tanah Melayu dan yang akan dibuat di bawah seksyen 12 Jadual tersebut untuk menguatkuasakan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut, adalah diluluskan.” **[7 April 2003]**

DAN

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan di bawah seksyen 10 Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan bahawa **Draf bagi Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan Raya (Negeri Sabah) 2003**, yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 3 April 2003 bersama dengan Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya bertarikh 10 Mac 2003 mengenai Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri dalam Negeri Sabah dan yang akan dibuat di bawah seksyen 12 Jadual tersebut untuk menguatkuasakan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut adalah diluluskan.” **[7 April 2003]**

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya jemput Kluang menyambung ucapan.

11.06 pagi.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung perbahasan saya mengenai Laporan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan Raya pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah pun menyampaikan ucapan tahniah kepada pihak SPR kerana menyediakan pendaftar pemilih baru melalui 620 buah pejabat pos sepanjang tahun di seluruh negara. Saya berharap apabila menyediakan perkhidmatan ini SPR sentiasa harus memantau dari segi perkhidmatan ini supaya proses pendaftaran dapat dijalankan dengan lebih sistematik. Selain daripada itu, saya berharap juga kepada SPR supaya meluaskan lagi kempen untuk para pemilih baru khususnya di kawasan-kawasan luar bandar yang terpencil ataupun di dalam kawasan pedalaman....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang minta jalan. Sila

Tuan Ronald Kiandee: Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kluang. Saya juga menyambut baik langkah kerajaan untuk mengadakan pendaftaran pemilih ini secara sepanjang tahun dan menggunakan pejabat pos sebagai agensi yang melaksanakan pendaftaran tetapi di luar bandar Sabah dan Sarawak - di kawasan saya sebagai contoh - kawasan saya mempunyai 200 buah kampung dan cuma mempunyai dua buah pejabat pos dan dua buah Pejabat Pendaftaran Negara atau JPN. Kalau kita lihat strategi ini tidak sekali merangsang kepada pendaftaran pemilih bagi masyarakat luar bandar. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat mencadangkan dan melihat keperluan bahawa kerajaan di samping mengadakan pendaftaran pemilih sepanjang tahun ini dengan menggunakan pejabat pos sebagai agensi untuk melaksanakan pendaftaran tetapi di samping itu, SPR juga harus terus mengadakan pendaftaran bergerak terutama di kawasan-kawasan luar bandar seperti yang berlaku dan mendesak keperluannya seperti yang berada di luar bandar Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya kata tadi saya memang bersetuju. Selain daripada kita menyediakan perkhidmatan untuk pendaftar pemilih baru di 620 buah pejabat pos, selain daripada kita memperluaskan lagi kempen para pemilih baru di kawasan luar bandar, saya juga merayu kepada pihak SPR supaya dapat mengadakan kempen pendaftaran secara bergerak ke kawasan-kawasan pedalaman seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi khususnya di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada Suruhanjaya Pilihan Raya iaitu setakat hari ini selepas pilihan raya tahun 1999 jumlah pengundi baru yang telah didaftar melalui Suruhanjaya Pilihan Raya mengikut pecahan negeri masing-masing kerana saya difahamkan pada tahun 2001 masih terdapat 2.1 juta warga Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas yang belum lagi berdaftar sebagai pemilih. Ini termasuk di negeri Johor ada 241,346 orang. Jadi, saya berharaplah Suruhanjaya Pilihan Raya dapat memaklumkan jumlah pemilih baru yang dapat didaftar selepas tahun 1999 ini.

Saya juga ingin tanya sama ada kemudahan *hotline* dan *website* Suruhanjaya Pilihan Raya masih wujud. Kalau ia masih berfungsi ataupun memberi perkhidmatan seterusnya saya juga berharap supaya Suruhanjaya Pilihan Raya sentiasa melihat perkara ini supaya maklumat harus di *update* dan memberi maklumat yang tepat kepada orang awam. Jadi, saya berharap pelbagai perkara yang dapat dijalankan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin memberi satu dua cadangan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya khususnya kalau Suruhanjaya Pilihan Raya dapat mengadakan sistem *online* dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Tujuan mengadakan *online* ini, saya

berharap Suruhanjaya Pilihan Raya dapat melihat ataupun mengkaji sama ada praktikal atau tidak kalau selepas ada sistem *online* ini sama ada praktikal atau tidak kalau seorang pemilih baru ingin berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya sama ada boleh melalui Internet. Dari segi *machinery* saya harap pihak Suruhanjaya Pilihan Raya dapat kaji kalau seorang pemilih ataupun seorang warga Malaysia yang sampai umur 21 tahun mereka boleh mendaftar melalui Internet dan mungkin pihak Suruhanjaya Pilihan Raya dapat mengesan dengan JPN....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ya, Batang Lupar berdiri, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan? Ya, sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Soalan Yang Berhormat tadi ialah sama ada boleh dibuat *online* di antara Suruhanjaya Pilihan Raya dengan Jabatan Pendaftaran. Adakah ini Yang Berhormat bermakna kita membuat satu pendaftaran pengundi secara automatik? Maknanya kalau seseorang itu telah mencapai umur 21 tahun komputer di pejabat pendaftaran itu dengan secara automatik akan memberi maklumat kepada Suruhanjaya Pilihan Raya dan Suruhanjaya Pilihan Raya akan menerima pakai pendaftaran itu dan sebagai satu data yang baru dan di *synchronize* untuk berlandaskan *qualification* seseorang itu sebagai seorang pengundi. Tetapi adakah ini cadangan Yang Berhormat sebut tadi? Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Ini kajian kedua. Saya berharap pada peringkat ini kalau Suruhanjaya Pilihan Raya dapat menjalankan sistem ini supaya *online* dengan JPN selepas seorang warga Malaysia sampai umur 21 tahun dia mohon, Suruhanjaya Pilihan Raya dapat *certify* atau mengesahkan umur dan juga identitinya supaya dapat mengesahkan dan memberitahu kepada pemohon ini supaya dia sah menjadi pengundi. Selepas ini mungkin sudah tiba masanya Suruhanjaya Pilihan Raya dapat memikirkan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar tadi iaitu secara automatik. Kalau seorang warga Malaysia sampai usia 21 tahun secara automatik mendaftar sebagai seorang pengundi.

Pandangan saya ialah mungkin kita boleh buat secara *compulsory registration* tetapi bukan *compulsory voting*. Mungkin peringkat ini masih belum sesuai untuk kita mewajibkan semua rakyat Malaysia *compulsory voting* ini tetapi kita boleh memikirkan mungkin dari segi *compulsory registration* dan selepas itu mungkin sampai satu masa kemudian bila sesuai untuk kita *compulsory voting* mungkin pihak Suruhanjaya Pilihan Raya dapat memikirkan perkara ini. Jadi, dengan cara ini saya fikir ia dapat mengurangkan beban Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menjalankan kempen mendaftar pengundi dan tentu sekali dapat menggalakkan lebih ramai warga Malaysia yang layak untuk menjalankan tugas ataupun tanggungjawab mereka untuk memilih wakil rakyat mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin membangkitkan tentang panduan asas yang digunakan untuk menentukan bilangan pemilih bahagian-bahagian pilihan raya oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya. Saya bangkitkan perkara ini adalah kerana untuk memberitahu semua pihak kerana Suruhanjaya Pilihan Raya menjalankan tugas ini ia merupakan satu badan yang bebas dan apabila menjalankan tugas dan tindakan yang diambil memanglah adil kepada semua pihak. Di sini saya lihat panduan yang diikuti oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya, Suruhanjaya Pilihan Raya mengkategorikan kawasan-kawasan dengan dua cara. Satu mungkin semua kawasan Parlimen dan DUN ertinya kawasan DUN di satu Parlimen adalah dalam satu kawasan pentadbiran daerah. Di samping itu 5 kategori adalah merupakan:

- (i) Bandar raya;
- (ii) bandar ataupun pusat bandar;
- (iii) separuh bandar;
- (iv) separuh luar bandar; dan
- (v) kawasan luar bandar.

Saya teliti dengan perkara ini sebab ini terlibat kawasan saya juga. Saya lihat dari segi kategori bandar raya ia adalah merupakan bandar-bandar kosmopolitan yang besar dengan penduduknya yang padat dan kawasan yang sempit antara 8 hingga 26 kilometer persegi. Bilangan pemilih yang ditetapkan adalah antara 70,000 hingga 90,000 untuk kawasan Parlimen dan 30,000 hingga 49,000 untuk kawasan negeri.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Di bandar ataupun pusat bandar, bandar-bandar yang besar mempunyai ciri-ciri perbandaran khususnya ibu kota negeri dengan keadaan kepadatan penduduk dan pembangunannya yang kurang sedikit daripada bandar raya. Jadi, luas kawasan adalah antara 27 hingga 49 kilometer persegi dan bilangan pemilih yang ditetapkan adalah kawasan Parlimen 50,000 hingga 69,000 dan kawasan negeri 25,000 hingga 29,000.

Selepas itu separuh bandar, kawasan antara 50 hingga 99 kilometer persegi, pengundi untuk kawasan Parlimen 40,000 hingga 49,000 dan di kawasan negeri 15,000 hingga 24,000. Di separuh kawasan luar bandar luas kawasan 100 hingga 250 kilometer persegi dan bilangan pemilih antara 30,000 hingga 39,000 untuk kawasan Parlimen dan kawasan negeri 10,000 hingga 14,000. Akhir sekali untuk kawasan luar bandar saya teliti dengan perkara ini, kawasan untuk luar bandar kawasannya lebih daripada 250 kilometer persegi dan jumlah pemilih antara 20,000 hingga 29,000 bagi kawasan Parlimen dan untuk kawasan DUN 7,000 hingga 9,000.

Saya bangkit perkara ini sebab kawasan saya juga terlibat dengan keadaan ini dan saya harus memberitahu kepada semua pihak Suruhanjaya Pilihan Raya memegang prinsip dan dasar tentang perkara ini iaitu Parlimen dan DUN dalam kawasan pentadbiran daerah dan juga 5 kategori yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dapat dijalankan dengan adil dan telus. Walaupun saya ada pandangan sendiri tetapi apabila Suruhanjaya Pilihan Raya menerangkan kepada saya, saya rasa kalau untuk semua pihak..

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiu bangun.

Tuan Hoo Seong Chang: Biar saya habiskan sedikit dahulu. Mungkin untuk kita menjalankan pecahan kawasan dengan lebih adil dan saksama. Misalnya di kawasan Kluang ini, sebab di daerah Kluang, saya bagi satu contoh, di daerah Kluang dahulu misalnya satu kawasan DUN di pentadbiran daerah Kluang iaitu Kahang. Kahang itu kawasan pentadbiran daerah di Kluang, tetapi kawasan pilihan raya ataupun kawasan Parlimen adalah di kawasan Mersing. Jadi, kali ini dia buat cara untuk seragamkan supaya kawasan Kahang ini masuk pentadbiran daerah menjadi satu kawasan DUN di daerah Kluang. Dengan pecahan kawasan sedemikian, kali ini daerah Kluang mempunyai tiga kawasan Parlimen iaitu kawasan Kluang, kawasan Simpang Renggam dan kawasan Semburung. Saya lihat dari segi bilangan pengundi ini, kalau kita tengok tiga kawasan Parlimen. Di Kluang, dahulu 60,000 lebih kurang, sekarang telah pun meningkat kepada 67,100 pengundi. Semburung – 29,900, Simpang Renggam – 33,600.

Ini bermakna, walaupun saya ada bincang dengan pihak SPR sama ada kawasan Kluang yang begitu ramai pengundi ini dapat diagihkan kepada kawasan yang lain supaya dapat seimbang tentang jumlah pengundi ini, tetapi apabila SPR menunjukkan kategori yang ditetapkan oleh SPR, maka saya pun terima dari segi penjelasan ini. Ini bermakna bukan sahaja untuk kebaikan kawasan BN sahaja tetapi ikut dasar dan juga prinsip yang dipegang oleh SPR.

Satu lagi contoh saya lihat, misalnya di Parlimen Johor Bahru. Walaupun terletak di kawasan bandar raya Johor Bahru, tetapi bilangan pengundi apabila saya baca statistik ini dan juga kawan-kawan dari Johor Bahru memberitahu kepada saya iaitu kalau pengundi dahulu 75,833 orang, tetapi dengan pecahan kawasan pada kali ini, ia meningkat sampai 90,187 orang. Kawasan yang begitu ramai pengundi – semalam saya dengar Ahli Parlimen bagi Kapar mengatakan pengundi dia lebih kurang hampir sampai 100,000, tetapi nasib Yang Berhormat bagi Kapar lebih baik sebab dulu dia ada tiga orang ADUN dan pecahan kawasan kali ini, dia dapat empat orang ADUN, tetapi di Johor Bahru masih dua orang

ADUN. Saya dapat maklumat daripada kawan-kawan di Johor Bahru yang mengatakan bahawa sebenarnya kalau tidak dapat mengadakan satu kawasan Parlimen yang baru, sekurang-kurangnya dapat mengadakan satu Kerusi DUN di kawasan Johor Bahru tetapi selepas penjelasan SPR, mungkin tidak dapat terima.

Tuan Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Tuan Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: *[Bangun]*

Tuan Hoo Seong Chang: Saya lihat dari segi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada tiga Ahli Yang Berhormat bangun.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya rasa saya kena singkatkan perbahasan saya sebab bagi peluang kepada orang lain. Saya rasa saya hendak pendekkan ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya bersetujulah Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya pendekkan ucapan, saya akan habis untuk buka peluang kepada kawan-kawan yang lain. Saya lihat dari segi kawasan DUN ini, di bawah kawasan Parlimen Johor Bahru, dia ada satu DUN dinamakan Tanjung Puteri dan Setulang, tetapi kalau lihat pecahan kawasan pada kali ini, dari segi logistiknya, walaupun DUN Tanjung Puteri harus memberi perkhidmatan kepada 46,000 orang pengundi dan Setulang harus memberi perkhidmatan kepada 43,000 orang. Dari segi logistiknya, memang sukar ADUN Tanjung Puteri untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan kepada kawasan Larkin dan Bandar Baru Uda yang terletak hampir dengan bandar Tampoi.

Ini adalah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh kawan-kawan di Johor Bahru. Walau bagaimanapun, saya rasa SPR dapat juga melihat dari segi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh kawan-kawan dari kawasan-kawasan seperti di Johor Bahru dan sebagainya untuk kebaikan pengundi-pengundi pada masa akan datang.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin minta SPR mengambil berat tentang satu dua perkara yang pernah berlaku pada pilihan raya tahun 1999. Mungkin saya bangkit satu perkara untuk rujukan. Sebab pada pilihan raya tahun 1999, buku senarai nama pengundi berdaftar apabila diberi kepada pihak-pihak yang ingin membantu untuk menyediakan *handbills*, adalah banyak berbeza apabila kita banding dengan buku senarai nama pengundi berdaftar yang digunakan oleh pegawai yang bertugas pada hari pengundian.

Saya sendiri pun terlibat dalam perkara ini. Apabila saya pergi ke tempat pengundian, kalau nombor pengundi, saluran tempat pengundi dan juga pusat ataupun daerah pengundi itu terdapat ada perbezaan, saya rasa akan menimbulkan banyak kesulitan dan kesusahan kepada pengundi-pengundi yang ingin datang untuk membuang undi. Kes saya mungkin tidak begitu rumit sebab tiap-tiap kali pergi buang undi, tempat yang sama, satu sekolah yang sama, cuma kali ini bila saya pergi saya nampak nama di saluran pengundi itu lain. Misalnya Saluran 'A', bila saya pergi *check* Saluran 'A', tidak dapat nama. Nasib baik saya pergi kepada saluran yang lain, akhirnya dapat nama.

Tetapi kepada pengundi-pengundi yang pergi ke pusat tersebut, nama semua saluran tidak ada. Beliau harus pergi ke kawasan yang lain, pergi ke pusat pengundian yang lain. Ini banyak menimbulkan masalah dan terpaksa pengundi-pengundi tersebut, ada sebahagian mereka sudah balik ke rumah – tidak pergi mengundi sebab kesukaran yang berlaku di kawasan itu, apabila mereka ingin pergi membuang undi didapati sudah lain dalam rekod yang ada pada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas pada hari pengundian.

Perkara seperti ini saya harap pihak SPR dapat lihat dengan seriusnya supaya buku-buku yang diedarkan itu sebelum ataupun semasa hari pengundian haruslah sama untuk memudahkan keadaan dan semua pihak dapat menjalankan tanggungjawab mereka untuk membuang undi di kawasan-kawasan yang tertentu. Saya harap pilihan raya akan

datang, semua parti haruslah memegang sikap ataupun semangat yang toleransi, sikap yang sabar selepas kita meminda Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, pilihan raya akan datang boleh merupakan satu pilihan raya yang adil, harmoni dan juga demokratik untuk kebaikan rakyat di negara kita. Sekian, saya menyokong, terima kasih.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tumpat!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau boleh memang saya suka memberikan peluang kepada semua yang ingin berucap.. [Disampuk] Akan tetapi Ahli Yang Berhormat, dalam dunia ini memang tidak ada satu pun Parlimen dapat membuat sedemikian. Ahli Yang Berhormat, saya terpaksa pendekkan masa sehingga 20 minit bagi setiap ahli berucap. Kuala Kedah.

11.29 pagi.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin membincang kajian semula persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri. Setiap akta ataupun usul yang dibuat oleh kerajaan, kami selalunya mengkaji bagaimana usul itu sama ada kita boleh sokong atau tidak. Selalunya kita mencari jalan untuk menyokong dengan kritikan-kritikan yang tertentu tetapi usul kali ini, kita cari jalan hendak sokong, tidak nampak sebab Suruhanjaya Pilihan Raya sendiri melanggar kehendak Suruhanjaya Pilihan Raya. Di antaranya bila berlaku persempadanan semula, tiga ciri hendaklah dipenuhi. Yang pertama, penambahan penduduk. Yang kedua, kedudukan sains sosial. Yang ketiga, kedudukan geografi. SPR melanggar ketiga-tiga syarat SPR ini.

Yang pertama, penambahan penduduk. Terengganu – penambahan penduduk yang paling ketara dan kalau ditambah dua Kerusi Parlimen sekalipun, puratanya kurang daripada Pahang. Kalau ditambah, dia lebih daripada Pahang. Dia 41,000, Pahang 39,000. Kalau ditambah di Kelantan pun, kurang lagi, Pahang kurang lagi. Kedah kalau ditambah pun kurang lagi daripada Pahang dan lain-lain negeri. Syarat pertama penambahan penduduk untuk menambah Kerusi, SPR telah melanggar syarat itu. Syarat pertama lagi telah dilanggar. Soal tambah di mana untung PAS atau untung UMNO, untung KeADILan atau siapa pun, itu perkara kedua, itu teknikal tetapi syarat pertama telah dilanggar iaitu penambahan penduduk tidak dihiraukan terutama di empat negeri itu. Kenapa? Ini persoalan yang paling pokok.

Yang kedua kedudukan sosial. Kita sebut di sini misalnya dari segi yang pertama tadi, negeri Terengganu, kalau ditambah dua Kerusi lagi purata pengundinya akan jadi 41 ribu dan purata di Pahang 39 ribu. Negeri Kedah kalau ditambah dua Kerusi lagi, maka puratanya akan menjadi 49 ribu berbanding jauh dengan Pahang 39 ribu. Kita bandingkan negeri ini dengan Pahang kerana sama-sama luar bandar. Kita tidak banding dengan Selangor, kita tidak banding dengan Melaka, kita tidak banding dengan Johor kerana di sini *semi-urban area* ataupun separuh bandar dan separuh luar bandar. Maka perbandingan kalau dibandingkan Johor biarlah dengan Selangor, dengan Perak tetapi kita bandingkan dengan Pahang kerana negeri-negeri ini sama-sama luar bandar, tetapi kenapa tidak ditambah Kerusi di negeri-negeri Utara dan Pantai Timur Utara? Ini SPR melanggar syarat yang pertama.

Begitulah juga persempadanan yang tidak mengikut Jadual Ketiga Belas Perkara D yang berbunyi, *“Purata pemilih dalam satu bahagian hendaklah hampir sama melainkan bagi kawasan-kawasan luar bandar, penekanan atau pewajaran hendaklah juga diberi kepada keluasan kawasan pilihan raya itu bagi tujuan meringankan beban wakil-wakil rakyat yang dipilih untuk melaksanakan tanggungjawab mereka.”*

Ini daripada SPR dan inilah yang dipertahankan oleh kerajaan selama ini. Bila rakan-rakan kita daripada DAP membuat bantahan atau teguran, kenapa misalnya di Bagan pengundinya 80 ribu, Kepala Batas 34 ribu. Dijawab oleh pihak kerajaan, luar bandar taraf sosioekonominya lain, keluasan dan kemundurannya, wakil rakyat kena berjalan lebih banyak. Dalam bandar, tempatnya sempit, kawasannya lebih maju. Maka di bandar

diramaikan pengundi di luar bandar, dikurangkan, ini hujah SPR. Tahun ini SPR langgar terus hujah ini. Syarat kedua dilanggar. Kita mengambil contoh yang paling nyata misalnya Baling yang mempunyai keluasan 1,542 kilometer persegi, antara 23 kawasan Parlimen yang paling luas dalam Semenanjung Malaysia mempunyai 72,387 pengundi setelah dimasukkan Kuala Ketil ke dalamnya. Amat mengecewakan, kawasan yang sama luas purata pengundi per kilometer persegi juga adalah yang paling tinggi iaitu 47 orang pengundi per kilometer dibandingkan dengan Gua Musang, tiga orang satu kilometer dan pengundinya begitu rendah sekali.

Soalnya di sini kalau kita lihat, contohnya yang paling nyata, kita jangan bandingkan bandar dengan luar bandar. Luar bandar dengan luar bandar. Kita ingin bertanya kenapa Gerik, bentuk geografinya lebih kurang sama dengan Baling - gunung-ganang, sungai, taraf sosioekonominya sama. Gerik pengundinya 23,999 sedangkan Baling muka buminya sama, taraf kehidupan lebih kurang sama dengan Gerik, cara gunung-ganang, air mengalirnya lebih kurang sama. Baling pengundinya 72 ribu [Disorak] Tiga Parlimen boleh dibuat di Baling sama dengan satu di Gerik. SPR buat apa kerja ini? [Ketawa] Hujah apa kamu hendak pertahankan, tuan-tuan hendak pertahankan?

Seorang ahli: UMNO, UMNO!

Tuan Mohamad bin Sabu: Boleh pertahan dari segi undi, memanglah menang tetapi bila rakyat tidak yakin dengan keputusan pilihan raya, berat. Selama ini negara kita aman, di antaranya rakyat terima keputusan pilihan raya. Ini persoalan besar, langgar sains sosial, geografi dan juga penambahan penduduk. Tiga yang digariskan oleh SPR, SPR langgar. Kita tidak fahamlah kalau...

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Tuan Mohamad bin Sabu: Hendak tanya dah?

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, SPR ini adalah satu badan bebas yang kita tahu dari segi pegawai-pegawainya adalah profesional. Agak-agak kenapakah semua syarat sebagai badan bebas, profesional yang dia tahu bahawa ini syarat-syarat yang mesti diikuti, kenapa mereka tidak profesional dan tidak ikut?

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya yakin mereka ditekan oleh eksekutif [Disorak] Saya tidak bandingkan dengan Gua Musang. Gua Musang padan sebab tiga penduduk bagi satu kilometer persegi. Walaupun pengundi Gua Musang 26 ribu dengan keluasannya begitu *reasonable* tetapi kalau kita bandingkan dengan saya sebut tadi, Baling dengan Gerik, keadaan muka buminya, taraf penduduknya, geografinya sama tetapi sampai ke peringkat di Baling boleh buat tiga Parlimen, baru satu di Gerik. Ini yang kita lihat SPR melanggar ketiga-tiga syarat yang ditentukan oleh SPR sendiri. Macam mana kami hendak sokong? Saya kata tadi setiap yang dibentangkan kita cari jalan kritik dan sokong tetapi yang ini, kritik tidak boleh sokong sebab langgar terus syarat SPR itu sendiri.

Semalam Yang Berhormat bagi Kapar mengatakan pengundi di Kapar paling tinggi. Kita boleh terima dan tingginya itu kerana ia di dalam bandar. Kita bandingkan pula syarat SPR sendiri. Dalam bandar pengundinya lebih ramai, luar bandarnya kurang daripada itu. Kita ambil pula Kuala Kedah. Boleh dikategorikan sebagai Parlimen luar bandar tetapi anehnya jumlah pengundinya 73,000, Alor Setar dalam bandar 56,000 [Disorak] Langgar syarat SPR sendiri. Bukan soal siapa menang, siapa kalah. Ini terbalik habis. Siapa hendak percaya lagi dengan SPR yang dikatakan bebas? Alor Setar 56,000, Kuala Kedah 73,000; Alor Setar 56,000; Baling 72,000. Kena tukar sekarang, Bandaraya Kuala Kedah. Alor Setar Bandar Nelayan. SPR buat kerja apa ini?

Begitu juga dengan N.13 - Kota Darul Aman, sebuah kawasan yang betul-betul pusat bandar, 16,430 pengundi. Keluasan 4.76 kilometer persegi. Kalau suara saya, saya jerit tengah-tengah, boleh dengar semua pengundi Kota Darul Aman. Bandingkan dengan Pengkalan Kundor, sempadan dengan Alor Setar, keluasan 91 kilometer persegi pengundinya 26,000. Tiga-tiga syarat SPR letakkan, SPR langgar. Macam mana ini? Sepatutnya bandar pengundi banyak sebab Kota Darul Aman maju, di situ ada pejabat-pejabat kerajaan, hotel-hotel, rumah-rumah kedai, setingan pun tidak berapa ada

sedangkan di luar bandar ini, nelayan, petani, orang sawah padi, wakil rakyat perlu mengambil perhatian yang lebih banyak dibandingkan dengan dalam bandar tetapi pelik Kota Darul Aman 16,000 pengundi kemudian Sungai Tiang, Pendang, kawasan pedalaman, ramai orang Siam, kawasannya perlu dibangunkan lagi, pengundinya 26,000.

Hujah apa SPR hendak bagi hendak pertahankan perkara ini melainkan tunduk kepada kehendak eksekutif yang atas itu *[Disampuk]*. Tunduk kepada UMNO. Bukan kita tidak mahu sokong, kalau lebih kurang kita katakan Baling 60,000, Gerik 40,000 atau 45,000 ataupun kita katakan Sungai Petani 70,000 kemudian Alor Setar 80,000 atau 60,000 boleh bandingkan bandar dengan bandar begitu tetapi ini *out* terus daripada kriteria yang digariskan oleh SPR! Bukan digariskan oleh parti-parti politik, baca balik mukadimah SPR itu. *Out* terus dari segi persempadanan ini!

Pihak pengundi telah membuat cadangan balas supaya perimbangan pemilih dilakukan oleh SPR dengan mengekalkan beberapa daerah mengundi, daerah Parlimen Alor Setar, yang itu saya sudah sebutkan tadi. Ada buat bantahan tetapi mereka tolak dengan pelbagai alasan. Tetapi keseluruhannya kita melihat, saya sebut lagi bahawa terutama di Kedah, walaupun negeri itu negeri Perdana Menteri, UMNO/Barisan Nasional tidak harap lagi kepada orang-orang Melayu untuk memenangkan mereka. Itu sebenarnya! *[Tepuk]* Sebab pilihan raya Anak Bukit, Pendang membuktikan bahawa tanpa sokongan orang-orang bukan Melayu yang dianggap "*deposit*" ini, inilah yang mereka cuba masukkan orang-orang ini ke kawasan-kawasan yang dulunya majoriti Melayu dengan harapan Barisan Nasional akan menang dengan selesa pada pilihan raya yang akan datang. *[Disampuk]* Tak apa, kalau kita belah had itu, tak apa.

Tetapi yang kita nampak di sini ialah, tak apa kalau hendak pecah sini, pecah sini, tetapi kita kata biarlah menepati kehendak SPR. Misalnya, kalaulah diambil Pengkalan Kundur - 20,000 pengundi, kemudian Kota Darul Aman - 22,000 pengundi. *Reasonable*. Yang agak ketara bezanya, bila Pengkalan Kundur - 26,000 pengundi, Kota Darul Aman - 16,000 pengundi, bezanya 10,000, yang ini bandar, yang ini luar bandar. Ini Awang Liku pun gelak apa yang SPR buat ini!

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bachok bangun.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Saya nampak dan saya memahami ucapan Yang Berhormat ini tujuannya bukan untuk membantai SPR sebenarnya, tetapi tujuan untuk memberi tahu di sebalik SPR ada satu kuasa eksekutif yang mempengaruhi keputusan SPR. Saya contohkan baca apa yang telah dilaporkan SPR dalam buku ini - kes persempadanan semula P.134 - Sri Gading, Johor. Pihak SPR telah menolak cadangan untuk mengubah sempadan ataupun untuk membuat satu sempadan baru atas alasannya, "Cadangan persempadanan Sri Gading ini tidak akan menimbulkan sebarang masalah pentadbiran". Hujahnya, pentadbiran. Dikatakan lagi, dua tiga prinsip yang disebut oleh Yang Berhormat tadi diambil kira oleh SPR tetapi disebabkan oleh kes-kes tertentu, hujah-hujah pentadbiran biasanya didahulukan, geografi didahulukan, kemudian kes pertambahan penduduk didahulukan. Jadi ini suatu perkara yang kita nampak SPR cuba berlaku adil. Tetapi prinsip-prinsip ini tidak dipakai apabila ada kuasa eksekutif tertentu. Jadi, dalam kes Kedah ini, cuba buat huraian yang lebih *detail* sedikit. Minta.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, saya memanglah setuju SPR yang buat kerja ini tetapi yang atas itulah - UMNO, *[Disampuk]* *[Ketawa]* terutama sekali Setiausaha SPR itu bermazhab dan condong sangat kepada UMNO! *[Disampuk]* *[Tepuk]* Soal dia memihak sedikit sebanyak, itu tak apa. Memanglah manusia ini ada perasaan. Itu hak politik.

Tetapi terang-terang, bila sebut dalam kenyataan akhbar pihak pembangkang, SPR tak boleh kata pembangkang atau kerajaan. Mereka adalah pegawai kerajaan.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: *[Bangun]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih saudara saya, Yang Berhormat. Saya hendak tanya satu soalan sahaja. Keputusan yang dibuat oleh SPR ini keputusan daripada Pengerusi dan seluruh Lembaga Pengarahkah atau keputusan daripada Setiausaha sahaja? Sila.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kita tahu selalunya yang berkuasa, macamlah di Malaysia, bila PM kata tutup Sekolah Agama Rakyat, semua cakap tutup Sekolah Agama Rakyat. Keputusan daripada seorang sahaja, tetapi yang lain itu turut walaupun banyak Ahli-Ahli Parlimen atau rakan-rakan kita daripada UMNO yang tidak bersetuju tetapi tidak berani. Ertinya, begitulah juga dalam SPR semua ada tetapi kalau ada bos yang bercakap, yang ditekan pula oleh orang yang di atas, maka jadilah pindaan sebegini rupa.

Saya sebut tadi, apa pun di atas majoriti, pindaan ini akan lulus, pilihan raya akan tetap ada. Bahayanya ialah bila rakyat tidak berpuas hati dengan keputusan pilihan raya. Bila rakyat berpuas hati, kita tidak ada masalah. Kami hilang wang pertaruhan di Johor, di Melaka, di Negeri Sembilan, berapa kali pilihan raya, kami tidak bising sebab kami tahu rakyat tidak terima kami lagi dulu. Sekarang, sudah hampir-hampir di Negeri Sembilan kalah 400 undi, kalah 69 undi, kalah 200 undi. Ertinya, sudah ada tapak di situ tetapi kalah dahulu itu kami terima, itu keputusan rakyat tetapi bila buat pindaan begini, generasi akan datang melihat bahawa SPR telah dinodai, telah dikudai [*Disampuk*] Maka bila rakyat tidak terima keputusan pilihan raya, habislah negara kita yang aman dan tenteram ini. Saya lihat di situ, sebab keamanan ini penting. Apa yang berlaku di Iraq, kita tidak mahu ulaslah – kita sudah ulas banyak kali.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Minta komen daripada Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Mengenai kurang minat orang muda, generasi muda untuk mendaftar sebagai pengundi sekarang ini, adakah ada kaitan dengan tidak percaya kepada pengendalian sistem pilihan raya di Malaysia seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah sebentar tadi.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ada, itu di antaranya puncanya sebab mereka lihat penguasaan media, mereka melihat ketidakadilan mula berlaku, dan oleh itu mereka kurang minat walaupun semua parti politik berusaha, tidak kira PAS ataupun UMNO, semuanya bekerja supaya rakyat mendaftar dulu,....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Tuan Mohamad bin Sabu: dan mereka boleh pilihlah parti mana yang mereka mahu. Nanti. Saya ada 20 minit sahaja, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Saya dengar macam menghasut Yang Berhormat ini apabila menceritakan rakyat tidak berpuas hati, satu. Yang kedua, apa yang dibimbangkan oleh PAS ini? PAS kata dia kuat, gagah. Macam mana pindalah kawasan, kalau PAS memang ada penyokong, dia peduli apa dengan kawasan. Apa yang bimbang sangat ini? Seolah-olah gerun sangat kerana agaknya mungkin Yang Berhormat pun dah terasa rakyat sudah menolak PAS ini.

Tuan Mohamad bin Sabu: Bukan gerun. Saya kata tadi, kalau pinda, *biased* ataupun cenderung lebih kurang. Ini begitu ketara melanggar peraturan yang dibuat sendiri. Prakata ataupun mukadimah SPR itu yang saya sebut tadi, sosiopolitik, keadaan geografi, pertambahan penduduk. Ketiga-tiga syarat itu dilanggar! Bukan siapa kalah atau siapa menang. Saya sebut tadi, kami hilang *deposit* di Johor sepanjang 10 kali pilihan raya, tidak ada mengamuk apa-apa, sebab kami puas hati dengan keputusan yang dibuat oleh rakyat, tetapi bila demokrasi ditutup, semakin ditutup, kemudian pula

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Mohamad bin Sabu: Nanti, nanti. SPR telah memasukkan N.32 – Kuala Ketil dalam Daerah Baling ..., yang ini saya dah sebut tadi, hendak pi kut mana pula ni! [*Sambil membelek-belek teks ucapan*] [*Ketawa*] Ya lah, kacau banyak sangat. Yang akhir, saya baca perbandingan ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa kacau Yang Berhormat ha?

Tuan Mohamad bin Sabu: Gua Musang ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat..

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi bising siapa kacau?

Tuan Mohamad bin Sabu: Kawan-kawanlah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sana? Baik.

Tuan Mohamad bin Sabu: Gua Musang – 7,605 kilometer persegi, penduduk 26,000 orang; Grik – keluasan 4,000 kilometer persegi, 23,000 pengundi; Rompin, luas 5,000 kilometer persegi, penduduk 37,000 pengundi lebih kurang; kemudian Hulu Terengganu, 3,840 kilometer persegi, 40,000 pengundi, itu yang agak tinggi; Kuala Krai, 2,241 kilometer persegi, 45,000 pengundi; kemudian Baling, 1,500 kilometer persegi, 72,000 pengundi. Baling yang tertinggi di Semenanjung – kawasan miskin, luar bandar, orang biasa tunjuk perasaan kerana tak makan, kawasannya luas, Chin Peng pun ada di situ, komunis pun ada di situ, tempat Ibrahim Libya pun di situ, tempat segala masalah sosioekonomi – penduduk 72,000, sedangkan Sungai Petani, bandar Alor Setar, pengundinya kurang.

Hujah apa ini yang kerajaan hendak beri yang pindaan ini dibuat, dikatakan adil ataupun kita katakan seakan-akan adil? Bukan soal siapa menang lagi, siapa menang kita bertarung, Yang Berhormat bagi Sri Gading, kita lawan tetapi soalnya pindaan ini pindaan yang cukup *biased* dan tidak menepati kehendak SPR dan kami menolak pindaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Mohamad bin Sabu: Terima kasih. Soal, satu lagi sahaja. Saya belas. Bagi soalan kepada Yang Berhormat bagi Kemaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah cukup.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, salah satu sebab yang SPR bagi tahu, penambahan Kerusi di Selangor dan di Johor ialah kerana ramai pengundi-pengundi tidak didaftarkan dan *potential* dia akan didaftarkan dalam masa proses persempadanan ini tetapi pada tahun 1999 dahulu, 680,000 orang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: ...pengundi yang didaftarkan tidak dibenarkan mengundi. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Mohamad bin Sabu: Tidak dibenarkan mengundi sebab mereka tahu kalau golongan yang mendaftar selepas Reformasi dapat mengundi, kemungkinan besar pilihan raya lepas, Selangor telah jatuh ke tangan BA. Kalau pengundi yang selepas Reformasi itu dapat mengundi pada pilihan raya yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua pun setuju, angguk tiga empat kali. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Terima kasih di atas persetujuan. Terima kasih. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tidak bersetuju. Yang Berhormat tidak mematuhi nasihat saya.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

11.50 pagi

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Biasalah, pembangkang kalau apa pun dia akan bangkang walaupun baik. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, cuma saya meminta saya tidak diganggu kerana saya menjawab pun buat apa? Menteri ada, dia akan jawablah. Jadi, tidak payah tanya saya,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Supaya dalam sepuluh minit boleh selesai.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kerana diberi peluang untuk bersama-sama membahaskan usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri berkenaan kajian semula dan persempadanan dan bahagian-bahagian pilihan raya parlimen dan negeri yang dibentangkan pada pagi semalam. Dalam perbahasan ini saya akan menyentuh beberapa perkarayang khusus kepada negeri Johor yang menjadi sebahagian daripada usul berkenaan, sebagai sokongan saya kepada usul ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negeri ketiga terbesar di Semenanjung Malaysia yang mempunyai keluasan 18 ribu kilometer persegi lebih dan penduduk hampir 3 juta orang yang berlatar belakang pelbagai kaum dan budaya, yang mendiami negeri Johor dengan semangat muhibah penuh harmoni dan dengan sokongan pertumbuhan ekonomi yang pesat baik dari segi pertanian, perindustrian, perkilangan dan lain-lain dan diperkuatkan perhubungan yang baik seperti jalan raya, kemudahan lapangan terbang, pelabuhan yang berdaya saing. Saya sangat-sangat menyokong usul ini di mana negeri Johor dalam cadangan ini diberikan tambahan Kerusi Parlimen dan Kerusi Dewan Undangan Negeri Johor.

Saya sebenarnya ingin hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah - itu beza kerajaan dengan pembangkang. Tahniah dan syabas kepada Suruhanjaya Pilihan Raya yang telah dapat melaksanakan tugas yang berat lagi mencabar ini dalam menyiapkan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya sebagaimana yang dikehendaki oleh Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan. Sebagai Ahli Parlimen yang bertanggungjawab saya menyeru baik kerajaan mahupun pembangkang marilah kita bersama-sama menghargai usaha gigih dan murni yang telah dapat disempurnakan oleh SPR untuk memastikan semua warganegara yang layak diberi peluang dan kemudahan untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi secara sistematik, teratur bagi pilihan raya yang bebas, adil, demokratik.

Sebagai Ahli Parlimen dari negeri Johor, saya sangat-sangat berpuas hati dan berbangga serta mengucapkan terima kasih kepada SPR kerana membuat cadangan tambahan enam Kerusi Parlimen daripada 20 kepada 26 kawasan dan pertambahan 16 Kerusi Dewan Negeri dari 40 kepada 56 Kerusi Dewan Negeri Johor.

Pertambahan Kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Johor ini memang wajar, tepat dan bersesuaian dengan masa dan pertambahan penduduk dan bilangan pengundi yang telah bertambah dengan begitu pesat. Sebagai contoh bagi tahun 1994 bilangan penduduk negeri Johor ialah seramai 2,199,000 orang sedangkan pada tahun 2002 jumlahnya telah bertambah 541 ribu lebih yang mendatangkan jumlah seluruhnya 2.7 juta lebih. Sementara jumlah pengundi pada tahun 1994 ialah seramai 982 ribu lebih dan pada tahun 2002 pemilih ini atau jumlah ini telah bertambah sebanyak 241 ribu menjadikan jumlah semuanya 1,223,532 orang pemilih. Oleh yang demikian, pertambahan enam Kerusi Parlimen dan 16 Kerusi Dewan Undangan Negeri adalah wajar, lebih-lebih lagi apabila jumlah pemilih bagi Parlimen di Johor purata 47 ribu pemilih berbanding purata nasional 50 ribu lebih pemilih dan bagi Dewan Undangan Negeri Johor purata 21,800 pemilih berbanding dengan purata nasional sebanyak 18,700 pemilih.

Pemilih ataupun purata pemilih negeri dan Parlimen Johor ini hampir-hampir sama seperti mana yang saya sebut purata peringkat nasional. Jadi ini satu jumlah pengundi purata yang telah dilaksanakan oleh SPR mengikut purata peringkat nasional. Suatu yang membanggakan kami di Johor ialah persempadanan baru ini telah dapat mengelakkan bahagian-bahagian pilihan raya ini ditadbirkan oleh dua kuasa daerah atau dua daerah ataupun dua pihak kuasa peringkat daerah-daerah dalam negeri Johor dan ini sudah tentu memudahkan urusan wakil-wakil rakyat bagi mentadbirkan kawasan pilihan raya masing-masing.

Saya yakin dan percaya dengan pertambahan Kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Johor ini dengan keluasan kawasan dan jumlah penduduk dan pengundi yang seimbang akan dapat memberikan peluang semua wakil-wakil rakyat yang dipilih memberikan tumpuan sepenuhnya bagi berkhidmat kepada pengundi-pengundi mereka dengan khidmat yang lebih menyeluruh dan lebih berkesan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang tidak kurang pentingnya yang telah dapat disempurnakan oleh SPR dengan sebaik-baiknya dalam persempadanan semula ini ialah dalam perkara menamakan kawasan pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Johor dengan nama-nama yang tepat dan bersesuaian dan dengan latar belakang sejarah sesuatu tempat tersebut.

Dengan ini semua nama-nama tersebut saya sokong sebagaimana cadangan nama-nama tersebut yang tercatat dalam buku laporan SPR Jilid 1 Tahun 2003 dari muka surat 652 hingga 686 di mana senarai nama Parlimen Dewan Negeri dan daerah mengundi tercatat. Cuma ada Parlimen, Senai tidak ada, Tuan Yang di-Pertua, jadi Dewan Undangan Negeri, maknanya Tuan Yang di-Pertua naik pangkat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kawasan ada.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kawasan tetap ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada, nama sahaja bertukar.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan usul ini saya merasa amat kesal dan kecewa dengan sikap rakan-rakan daripada parti pembangkang, terutama PAS yang membuat pelbagai tuduhan yang tidak berasas melulu, fitnah yang dilemparkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya dan UMNO. Antara tuduhan yang sangat berat ialah apabila menuduh SPR menjadi alat kepada UMNO [Tepuk] SPR mengikut tunjuk UMNO..

Datuk Zulhasnan bin Rafique: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Wangsa Maju.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Biar saya teruskan Datuk, masa tidak ada.

Datuk Zulhasnan bin Rafique: Sekejap sahaja.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sila.

Datuk Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya pun terkejut sebab pembangkang apabila mereka berdiri mereka mengkritik SPR dengan begitu kejamnya. Adakah sebabnya mereka tahu sokongan kepada pembangkang begitu terhakis sekarang ini dan mereka takut dalam peranan yang sedang diadakan ini mungkin mereka akan hilang lebih banyak Kerusi lagi pada pilihan raya akan datang?

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itulah seperti Yang Berhormat bagi Wangsa Maju nyatakan, dia sudah congak-congak dia akan KO, *out*, itu yang dia bimbang sangat, sebab itu tempat dia hendak marah, tempat dia hendak caci ialah SPR. Ini adalah satu tuduhan yang tidak adil. Tuduhan seperti ini, menuduh SPR menjadi alat kepada UMNO, mengikut telunjuk UMNO adalah suatu tuduhan yang sangat jahat yang mencemarkan nama baik SPR sebagai sebuah suruhanjaya atau badan bebas yang sejak ditubuhkan sentiasa bersikap berkecuali, profesional, telus dan adil.

Dalam pengamatan dan pengalaman saya sendiri apabila proses persempadanan ini dimulakan oleh SPR sejak tahun lalu, SPR telah membuat dan melakukan semua urusan

persempadanan ini sebagaimana yang dikehendaki oleh Perlembagaan dan garis panduan serta proses ini telah diikuti oleh SPR dengan penuh dedikasi, adil dan telus. Sebagai contoh, jika SPR menjadi alat UMNO atau mengikut telunjuk UMNO kenapa, ini pengalaman saya, kenapa sepuluh cadangan balas saya kepada SPR hanya dua sahaja yang diterima, lapan ditolak? SPR tidak peduli sama ada yang membuat cadangan balas itu Ahli Parlimen UMNO Barisan Nasional, dia tidak peduli kerana dia berkecuali, sepuluh yang saya kemukakan, lapan ditolak. Dua itu pun diterima kerana alasan-alasan yang dikemukakan oleh saya dan orang saya agak munasabah dan mantap.

Kalau SPR menjadi alat UMNO, kenapa cadangan dalam buku ini, sebagai contohlah, beberapa cadangan, cadangan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang ditolak? Cadangan balas daripada Ahli Parlimen Pekan, Dato' Sri Mohd. Najib ditolak? Kenapa cadangan UMNO Bahagian Johor Bahru ditolak? Kenapa cadangan Yang Berhormat Dato' Baharom Ghani, Ketua UMNO dan ADUN Gelang Patah ditolak? Kenapa cadangan Yang Berhormat Osman Jais, Ketua UMNO Bahagian Segamat, EXCO Negeri Johor ditolak?

Itu menunjukkan bahawa SPR itu ialah badan yang bebas, dia tidak peduli kerana ada garis-garis panduan yang mesti dipakai dan diterima oleh semua pihak dan bukan itu sahaja, kalau saya hendak paparkan satu persatu banyak lagi cadangan-cadangan rakan-rakan saya wakil-wakil rakyat daripada BN dan UMNO, daripada Ketua-ketua UMNO Bahagian seluruh negara yang ditolak dan ini menunjukkan bahawa SPR tidak dikongkong oleh UMNO, SPR jauh sekali menjadi alat kepada UMNO atau mengikut telunjuk UMNO.

SPR tetap bebas, profesional. Ia tidak peduli siapa, yang penting SPR tetap bersikap adil dan tidak memihak. Yang penting kita kena terima dengan lapang dada, apa sahaja yang dibuat oleh SPR mengikut lunas-lunas undang-undang yang ada kepada mereka, kita terima. Itu tidak ada masalah. Kalau SPR menjadi alat UMNO, kenapa calon BN ada yang kalah? Calon BN kalah 37 undi di Kajang dalam pilihan raya tahun 1999, kalah 87 undi, kalah 100 lebih undi, di Chini BN kalah lima undi, BN kalah lima undi, beberapa Kerusi BN kalah 100 lebih, 200 undi lebih kurang, kalau SPR hendak sebelah UMNO, dia boleh main silap mata, lima undi ini, ia telan makan selesai, boleh kalah pembangkang! Tetapi SPR tidak akan berbuat begitu kerana SPR tetap berpegang kepada berkecuali dan adil [Tepuk]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kita boleh tuduhlah Pengerusi SPR, Setiausaha SPR, dia tidak boleh jawab tuduhan itu kerana dia bukan Ahli Parlimen, kita boleh bantai dialah tetapi soalnya apakah tuduhan kita itu tepat. Tuduhan kita sebenarnya disalut oleh perasaan benci, prasangka.

Tuan Yang di-Pertua, Oh! Orang prasangka, kalau orang prasangka, tunggul pun menjadi hantu. PAS ini kalau melihat sebab SPR ini semuanya sudah jadi macam hantu, fasal tunggul disangka hantu. [Ketawa]

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak adalah, saya tidak ada masa ini. Kalau Tuan Yang di-Pertua beri saya masa lebih setengah jam, saya akan beri siapa yang hendak bertanya. Boleh Tuan Yang di-Pertua, saya tambah?

Tuan Yang di-Pertua: Heh, jangan tanya begitulah, ya. [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini SPR, saya hendak mempertahankan SPR yang tidak dapat hendak mempertahankan. Jadi, kita tuduh dia macam itu, macam ini, semalam saya dengar apabila wakil PAS menuduh, budak-budak muda ramai dekat bawah ini, dekat atas ini, termenung budak-budak mendengar itu. Seolah-olah apa yang dicakapkan itu betul, saya tahu *Harakah* akan masukkan semua hujah, PAS sudah ada orang-orang PAS yang di kampung-kampung akan kata: "Oh! Memang SPR suatu alat yang digunakan oleh UMNO." [Bercakap dengan suara mengejek]

Ini prasangka yang buruk, yang tidak sepatutnya kita lakukan kepada suatu badan yang begini hebat jasanya dalam memelihara kepentingan demokrasi di dalam negara ini. Saya difahamkan antara Suruhanjaya Pilihan Raya di dunia, antara yang terbaik ialah SPR

Malaysia [*Tepuk*] *Top 10* ataupun *Top 5* agaknya! Oh! Ooh! Jangan tuduh sembarang-sembarang. Saya simpati ialah apabila dituduh orang tidak boleh menjawab. PAS ini macam Amerikalah, menghentam Iraq, Iraq sudah tidak ada senjata. Ohh, dihentam macam-macam. Bolehlah, orang itu tidak ada senjata. Amerika bolehlah buli Iraq. Cuba Iraq ada senjata, hendak tengok engkau masuk parit, tidak masuk parit itu, ohh!

Seorang Ahli: Teruskanlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: SPR akan menyebelahi atau menjadi alat UMNO. SPR tidak akan menyebelahi kepada sesiapa. Kalau SPR hendak menyebelahi UMNO, kenapa Kelantan tiga penggal kita kalah, PAS tetap memerintah, baik sangatkah PAS? Huhh! Ohhh!

Beberapa Ahli: Huuuh!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita boleh lepas Terengganu, Huh! Hebat sangatkah PAS di Terengganu? Tidak hebat! Kalau SPR hendak sebelah kita, Terengganu tidak jatuh punya tetapi apa hendak buat, rakyat sudah pilih PAS, malanglah engkau rakyat Terengganu tetapi betulkan dalam pilihan raya yang akan datang. Ini yang dia takut sangat ini.. [*Tepuk*] Hah hah, ohhh, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Sebagai contoh lagi. Sebagai contoh lagi hendak menyatakan SPR ini, dalam Pilihan Raya Umum 1999 Tuan Yang di-Pertua, ini kena batang hidung saya sendiri. Beberapa orang *counting agent* saya ditolak oleh pegawai SPR daripada hadir dalam tempat pengiraan undi. Yang jadi RO itu ialah ADO kawan dan kenalan baik saya, jentera saya tidak dapat masuk kerana kesilapan jentera saya ialah tidak menghantar Borang 5 itu

Beberapa Ahli Pembangkang: Hah!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dak, dak ini contoh. Nantilah, dia kawan baik saya. Kalau dia hendak menyebelahi saya, dia boleh kongkalikung, kerana siapa pun tidak tahu. Dia tolak dengan penuh sopan dan begitu berbudi, Yang Berhormat, dia kata: "Ya Datuk, minta maaf tidak dapat terima," kerana dia profesional, dia tidak peduli siapa yang salah, siapa yang tidak betul, dia kata tidak betul, dengan penuh hormat. Oleh sebab saya tahu, bahawa dia betul, orang-orang saya tersilap, saya terima. Saya tidak adakan buat bantahan, fasal saya tahu yang salah ialah orang-orang atau jentera saya, saya terima. Itu contoh. Itu kena batang hidung saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, itu menunjukkan betapa SPR bebas, adil, telus. [*Tepuk*] Hoh hoh! Oohh!

Seorang Ahli: *World class*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak boleh lawanlah Tuan Yang di-Pertua. Patutnya pembangkang terima kasihlah, engkau beberapa Kerusi menang, Allah, lima undi Tuan Yang di-Pertua, kalau saya SPRLah kata, hendak menyebelahi BN, saya telan sahaja lima kertas itu – selesai. Huh, apa, matikan api buang agak sepuluh undi, selesai!

Beberapa Ahli: [*Riuh*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak, tak, ini kalau! Kalau sayalah, tetapi SPR takkan buat seperti itu kerana SPR tetap berpegang kepada kebebasan dan keadilan. Saya ucap tahniah, Ahli Parlimen Pembangkang patut berjuta-juta terima kasih kepada SPR: "Tuanlah orang yang adil dan saksama, memang kami apa hendak buat, pengundi tolak, kami kalah." [*Bercakap dengan suara mengejek*] Sebutlah macam itu! Astaghfirullah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada seminit lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Allah hai Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*] Saya harap tuduhan liar ini, tuduhan yang tidak bertanggungjawab yang dilemparkan oleh rakan-rakan parti pembangkang kepada SPR ditarik balik. Ooh! Usul ini sokong, tuduhan tarik balik. Kata *ante* berpegang yang benar tetap benar [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi, Allah hai, beri saya sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, seminit lagi Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Macam kawasan kecederaan Tuan Yang di-Pertua. Dalam mendengar hujah-hujah parti pembangkang dalam Dewan ini, kadang-kadang saya geli hati Tuan Yang di-Pertua, geli hati betul, apabila dikatakan bahawa UMNO takut kalah dalam pilihan raya akan datang, maka itu dibuat persempadanan baru. Lailahailallah! UMNO hendak takut apa? Sudah sepuluh pilihan raya Tuan Yang di-Pertua, kita menang sahaja, yang kesebelas ini insya-Allah dan tahun 1999 jangan jadi ukuran, kerana waktu itu orang keliru, kes mata lebam menghantui orang. Akan datang ini tak ada kes mata lebam, tak tahu apa yang lebam lagi tak tahulah, tidak ada masalah. Allah! PAS parti pembangkang, sedangkan bah kapal tak hanyut inikan pula kemarau panjang.

Dato' Rais jawablah saya punya ini. Hah, hah, ini perumpamaan Melayu, sedangkan bah kapal tak hanyut inikan pula kemarau panjang. Nampaknya PAS dan parti pembangkang kemaraulah engkau pada pilihan raya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, cukuplah Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukuplah itu. Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cukup itu sahaja Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya patuh Tuan Yang di-Pertua, saya orang yang paling saya hormat dalam Dewan ini ialah Tuan Yang di-Pertua, saya patuh, dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuaran.

12.13 tgh.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih yang memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Usul-usul mengenai laporan kajian semula persempadanan bahagian pilihan raya dan negeri bagi negeri-negeri Tanah Melayu dan negeri Sabah. Saya mengucapkan tahniah kepada SPR atas kejayaan menyediakan laporan kajian semula persempadanan ini. Oleh kerana SPR telah menjalankan satu tanggungjawab yang amat berat, yang telah menghadapi banyak cabaran untuk menyediakan laporan ini. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri atas kejayaan beliau membentangkan laporan ini walaupun ada persoalan di sesetengah pihak di sebelah sana.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini, inginlah saya menyatakan bahawa prasangka dan tuduhan Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar kononnya SPR menambah lima lagi Kerusi Parlimen di Sabah hanya kerana Sabah ini adalah kubu kuat Barisan Nasional.

Kekuatan Barisan Nasional di negeri Sabah sememangnya terbukti dengan keputusan Pilihan Raya Parlimen tahun 1999. Dalam pilihan raya tersebut, daripada 20 Kerusi Parlimen yang dipertandingkan, Barisan Nasional telah memenangi 17 Kerusi dan pembangkang pada ketika itu hanya menang tipis di tiga Kerusi iaitu Tanjung Aru, Keningau dan Bandau. Sahabat saya, di Parlimen Keningau menang dengan hanya 250 undi. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyangkal sekeras-kerasnya tuduhan Yang Berhormat bagi Parit Buntar yang mengatakan tambahan lima Kerusi Parlimen ini hanya kerana bertujuan memperkukuhkan kedudukan Barisan Nasional.

Bagi saya, ini adalah satu tuduhan yang liar dan tidak bertanggungjawab. Saya amat kesal kerana tuduhan seperti ini keluar daripada seorang yang bergelar Doktor Falsafah. Sepatutnya dia buat penyelidikan terlebih dahulu terutama sekali dalam soal kajian sejarah sebelum membuat tuduhan yang melulu tersebut. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia di Sabah telah menunggu selama 38 tahun iaitu sejak tahun 1973 iaitu tahun kajian terakhir Sabah diberi tambahan Kerusi Parlimen dan pada ketika itu tambahannya hanyalah empat Kerusi. Dalam dua kajian semula sempadan bahagian

pilihan raya iaitu tahun 1984 dan tahun 1994, tidak ada penambahan Kerusi DUN dan Parlimen yang telah diberikan kepada negeri Sabah. Dua kali kajian sempadan dan Sabah tidak mendapat apa-apa tambahan Kerusi. Apakah patut rakyat Sabah terus menerus dinafikan hak mendapat tambahan Kerusi dan perwakilan di institusi perundangan negara kita ini?

Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak SPR kerana prihatin tentang hak-hak rakyat Sabah untuk mendapat perwakilan tambahan dalam institusi perundangan negara kita seperti Dewan yang mulia ini. Fakta sejarah menunjukkan bahawa Sabah dan Sarawak sebagai wilayah yang penting dan besar telah memainkan peranan yang amat kritikal dalam menjayakan pembentukan negara kita yang ada pada hari ini iaitu Persekutuan Malaysia. Kita telah bersetuju membentuk negara baru yang dipanggil Persekutuan Malaysia ini, yang dibentuk oleh Persekutuan Tanah Melayu, negara Singapura, Sarawak dan Sabah dengan syarat-syarat tertentu. Syarat-syarat tersebut telah dimaktubkan dalam Seksyen 161, 161A, 161B, 161E, Bahagian 12A Perlembagaan Persekutuan, atas tajuk "Perlindungan Tambahan Bagi Negeri-negeri Sabah dan Sarawak". Saya berharap Yang Berhormat Parit Buntar akan membaca Perlembagaan Persekutuan dalam soal ini dan supaya Yang Berhormat akan lebih memahami aspirasi-aspirasi rakyat di Sabah dan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tertubuhnya Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, bilangan Kerusi Parlimen bagi seluruh negara ialah 104 iaitu Sarawak – 20 Kerusi, Sabah – 16 Kerusi, Singapura 15 Kerusi dan jika dijumlahkan bilangannya ialah 51 Kerusi. Manakala jumlah Kerusi Parlimen seluruh Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu ialah hanya 53 buah Kerusi. Ini bererti bahawa agihan bilangan Kerusi Parlimen pada ketika itu adalah berimbang. Kita mempunyai jaminan bahawa kita akan sentiasa memerlukan antara satu sama lain, apabila ada pindaan mana-mana peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, khusus untuk Sabah, kajian persempadanan bahagian pilihan raya telah dilakukan selama tiga kali dalam tempoh 1993 hingga tahun 2003, sejak terbentuknya negara kita Persekutuan Malaysia. Namun demikian, bilangan Kerusi Parlimen di negeri Sabah hanya meningkat sebanyak 4 Kerusi iaitu daripada 16 Kerusi pada tahun 1963 kepada hanya 20 Kerusi pada hari ini. Begitu juga dengan bilangan Kerusi Parlimen bagi negeri Sarawak yang juga meningkat hanya sebanyak 8 Kerusi dalam tempoh 38 tahun iaitu daripada 20 Kerusi pada tahun 1963 kepada 20 Kerusi pada hari ini tahun 2003.

Berbanding dengan Semenanjung Malaysia, jumlah Kerusi Parlimen telah ditambah sebanyak 91 Kerusi iaitu daripada 53 Kerusi pada tahun 1953 kepada 144 sehingga pada hari ini. Ini bererti bahawa nisbah agihan Kerusi Parlimen di tiga wilayah utama negara kita iaitu wilayah Sabah, Sarawak dan Semenanjung Tanah Melayu tidak lagi berimbang. Sabah dan Sarawak jumlah Kerusi Parlimen 48 Kerusi manakala Semenanjung Tanah Melayu 144 dan Wilayah Persekutuan Labuan hanya 1, dan oleh sebab itu kedudukan ini tidak memberi keselesaan dan jaminan terhadap masa depan "Perlindungan Tambahan Untuk Sabah dan Sarawak" seperti di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia seperti mana yang saya sebutkan tadi iaitu Seksyen 161, 161A, 161B dan 161E Bahagian XIIA Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Kami rakyat di Sabah dan Sarawak memikirkan bahawa perlindungan-perlindungan tambahan ini masih *relevant* dan diperlukan. Sebab Sabah dan Sarawak masih lagi ketinggalan jauh di belakang daripada semua aspek pembangunan kerana antara lain disebabkan oleh keluasan geografi yang begitu besar. Jika kita lihat keluasan Sabah dan Sarawak ini, keluasan Sabah ialah 71,711 kilometer persegi, manakala Sarawak pula ialah 124,429 kilometer persegi. Jika sekiranya digabungkan dan dijumlahkan Sabah dan Sarawak ini, saiz keseluruhan Sabah dan Sarawak ialah 198,160 kilometer persegi. Kita bandingkan dengan keluasan 11 negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, jumlahnya ialah hanya 131,598 kilometer persegi. Ini bererti bahawa Sabah dan Sarawak jauh lebih besar, sebab itu layaklah dikatakan tanah besar Malaysia ialah Sabah dan Sarawak.

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Tuan Wilfred Madius Tangau: Tuan Yang di-Pertua, SPR telah mengambil faktor juga peningkatan penduduk terhadap persempadanan semula ini. Menurut laporan banci penduduk dan perumahan Malaysia pada tahun 1980 dan tahun 1990, kependudukan di negeri Sabah dalam tempoh dua dekad yang terakhir iaitu 1981, 1990 dan dekat 1991 hingga tahun 2000 telah merekodkan satu kadar purata pertumbuhan penduduk yang tertinggi di negara kita iaitu 5 peratus. Ini adalah satu peningkatan yang amat tinggi berbanding dengan hanya 2.4% bagi seluruh negara.

Ya, Ahli Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran. Saya masih ingat apabila *Cobbold Commission* yang ditugaskan untuk memujuk rakyat Sabah dan Sarawak untuk bersatu dengan Semenanjung Tanah Melayu, pada masa itu oleh kerana saya menjadi Jurubahasa mereka walaupun masih muda, mereka mengatakan Malaysia akan dibentuk secara tiga unit yang diberi sama *weightage* iaitu ada Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Itulah harapan kita pada masa itu.

Selepas Malaysia dibentuk, kita orang yang tua-tua pada masa itu yang tidak begitu pandai bersekolah, mereka terkejut. Mereka diberi tahu mereka adalah satu daripada 13 wilayah tetapi itu telah menjadi sejarah. Jadi setujukah Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran kalau kita minta daripada kawan-kawan kita di Semenanjung dan juga di SPR supaya Sabah dan Sarawak diberi lebih *weightage* supaya menunjukkan kita ini adalah *sincere*, kita ini ingin membangun bersama dan juga Sabah dan Sarawak *potential* dia amat besar untuk menjadi *economic powerhouse* untuk Semenanjung Malaysia dan justeru itu kita minta Kerusi Parlimen seperti di Sarawak dan di Sabah, di Sarawak hanya 28 ditambah lebih banyak lagi. Terima kasih.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung, laporan banci penduduk dan perumahan Malaysia bagi tahun 2002 pula menyatakan jumlah penduduk Sabah sebanyak lebih kurang 2.4 juta orang dan di Sarawak pula ialah lebih kurang 2 juta lebih dan di Semenanjung Malaysia pula lebih kurang 17 juta ataupun lebih kurang 18 juta. Ini bererti bahawa 28% daripada jumlah penduduk Malaysia adalah di Sabah dan Sarawak. Jika kita lihat kadar peningkatan bilangan Kerusi Parlimen Sabah kita dapati ianya tidak mengimbangi kadar peningkatan jumlah penduduknya. Bilangan Kerusi Parlimen hanya meningkat sebanyak 25% dari tahun 1963 hingga tahun 2001 sedangkan kadar peningkatan bilangan penduduk adalah sangat tinggi iaitu 457.3% bagi tempoh tahun 1957 hingga tahun 2000.

Sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, keadaan agak jauh berbeza dari di Semenanjung Malaysia. Bilangan Kerusi Parlimen setakat 2001 telah meningkat dengan kadar yang sangat tinggi iaitu 171.7% berbanding dengan kadar peningkatan penduduk. Dalam konteks ini sebenarnya cadangan SPR tersebut iaitu tambahan lima Kerusi itu tidak mencerminkan keadaan yang jelas berpaksi kepada pertumbuhan penduduk negeri Sabah, sebab Sabah sepatutnya mendapat pertambahan lebih daripada 5 Kerusi Parlimen.

Malah ramai rakyat Sabah dan juga pertubuhan-pertubuhan sukarela dan pertubuhan-pertubuhan politik yang telah mencadangkan supaya Kerusi Parlimen negeri Sabah sekurang-kurangnya ditambah lapan Kerusi atau sepuluh Kerusi tetapi SPR hanya beri lima Kerusi sahaja. Itu pun Tuan Yang di-Pertua, kami bersyukur dan berterima kasih kerana sekurang-kurangnya pihak SPR telah sedar setelah membuat kajian dua kali tidak pun diberi tambahan lima Kerusi. Cuma Tuan Yang di-Pertua, dalam soal DUN atau Dewan Undangan Negeri di negeri Sabah telah diberi tambahan cuma 12 Kerusi dan dalam 12 Kerusi juga tambahan ini kita berterima kasih. Cuma kita sedikit kecewa dari segi pengagihan di manakah letaknya 12 Kerusi ini.

Dalam soal ini juga kita sedikit kecewa oleh kerana kita difahamkan bahawa Bekas Ketua Menteri telah tidak bersetuju untuk menambah Kerusi daripada 12 kepada 14 Kerusi khusus untuk memuatkan satu Dewan Undangan Negeri yang memang sudah wujud dahulu telah dimansuhkan iaitu DUN Langkun dan satu Dewan Undangan Baru yang

dicadangkan dan disebutkan juga oleh sahabat iaitu Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan semalam iaitu DUN Bukit Garam yang begitu luas. Bekas Ketua Menteri telah tidak bersetuju untuk menambah daripada 12 kepada 14 Kerusi. Kita menerima alasan beliau yang menyatakan bahawa pertambahan banyak Wakil Rakyat ini, maka banyak Yang Berhormat ini akan melibatkan kos yang lebih besar. Kita bersetuju bahawa alasan ini adalah berasas. Walau bagaimanapun, alasan ini telah membelakangkan hak rakyat untuk mendapat pembelaan daripada wakil-wakil rakyat sebab tempat-tempat yang dicadangkan adalah tempat yang mempunyai keluasan yang begitu besar dan sudah terbukti bahawa wakil-wakil rakyat yang ada sekarang ini mendapat kesulitan untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat di kawasan yang berkenaan kerana keluasan yang begitu besar.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, beberapa kumpulan bumiputera minoriti di negeri Sabah yang telah selama ini cuba mendapat perwakilan seperti suku kaum Lundayuh dan sebagainya telah juga mencadangkan beberapa DUN baru dan ada asasnya dari segi keluasan geografi dan juga dari juga kependudukan tetapi juga ditolak atau tidak diterima oleh SPR. Misalnya satu cadangan yang di buat di DUN Long Pasia di kawasan Sipitang dan juga di kawasan Kota Belud.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kumpulan bumiputera minoriti ini termasuklah masyarakat Orang Asli di Semenanjung dan bumiputera di Sabah dan Sarawak ini harus diberikan perwakilan. Kita mempunyai sebuah masyarakat di Malaysia ini masyarakat Orang Asli. Kenapakah kita tidak boleh wujudkan satu kawasan Parlimen untuk Orang-orang Asli supaya Orang Asli ini juga dapat turut serta bersama dengan kita dalam proses membuat perundangan di negara kita dan juga untuk mengetengahkan permasalahan-permasalahan mereka yang selama ini hanya ditadbirkan oleh sebuah Jabatan tetapi tidak ada orang yang mengetengahkan di Dewan ini? Mereka hanya mendapat ehsan suara daripada rakan-rakan mereka seperti kita di Dewan yang mulia ini. Begitu juga di negeri Sabah, ramai bumiputera minoriti yang kita fikirkan perlu diberi perwakilan di Dewan ini dan kita berharap pihak SPR akan mengambil iktibar dalam soal ini dalam kajian yang akan datang.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya bangkitkan apabila kajian persempadanan semula ini ialah dalam soal prinsip-prinsip persempadanan seperti mana yang termaktub dalam Jadual Ke-13 Perlembagaan Persekutuan. Bagaimana SPR menangani situasi di mana satu kawasan DUN telah dimansuhkan. Di negeri Sabah sebagai contoh DUN Langkon dimansuhkan dan DUN Sook dimasukkan dalam kajian semula persempadanan tahun 1994. DUN Langkon dimansuhkan, lepas itu diwujudkan pula dua DUN di tempat yang lain. Tidak ada tambahan dalam kajian tersebut, cuma dipindahkan. Apakah pihak SPR menyatakan bahawa selama ini mulai tahun 1963 sampai 1994 mengatakan bahawa kedua-dua DUN itu sebenarnya tidak layak? Tetapi kenapa dibiarkan kawasan DUN itu sahaja selama lebih 30 tahun, tiba-tiba dimansuhkan, lepas itu diwujudkan dua DUN di tempat yang lain.

Kemudian dalam kajian kali ini, salah satu daripada Dewan Undangan Negeri ini iaitu DUN Sook dihidupkan kembali tetapi yang Langkon dibiarkan. Kemudian diwujudkan pula di sebelas kawasan yang baru di tempat yang lain. Kalau kita lihat dari segi kelayakan, kelayakan itu sama. Saya mencadangkan supaya peruntukan dalam Jadual Ke-13 ini dikaji semula dan dikaji bagaimana, masukkanlah peruntukan dalam jadual ini bagaimana pihak SPR menangani soal memansuhkan sesuatu kawasan, ataupun bagaimana hendak menghidupkan sesuatu kawasan itu. Apabila diwujudkan kawasan tersebut tentu sekali ada prinsip-prinsip tertentu dan ada kriteria-kriteria tertentu yang ditentukan semasa mewujudkan kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju supaya

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat ada dua minit sahaja.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Sekejap sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Dr. Maximus Johnnity Ongkili: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran yang baru saya menyentuh soal Langkon. Adakah Yang Berhormat setuju dan sedar bahawa antara alasan yang telah pun dikemukakan, kenapa DUN Langkon ini tidak dikembalikan ialah dikatakan bahawa kawasan itu masih lagi boleh diberi khidmat dengan dua DUN di sana?

Saya adalah ADUN Langkon yang terakhir, lima, empat tahun yang dahulu, sekarang bagi DUN Tandek. Setuju atau tidak, Yang Berhormat bahawa ini sebenarnya tidak tepatlah analisis seperti begitu, ia telah wujud 25 tahun yang lalu dan tiba-tiba dimansuhkan? Apabila kita buat rayuan pula, rayuan tidak diberi perhatian kerana tidak disentuh dalam daftar pertama ataupun draf pertama SPR? Ini telah pun membawa masalah yang banyak. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa alasan itu tidaklah munasabah dan adakah Yang Berhormat juga bersetuju supaya pada masa akan datang kita merayu, tumpuan diberi untuk semakin besar-besaran di zon utara di sebelah Sabah? Terima kasih.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bandau. Saya bersetuju bahawa alasan yang telah diberikan oleh SPR itu adalah begitu lemah dan sememangnya dalam peruntukan jadual 13 ini tidak ada peruntukan bagaimana menangani soal sesebuah Dewan Undangan Negeri yang telah dihapuskan, dimansuhkan, lepas itu dihidupkan kembali. Tidak ada. Saya mencadangkan supaya perkara ini diadakan satu peruntukan khusus dalam Perlembagaan Persekutuan dalam soal ini. Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Bandau bahawa alasan SPR mengatakan bahawa semua rayuan-rayuan yang telah dibuat, rayuan termasuklah rayuan yang telah diberikan oleh Pegawai Daerah, Pengerusi Majlis Daerah Kota Marudu yang juga sebahagian daripada pegawai SPR, mencadangkan supaya Langkon ini diwujudkan balik. Itu pun juga ditolak.

Kalaulah pihak SPR tidak dapat mendengar, tidak dapat menerima pandangan, cadangan daripada pegawai-pegawai di peringkat akar umbi, siapa lagi dia mahu dengar? Dan alasan lagi yang mengatakan bahawa tidak ada sebab kamu merayu sebab kami sememangnya dalam pameran yang pertama tidak mencadangkan DUN Langkon ini. Persoalan kami ialah, ya, kami tidak ada alasan mahu merayu sebab tidak ada dalam pameran, tidak dicadangkan. Persoalannya ialah kenapa pihak SPR tidak mencadangkan? Itu persoalannya. Kenapa dihidupkan kembali yang

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup, sudah itu.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Hendak gulung sudah ini, Tuan Yang di-Pertua. Dihidupkan kembali yang Sook dan tidak pula yang Langkon. Dengan itu saya menggulung dan mengatakan bahawa kita mohon supaya dikaji semula subseksyen (a), (b), (c) dan (d) seksyen 2, Bahagian 1, Jadual 13, Perlembagaan Persekutuan ini supaya SPR, semua prinsip-prinsip itu dapat diperincikan dan mengurangkan lagi *discretionary* ataupun *arbitrary decisions* daripada pihak SPR untuk mempersempadankan semula bahagian-bahagian Pilihan raya di masa akan datang.

Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kepong.

12.32 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan perasaan tidak senang kerana saya khuatir persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya 2003 belum mematuhi prinsip-prinsip satu orang satu undi dan penetapan bilangan undi yang seimbang setelah pertimbangan beberapa faktor *weightage*, munasabah. Selangor mempunyai pemilih lebih 1.3 juta dan ada bahagian Parlimen 22, walhal Johor mempunyai pemilih lebih 1.2 juta diberi 26 Kerusi Parlimen. Sabah memperolehi 746,442 pemilih berdaftar dan 25 Kerusi Parlimen, walaupun ada *Cobbold Commission* dan sebagainya, memang *weightage* mesti diberi kepada Sabah tetapi

mestilah ada had juga. Tidak seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Tuan yang kadang kala tidak munasabah juga, sebab dia pergi ke TV1 dan membidas kita semua dengan tidak berasas juga. Yang terpenting sekali ialah Suruhanjaya Pilihan Raya wajib kalis tekanan parti-parti politik.

Pax Americana telah menyebabkan perang pencerobohan Iraq tanpa persetujuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau PBB, gergasi Amerika Syarikat hancurkan kenit Iraq dengan begitu sahaja. Memang akibatnya padah. Di Malaysia pax 'baris sana' telah mengakibatkan pelbagai masalah termasuk politik wang, *gangsterism* dan kezabab majoriti, *tyranny of the majority*, ada syak wasangka bahawa pax baris sana ini telah menyebabkan persempadanan yang kurang mengikut prinsip-prinsip.

Pak-pak lang seperti Yang Berhormat bagi Shah Alam, Yang Berhormat bagi Sri Gading, mirip kepada burung tiong British, Tony Blair [*Ketawa*] Mereka tidak mengindahkan prinsip-prinsip satu orang satu undi, *weightage*, ketelusan, boleh kepercayaan dan keutuhan integriti. Kerana kita telah dihadkan masa, saya mengesyorkan:

- (i) kita rujukkan dwi usul ini kepada jawatankuasa pilihan adalah peri mustahak bahawa dwi usul ini dirujuk kepada *Select Committee* untuk dikaji dengan teliti sama ada cadangan-cadangan persempadanan semula ini adalah cocok dengan semangat Perlembagaan Persekutuan;
- (ii) tubuhkan sebuah Suruhanjaya Pilihan Raya untuk mengkaji semula garis panduan seorang satu undi dan kesalahan-kesalahan pilihan raya termasuk undi hantu, *phantom votes*;
- (iii) kaji semula semua undang-undang pilihan raya termasuk setakat persempadanan semula menyeleweng daripada semangat Perlembagaan Persekutuan; dan
- (iv) *weightage* luar bandar haruslah mengikut semangat, garis panduan Perlembagaan dalam lingkungan 15% ataupun tidak lebih daripada 50%.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun, di dalam penjelasan faktor pewajaran *weightage* bagi kawasan luar bandar, SPR telah mengatakan bahawa perlu dijelaskan bahawa faktor pewajaran *weightage* amat perlu diberikan kepada keluasan kawasan dan bukan hanya bilangan pemilik bagi kawasan luar bandar. Sungguhpun demikian, SPR telah cuba mengelakkan penekanan *weightage* tanpa had yang berpatutan. Tuan Yang di-Pertua, SPR patut mengkaji semula kriteria-kriteria yang digunakan sebagai garis panduan bagi menentukan bahagian-bahagian pilihan raya di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak adalah adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, Pengerusi SPR, Dato' Abdul Rashid Abdul Rahman adalah berasal dari Kelantan, beliau pernah menulis sebuah buku seperti Tuan Yang di-Pertua juga, banyak mengarang buku. Kalau Tuan Yang di-Pertua boleh, anak Kelantan ini pun boleh juga. Seperti anak-anak negeri yang lain, anak Kelantan pun boleh menulis buku, bertutur, *berkecek* dan *berkelik*. Ada yang pandai bermain badminton *All-England* juga tetapi dibantu oleh Selangorlah, bukan oleh Kelantan sahaja.

Dato' Abdul Rashid tidak dapat menambah bahagian pilihan raya Parlimen di Kelantan. Pada 7 Mac 2003, beliau mengatakan bahawa tugas SPR ialah mengimbangi pengundi sesuatu kawasan mengikut kategori seperti luas kawasan, keadaan geografi dan infrastruktur. SPR tidak ada kena mengena dengan mana-mana parti politik dan parti pula perlu bijak menyesuaikan diri dengan keadaan yang berubah-ubah dalam sesuatu kawasan. Apa yang pasti SPR seboleh-bolehnya tidak akan menyediakan satu bahagian pilihan raya untuk kaum tertentu sahaja, ujar beliau. Dengan komputer, alat-alat moden dan usaha kakitangannya, SPR dapat menyiapkan urusannya dalam tempoh 5 bulan sejak kerja bermula Mac lalu. Memang kita menghargailah kerja-kerja seumpama ini termasuk ibu pejabat cawangan SPR dan juga kakitangan Jabatan Perangkaan, Pemetaan dan juga pihak berkuasa tempatan. Kita mesti menghargai kerana kerja yang baik ini tetapi, dasar dan pelaksanaan bukan kesalahan mereka, mereka hanya kakitangan sahaja.

Dato' Abdul Rashid mestilah menelaah setakat mana pertambahan enam Kerusi Parlimen untuk Johor, lima Kerusi untuk Selangor, lima Kerusi Sabah, tiga Kerusi Pahang, dan ketiadaan tambahan Kerusi di Kelantan dan Terengganu, mematuhi saranan beliau sendiri. Pada 21 Oktober 1992, ketika perbahasan persempadanan semula yang kelima, saya pernah mencadangkan supaya ia dirujukkan kepada Jawatankuasa Pilihan kerana ketidakpuasan ramai Ahli Parlimen. Hari ini sekali lagi saya menyeru supaya dwi usul ini dikemukakan ke Jawatankuasa Pilihan disebabkan rungutan-rungutan Yang Berhormat-Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat bagi Kapar, Yang Berhormat bagi Johor Bharu dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita memanglah perlu mengkaji mengapa wujudnya perbezaan yang amat sangat. Mengikut unjuran, bilangan pengundi di Putrajaya akan bertambah tetapi sekarang satu kawasan pilihan raya Putrajaya hanya mempunyai 85 pemilih menunjukkan jurang yang amat besar jika dibandingkan dengan Johor Bharu yang memperolehi 90,187 pengundi. Kalau kita membiarkan Putrajaya dan unjurannya, kawasan bahagian pilihan raya Lenggong di Perak hanya mempunyai 21,148 pemilih sahaja. Bilangan pemilih di Johor Bharu adalah lebih 4 kali ganda berbanding dengan Lenggong. Kalau di Grik dan Baling itu, 3 kali ganda, ini 4 kali ganda. Saya suka bangkit di sini mengenai Lim Kit Siang, bekas Yang Berhormat bagi Tanjung kerana dia buat lebih 30 tahun ini ada mengikut perkembangan persempadanan semula, dan sudah membuat banyak komen terhadap persempadanan semula terutama sejak 1974.

Seperti biasa beliau membuat cadangan-cadangan untuk mematuhi kepada prinsip seorang satu undi, bandingan bilangan pemilih dan bahagian pilihan raya Parlimen dan di negeri-negeri di Semenanjung pada 1974,1984,1994 dan 2002, telah menunjukkan perbezaan dan ketidakseimbangan. Ini adalah menyeleweng daripada garis panduan seorang satu undi. Komen Lim Kit Siang adalah termasuk, dengan izin:-

"In the 1974, 1984 and 1994 re-delineations, the two states with the largest number of registered voters led the pack of Peninsular Malaysia States in having the most number of Parliamentary Constituencies, that is Perak with 21 and Johor 16 in 1974, Perak 23 and Johor 18 in 1994 and Perak 23 and Johor 20 in 1994.

For the 2002 delineation however, this principle has been overturned with Johor and Perak, allocated more seats than Selangor, although Selangor has more registered voters with 1,368,693 as compared to Johor's 1,223,532, and Perak's 1,138,010 voters.

Selangor which registered 44.18% more voters on it's Electoral Roll as compared to the 1994 re-delineation is allocated an increase of five Parliamentary seats, while Johor is given an increase of six seats when it registered an increase of only 24.53% of voters during the same period, and Perak given an increase of one seat when it had a mere 8.12% increase. While Kelantan, Terengganu and Kedah have not been allocated one new seat each in view of the 16.2%, 21.76% and 17.4% increase of voters respectively since the last re-delineation exercise as Negeri Sembilan and Melaka allocated one new seat each with 20.04% and 23% increase of voters respectively".

Sebenarnya kita mempunyai banyak angka perbandingan di antara satu sama lain. Kalau ikut saranan dan kriteria-kriteria yang dibuat oleh SPR, kita banyak boleh mempertikaikan.

Di Wilayah Persekutuan, Seputeh mempunyai 73,311 pemilih, walhal Wangsa Maju 50,575 pemilih. Ini adalah perbezaan yang besar. Kalau kita kira corak dan bentuk, kita kira geografi dan topografi, di antara Wangsa Maju dan Seputeh, perbezaan itu bukan begitu banyak, tidak. Ini adalah kurang adil itu. Bentuk dan corak Cheras dan Titiwangsa adalah ganjil seperti sepit ketam terutamanya Cheras, Ini adalah jelas bahawa daripada segi penduduk, kebudayaan, keadaan buka bumi dan kemudahan-kemudahan, SPR mestilah memperbaiki kriteria dan rasionalnya untuk semua bahagian pilihan raya. Yang

Berhormat bagi Cheras boleh mengesahkan itu, kawasannya sekarang jadi sepit ketam. Memang sepit ketam – padat dengan para pemilih.

Di Sabah, di sini Tuaran, bahagian pilihan raya Parlimen Kota Kinabalu 55.57 kilometer persegi mempunyai 43,084 pengundi berbanding dengan Pensiangan keluasan 8,325.38 kilometer persegi dengan bilangan pemilih 17,717. Dan Kinabatangan ini memang tertarik sekali - 17,877.04 kilometer persegi dengan bilangan pemilih hanya 18,611 pengundi...

Dato' Zulhasnan bin Rafique: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat bagi 'Titiwangsa'.

Seorang Ahli: Wangsa Maju.

Tuan Yang di-Pertua: 'Titiwangsa' bangun, hendak beri jalan.

Dr. Tan Seng Giaw: 'Titiwangsa' saya tidak ada masa dah.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Wangsa Maju. Sebut, sebut Wangsa Maju ya...

Dr. Tan Seng Giaw: Okay.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Baik. Okey terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong. Tadi Yang Berhormat sebut tentang Wangsa Maju dan perbezaan di antara yang lain.

Pertama sekali Wilayah Persekutuan ini kalau boleh saya beri penjelasan sedikitlah Yang Berhormat, ya. Sebab semua ini dalam buku tetapi Yang Berhormat mungkin tidak baca kot. Dalam buku ini sudah diberitahu sebabnya dipecahkan Wilayah Persekutuan adalah sebab Wangsa Maju ada 86,000 pengundi. Kalau kita tengok daripada SPR mengehendkan bilangan pemilih kawasan dalam bandar raya 70,000 sehingga 90,000. Di antara sebabnya ialah kawasan-kawasan yang lain Yang Berhormat sebut tadi, urusan persempadanan ini perhatian khas kepada tahap atau trendnya, yang pertama, ialah kalau mereka hendak tengok iaitu *saturated* kah, hampir *saturated* kah akan jadi *saturated*. Sebab daripada *saturated* itu kita nampak tadi Bukit Bintang, Seputeh dan Cheras sudah *saturated*.

Itulah sebabnya kalau kita tengok kepada jumlah pengundi itu agak tinggi jika dibandingkan dengan lain. Macam Kepong, Batu dan Bandar Tun Razak itu hampir padat. Itulah sebabnya kurang sedikit. Dengan sebab itulah Titiwangsa, Wangsa Maju, Lembah Pantai dan Segambut masih terdapat ruang untuk kawasan kediaman. Itulah sebabnya turun sedikit pada 50,000 sehinggalah 60,000. Itulah asas panduan yang digunakan oleh SPR. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya pun ada contoh-contoh seperti Putrajaya - 85 pemilih dengan unjuranlah. Kalau berbanding dengan Seputeh lebih 70,000 pengundi memang satu perbezaan yang amat sangat. Walaupun dengan Titiwangsa, saya sebut Titiwangsa mengenai corak dan bentuk kawasan lebih kurang ada ganjil sedikitlah.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 2(c) Jadual 13 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "...the number of electors within each constituency in a state, ought to be approximately equal except that, having regard to the greater difficulty of reaching electors in the country districts and the other disadvantages facing rural communities, a measure of weightage for area ought to be given to such constituencies." A "measure of weightage", kita mesti memahami semangat a "measure of weightage".

Sepantun yang dilakukan dengan *weightage* tanpa batasan tersebut adalah sukar mendapat keadilan dan kesaksamaan. Di sini sebagai masyarakat Malaysia mujurlah masyarakat semakin hari semakin tahu bertutur dalam pelbagai bahasa atau *polyglot society*. Tidak ada lagi keberatan untuk mempelajari bahasa Inggeris, bahasa Arab,

bahasa Cina, bahasa Tamil dan sebagainya. Sebab itulah saya hendak petik sedikit daripada bahasa Mandarin. Ahli falsafah China lebih 2000 tahun yang lepas, *Mengzi* di dalam bukunya - *Liang Hui Wang Shang* berkata, "*yi ruo suo wei, qiu ruo suo yu, you yuan mu qui yu ye.*" Saya akan memberi pemberita dalam *Hanyu Pinyin* kerana dia ada *Hanyu Pinyin* sekarang, seumpama memanjat pokok untuk mendapat ikan, arah dan cara yang salah, mustahil untuk mencapai matlamatnya.

Kerajaan menegaskan bahawa kita mengamalkan demokrasi berparlimen. Kita mestilah mengkaji isi kandungan konsep ini. Salah satu asasnyalah keadilan dan kesaksamaan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya termasuk *weightage* kepada kawasan yang mundur. Seandainya Kinabatangan diselang-seli dengan perairan dan pulau, kita memberi *weightage* tetapi *weightage* ini tidak bermakna tidak ada hadnya. Jika setakat 15%, 25% atau 50% *weightage* maka kita boleh mempertimbangkan. Saya mengulangi hal ini dengan acap kali khasnya sejak 1984, ada persempadanan semula waktu itu, saya pun ada menekankan hal ini. Johor mempunyai 26 Kerusi Parlimen, Selangor 20, ini memang tidak munasabah. Johor Bharu ada lebih empat kali ganda bilangan pemilih berbanding dengan Lenggong. Ini bukan adil dan saksama.

Jumpa kayu di Terengganu,

Batu bersurat batu kawi;

Jaga penyu gerak di hulu,

Dahulu bajak dari jawi.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Wangsa Maju.

12.52 tgh.

Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali sebab saya ada kurang 7 minit, saya tidak akan menyentuh daripada hal-hal Yang Berhormat yang lain. Saya ucap tahniah dan syabas kepada Pengerusi SPR - Dato' Rashid, Setiausaha - Dato' Wan dan Ahli Lembaga atas satu *exercise* persempadanan yang cemerlang walaupun susahnyanya untuk memberi kepuasan kepada semua kalangan termasuk pembangkang. Dengan itu, saya hendak sentuh satu isu sahaja sebab saya ada 5 minit lagi iaitu isu berkaitan dengan Parlimen.

Isunya ialah isu kuorum. Saya hendak perhatian daripada Yang Berhormat Menteri sebab ini adalah satu isu yang amat penting untuk diberi perhatian dalam masa akan datang. Saya ingin membangkitkan isu kekurangan ahli dalam Dewan Rakyat yang mulia ini yang telah menetapkan bahawa mesti terdapat sekurang-kurangnya 26 orang ahli Mesyuarat hadir untuk menepati keperluan kuorum Dewan di bawah Perkara 13(1) Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat.

Isu kuorum ini kerap kali disalahgunakan oleh rakan-rakan kita daripada sebelah sana termasuk Tumpat pada hari itu untuk mengaibkan Dewan yang mulia ini. Sedar atau tidak perbuatan baling batu sembunyi tangan membangkitkan isu kuorum menerusi Perkara 13(2) sebenarnya bukanlah akan memalukan kerajaan seperti mana yang cuba dilakukan oleh rakan-rakan kalangan kita tetapi memalukan Dewan ini...

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yang di-Pertua, ada yang bangun Yang Berhormat, dia kata benda ini tak bersangkut paut dengan...

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Ini bersangkut paut dengan persempadanan, Tuan Yang di-Pertua, sebab apabila kita buat persempadanan kita akan menentukan tempat-tempat duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Tak tentu lagi Yang Berhormat. Kalau sekiranya sempadan, kemudian ditambahkan ahli kepada 225 orang, tak tentu lagi perkara berkenaan dengan kuorum itu akan berbangkit.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Apabila kita ada, ini termasuk dalam tanggungjawab semua sekali yang terlibat dalam pilihan raya, Tuan Yang di-Pertua. Ia terlibat daripada semua sekali Ahli Yang Berhormat yang...

Tuan Yang di-Pertua: Saya mintalah Yang Berhormat bercakap berkenaan dengan persempadanan ya.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ada 3 minit lagi. Saya akan masuk sedikit kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada 20 minit, boleh sambung sebelah petang ya.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Saya teruskan, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, memberi kepada saya di sini kerana saya salah seorang Wakil Rakyat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dalam proses persempadanan semula telah merombak beberapa kawasan kami, menambahkan satu lagi Kerusi di Kuala Lumpur menjadi 11 kesemuanya, tidak termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya yang telah diwujudkan hasil dari proses persempadanan semula kawasan yang telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Sebelum proses persempadanan semula dilaksanakan, Wilayah Persekutuan mempunyai 10 Kerusi Parlimen, tiada Kerusi Dewan Undangan Negeri memandangkan ianya adalah sebuah Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur dihuni kira-kira 1.38 juta penduduk dengan jumlah pengundi berdaftar pada 31 Disember 2001 seramai 664,233 orang. Pihak SPR telah menyatakan bahawa jumlah pemilih ada peningkatan sebanyak 25% dari jumlah pemilih sewaktu proses persempadanan semula terakhir dilakukan dalam tahun 1994. Purata jumlah pengundi bagi setiap kawasan ialah 66,423 orang. Wajar saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini terlebih dahulu kepada intisari perubahan yang telah berlaku kepada kawasan di Wilayah Persekutuan.

Kawasan Wangsa Maju ialah sebabnya kawasan-kawasan Wilayah Persekutuan ini dibelahbahagikan dan inilah kawasan yang saya mewakili dan ia mengalami satu perubahan yang besar bilamana sebelum persempadanan semula mengandungi 17 daerah pengundi tetapi kami kini hanya tinggal 11 setelah dikeluarkan 9 daerah mengundi iaitu Wardibun Jaya, Air Panas, Taman Setapak, Seksyen 10, PKNS Batu 6, Mindef, Air Panas, kepada kawasan Parlimen Setiawangsa. Sambil dimasukkan 3 daerah mengundi iaitu Gombak Utara, Gombak Selatan dan Kampung Kuah daripada Parlimen Batu.

Jumlah pengundi berdaftar Wangsa Maju yang baru setakat 31 Disember 2001 ialah 50,575 orang. Inilah sebabnya persempadanan kawasan Wilayah Persekutuan perlu diubah untuk menentukan syarat-syarat, dasar-dasar SPR dilaksanakan. Kawasan baru yang telah diwujudkan ialah kawasan Parlimen Setiawangsa terhasil ekoran proses persempadanan semula Kuala Lumpur terdiri daripada 12 daerah mengundi dan jumlah pemilih berdaftar setakat 31 Disember 2001 ialah 51,012 orang. Oleh kerana persempadanan semula ini melibatkan saya dengan secara langsung kerana kawasan asal sebelum berlaku proses persempadanan semula ini adalah Wangsa Maju yang mana saya menjadi wakil, saya mohon izin untuk menghuraikan sedikit tentang persempadanan semula yang melibatkan kawasan saya ini.

Dari segi sejarah, projek pembangunan Bandar Baru Wangsa Maju adalah merupakan projek penswastaan yang pertama yang dilaksanakan Kerajaan Malaysia. Ianya telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 1982 selaku satu mercu tanda penswastaan kerajaan yang terawal untuk membawa kemajuan dan pembangunan kepada rakyat di kawasan ini. Wangsa Maju menerusi visi kerajaan akan menjadi sebuah bandar satelit dan contoh sebuah bandar penempatan tersusun dan lengkap.

Kerusi Wangsa Maju pula telah diwujudkan pada tahun 1994 dan pada ketika itu melibatkan persempadanan semula kawasan Parlimen Batu dan Titiwangsa. Wangsa Maju

juga telah melalui dua pilihan raya umum tahun 1994 dan 1999 di mana Barisan Nasional telah memenangi dua kali berturut-turut. Jumlah pengundi Wangsa Maju sebelum persempadanan ialah 86,255 orang, satu jumlah yang begitu besar pada pandangan SPR menyukarkan wakil-wakil rakyat untuk memberi perkhidmatan yang terbaik sejajar dengan konsep menyumbangkan jumlah pengundi untuk keberkesanan khidmat wakil-wakil rakyat.

Oleh sebab itulah, SPR telah mencadangkan untuk memecahkan Wangsa Maju kepada dua, Wangsa Maju dan kawasan baru yang dinamakan Setiawangsa. Itulah sebabnya kawasan-kawasan yang lain di Wilayah Persekutuan perlunya perubahan persempadanan mereka untuk menentukan dasar-dasar dan syarat-syarat SPR dapatlah diwujudkan. Walau bagaimanapun, perpecahan ini mengakibatkan jumlah pengundi di kedua-dua kawasan ini kurang dari keperluan minimum 50,000 orang bagi kawasan Parlimen bandar. Oleh yang demikian, SPR telah mengesyorkan termasuk daerah pengundi Jalan Pahang dan Taman Tasek Titiwangsa ke dalam Setiawangsa, sambil memasukkan lima daerah pengundi daripada bahagian Batu ke dalam Wangsa Maju.

Para pengundi dari kawasan saya mendapati mereka tidak sependapat dengan cadangan disyorkan oleh SPR telah menulis petisyen rayuan dan cadangan balas kepada SPR. Cadangan balas pengundi memohon supaya Changkat, Padang Balang di kawasan Batu dikembalikan kepada kawasan asal Batu. Alasan yang diberikan ialah kawasannya ialah persempadanan iaitu sungai yang menyukarkan perjalanan keluar masuk kedua-dua kampung ini. Tambahan pula kerana kedua-dua daerah ini merupakan kawasan kampung tradisi dan sukar untuk dibangunkan dan dimodenkan akibat sikap penduduk di kawasan terbabit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup pukul 1.00 ya.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Dewan ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sekarang saya jemput Yang Berhormat bagi Wangsa Maju untuk menyambung ucapan.

2.30 ptg.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Tuan Yang di-Pertua, saya sambungkan. Tambah pula kerana kedua-dua daerah pengundi ini merupakan kawasan kampung tradisi yang sukar untuk dibangunkan dan dimodenkan akibat sikap penduduk kawasan terbabit tidak mahu bertolak ansur dengan kerajaan bagi membangunkan kawasan mereka. Sebagai contohnya jalan masuk ke Kampung Padang Balang terlalu kecil tidak dapat dibesarkan walaupun sudah berpuluh-puluh tahun akibat keengganan para penduduk setempat yang tidak mahu menyerahkan sebahagian daripada tanah milik mereka kepada kerajaan bagi tujuan pembesaran jalan masuk ke kampung mereka. Kajian yang dijalankan pengundi Wangsa Maju di kawasan itu mendapat sikap penduduk di sini mereka akan pertahankan kampung dan hak milik tanah mereka dari apa yang mereka gelar pencerobohan orang luar biarpun untuk pembangunan. Oleh itu para pengundi ini berpendapat bahawa kedua-dua daerah mengundi tidak sesuai dengan strategi dan struktur pembangunan Wangsa Maju. Masalah ini dirumitkan lagi kerana struktur jajar geografi kawasan terbabit di mana hanya ada satu jalan sahaja untuk masuk ke kawasan itu iaitu menerusi Jalan Sentul.

Kerajaan mendapati sekiranya penduduk di pintu masuk itu tidak bekerjasama dan menghalang laluan pembangunan di kampung mereka sudah pastinya apa jua usaha kerajaan untuk membangunkan kawasan ini akan amat sukar untuk dilaksanakan dan mungkin gagal atau terbengkalai sekali gus akan menyukarkan Wakil Rakyat yang dipilih untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan berkesan. Sudah pastinya juga penduduk di sini akan membuat andaian bahawa kesulitan ini sebagai satu kegagalan Wakil Rakyat, juga akan mudah digunakan golongan tertentu sebagai satu modal politik untuk membakarkan api permusuhan dan perpecahan di kalangan rakyat.

Dengan demikian usaha pembangunan Wangsa Maju tidak akan menyeluruh dan akan mewujudkan ketidakseimbangan dalam pembangunan ini dan timbullah dua kawasan yang begitu nyata bezanya, satu kawasan yang pesat dengan pembangunan manakala di kawasan satu lagi pembangunannya tidak kesampaian. Jika ini berlaku sudah pasti akan terbentuk satu jurang pembangunan yang begitu ketara sehingga memungkinkan polarisasi pembangunan di mana kaum majoriti yang tinggal di Changkat dan Padang Balang merasakan diri mereka terpinggir. Para pengundi di kawasan ini juga berpendapat memindahkan secara *bulk*, dengan izin, dua kawasan majoriti Melayu keluar dari sebuah kawasan tidak selari dengan hasrat kerajaan di dalam usaha untuk mengimbangkan *ratio* penduduk Melayu dan bukan Melayu di sebuah kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun telah dengar selama dua hari yang lalu ini, ramai yang telah sentuh tentang jumlah pengundi dan masalah-masalah keluasan saiz Parlimen negeri masing-masing. Saya pun daripada wakil Wilayah Persekutuan hendak memberi gambaran daripada perspektif lain. Kalau kita tengok urusan pentadbiran Wilayah Persekutuan dan kita tanya soalnya mengapakah ia berbeza dari negeri-negeri yang lain. Pertama sekali Wilayah Persekutuan bukan sebuah negeri yang telah sedia ada wujud seperti mana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan sewaktu merdekanya Malaysia daripada British pada tahun 1957. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Wilayah Persekutuan Labuan, Wilayah Persekutuan Putrajaya ditubuhkan menerusi pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan tanah dan jajahan milik sebuah kerajaan negeri dalam hal [*Pembesar suara tiba-tiba menjadi kuat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, biar, biar.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Boleh, biar. Dalam hal Kuala Lumpur dan Selangor digazetkan kepada Kerajaan Persekutuan sebagai satu jajahan di bawah tadbir Kerajaan Persekutuan. Sebab itulah kita mendapat nama Wilayah Persekutuan kerana ia telah diubah dari sebuah jajahan negeri kepada wilayah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan dan di bawah Kanun Pentadbiran Wilayah Persekutuan akan diurus oleh sebuah agensi pelaksanaan yang akan dilantik terus oleh Kerajaan Persekutuan dan ini dimaksudkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Beza utama di antara Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri yang lain kita nampak seperti mana yang dibangkitkan di peringkat negeri kita ada Ahli Dewan Undangan Negeri yang mewakili kepentingan pengundi di peringkat akar umbi sementara Ahli Parlimen mewakili kepentingan mereka di peringkat nasional. Soalnya yang kita dengar tadi dari Ahli-ahli Parlimen Wakil Rakyat yang lain pertama kalinya kalau kita nampak berbezanya ialah pertamanya kuasa perundangan tadbir Wilayah Persekutuan jauh berbeza daripada kerajaan negeri. Kerana itu kita adalah sebuah Wilayah Persekutuan tidak diberikan peruntukan perundangan untuk menubuhkan kawasan-kawasan negeri sendiri yang membolehkan Kerusi DUN ditubuhkan.

Keduanya pihak pelaksanaan tempatan dalam hal DBKL ditadbir secara langsung oleh Kerajaan Pusat di mana seorang menteri dilantik untuk tugas khusus menjaga Wilayah Persekutuan. Ini berlainan daripada PBT yang melaporkan kepada kerajaan negeri dan juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. DBKL bagi Kuala Lumpur melaporkan terus kepada menteri yang menjaga Wilayah Persekutuan yang akan menjaga hanya kepentingan Wilayah Persekutuan sahaja.

Kita boleh lihat juga perbandingan keluasan kawasan. Didapati keluasan Wilayah Persekutuan jauh lebih kecil berbanding dengan keluasan kawasan negeri Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur misalnya hanya seluas 244 kilometer persegi pada keseluruhannya tetapi jika mengira bahagian pilihan raya saiznya bertambah kecil seperti Bandar Tun Razak 38.16 kilometer persegi, Segambut 51.69 kilometer persegi, Wangsa Maju 13.91 kilometer persegi, Putrajaya 49.31 kilometer persegi, Labuan 96 kilometer persegi. Kawasan-kawasan ini jauh lebih kecil jika dibandingkan dengan keluasan negeri Sabah yang kita dengar tadi Kinabatangan 17,877 kilometer persegi, Larut 1,085 kilometer persegi, Jerantut 7,000 kilometer persegi tetapi jumlah penduduk Wilayah Persekutuan jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan mana-mana satu bahagian pilihan raya taburan penduduk yang padat di Wilayah Persekutuan iaitu 5,653 orang bagi setiap kilometer, adalah begitu besar jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain.

Keluasan kawasan begitu kecil bagi setiap kawasan pilihan raya akan menyukarkan proses pembahagian kawasan untuk Kerusi DUN jika diperlukan tetapi jumlah penduduk begitu ramai pula menjadi kawasan ini tidak sesuai untuk Kerusi DUN pula mengikut keperluan Suruhanjaya Pilihan Raya. Sebab itulah kita mewujudkan kawasan pilihan raya Parlimen sahaja di Wilayah Persekutuan. Memang diakui tugas Wakil Rakyat Wilayah Persekutuan amat mencabar kerana penduduknya yang ramai tetapi ianya seimbang dengan keluasan kawasan yang kecil yang membolehkan Wakil Rakyat menjadi dengan izin, lebih *mobile* tetapi ini tidak boleh dilakukan di peringkat negeri kerana luas kawasan yang begitu besar dan taburan penduduk yang tidak serata memerlukan pemerhatian lebih khusus. Inilah yang dapat dilaksanakan dengan berkesan melalui sistem ADUN.

Itulah sedikit sebanyak Tuan Yang di-Pertua, tentang pandangan daripada Wilayah Persekutuan. Sebelum saya mengakhiri saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Suruhanjaya Pilihan Raya khususnya Pengerusinya, Setiausahanya dan Ahli Lembaga di atas suatu *exercise* persempadanan yang cemerlang walaupun usahanya susah untuk memberi kepuasan kepada semua sekali kalangan rakyat termasuk pembangkang. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Seputeh hendak bercakap? Ha, tidak ada, Tumpat. Ya, Tumpat.

2.40 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk menyertai perdebatan mengenai rancangan pihak kerajaan melalui Suruhanjaya Pilihan Raya untuk merubah dan menambah Kerusi-Kerusi peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri untuk pilihan raya-pilihan raya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir banyak pandangan yang positif sudah kita dengar daripada pelbagai pihak. Daripada Parit Buntar dan Kuala Kedah kita mendengar asas-asas tentang kenapa kita menganggap bahawa cadangan pindaan kepada kawasan-kawasan pilihan raya ini tidak dapat kita terima kerana kita lihat bahawa ianya berjalan tidak di atas asas-asas yang telah diputuskan oleh Perlembagaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihan raya tahun 1999 sebagaimana yang disebutkan oleh Parit Buntar semalam, kita tahu bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah kehilangan satu negeri tambahan kepada negeri Kelantan yang sudah pun mereka tewas dalam tahun 1990 lagi. Jadi dalam pilihan raya tahun 1999 Kerajaan Barisan Nasional kehilangan dua negeri iaitu negeri Kelantan dan Terengganu. Dari segi jumlah pengundi Melayu adalah diakui oleh kedua-dua pihak bahawa daripada semua pengundi-pengundi Melayu, 65% daripada mereka telah memberi sokongan dan undi kepada parti-parti pembangkang dan Barisan Alternatif. Kita banding dengan pilihan raya 1969, di mana

dalam pilihan raya 1969, Parti Perikatan ketika itu kekal tewas di negeri Kelantan dan tambah kalah satu lagi negeri iaitu negeri Pulau Pinang.

Dalam pilihan raya 1969 selepas keputusan pilihan raya diumumkan dan Perikatan kalah di Kelantan dan kalah pula di Pulau Pinang, seorang Ahli Parlimen yang tewas dalam pilihan raya tersebut telah menuntut supaya Perdana Menteri ketika itu, Tunku Abdul Rahman meletak jawatan. Ahli Parlimen yang tewas dalam tahun 1969 ketika itu sekarang ini menjadi Perdana Menteri dan tewas bukan sahaja negeri Kelantan, tetapi juga di sebuah negeri yang dikuasai oleh undi-undi Melayu iaitu negeri Terengganu. Asas pemikiran hari ini di pihak UMNO ialah kalau dalam tahun 1969, tewasnya Kelantan dan tewasnya negeri yang majoriti bukan Melayu Pulau Pinang sudah cukup untuk menjadi asas bagi menjatuhkan seorang Presiden UMNO, maka pilihan raya tahun 1999 tewas Kelantan dan tewas sebuah lagi Kerusi negeri Melayu adalah asas yang lebih kuat untuk menjatuhkan seorang Presiden UMNO. Oleh sebab itulah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada kaitan Yang Berhormat, bercakap ada kaitan dengan persempadanan ini?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Pilihan raya, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan beralih sekarang ini kepada pilihan raya-pilihan raya kecil sebagaimana yang disebut oleh ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sri Gading berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Kalau boleh, saya dah tidak ada masa, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Kalau kita lihat kepada pilihan raya-pilihan raya kecil selepas pilihan raya 1999, maka kita dapati bahawa parti-parti pembangkang kekal menunjukkan prestasi mereka yang baik iaitulah kalau kita lihat kepada Pilihanraya Kecil Lunas, kita lihat kepada Pilihanraya Kecil Teluk Kemang sekalipun, walaupun calon KeADILan tewas, tetapi suatu kawasan DUN yang dinamakan Lukut memperolehi Kerusi ataupun undi yang lebih banyak kepada calon KeADILan pada ketika itu. Inilah suasana yang dihadapi oleh Barisan Nasional dalam menghadapi pilihan raya-pilihan raya yang akan datang dan mereka terpaksa mengarahkan Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menyusun semula Kerusi-Kerusi Parlimen dan DUN untuk memberi peluang kemenangan kepada mereka yang lebih baik.

Menurut Perlembagaan, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, ada ditetapkan jawatan dan kuasa dan kedudukan Suruhanjaya Pilihan Raya, saya tidak ingin mengulanginya dan kita di pihak pembangkang sudah tentulah mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua pegawai SPR yang bekerja keras untuk menyiapkan laporan ini, walaupun kami tidak dapat menerimanya sebagai suatu cadangan yang baik, yang boleh diterima dalam sidang ini. Kami terpaksa, Tuan Yang di-Pertua, melihat bahawa apa yang dicadangkan oleh kerajaan melalui Suruhanjaya Pilihan Raya ini adalah sebagaimana yang disebutkan oleh Kuala Kedah pagi tadi, tidak sesuai dengan apa yang ditetapkan oleh Perlembagaan sendiri. Ini melibatkan saya fikir kredibiliti Suruhanjaya Pilihan Raya, malah kalau kita lihat kepada suatu laporan akhbar yang keluar pada surat khabar *The Sunday Star* 30 Mac 2003, pihak Suruhanjaya Pilihan Raya sendiri mengakui bahawa mereka menghadapi satu masalah kredibiliti yang besar.

Laporan daripada akhbar *The Sunday Star* terbitan 30 Mac bertajuk *Few sign up as voters in Putrajaya* mengatakan di sini, dengan izin:

"Despite attempts by the Election Commission to get residents to register as voters for the newly gazetted parliamentary constituency here, only 2,000 of the 12,000 civil servants staying here have actually done so."

Expressing disappointment with the apathy from the country's 'intelligent city' dwellers, commission secretary Datuk Wan Ahmad Wan Omar said this reflected badly on the new Federal administrative centre's status.

We have carried out so many exercises over the past few months to encourage the residents to change their constituencies to their present addresses here, even to the point of asking Ministry secretary-generals to talk to the civil servants under their charge.

They (civil servants) should do so because they are staying here and their interests ought to be taken care of by the elected MP in Putrajaya.

However,...." - beliau tambah lagi - "the response is not encouraging despite us holding exercises from morning until night, and jointly with various agencies such as the National Registration Department and the Prime Minister's Department."

Menurut Datuk Wan Ahmad lagi:

"Most of the residents came from educated backgrounds, with some holding 'very senior government posts' and thus, such apathy did not present a positive message about the Putrajaya electorate."

Setiausaha SPR merintih bahawa hanya 2,000 orang yang kanan, pegawai-pegawai kerajaan ibaratnya *republican guards* ini tidak sanggup dan tidak mahu berdaftar sebagai pengundi-pengundi di tempat yang mereka bekerja dan kebanyakan mereka ada menyewa rumah dan sebagainya di Putrajaya. Ini menandakan bahawa kredibiliti SPR bukan sahaja dilaung-laungkan di dalam Dewan ini oleh anggota-anggota pembangkang, tetapi adalah realiti yang dilihat sendiri oleh bukan sahaja orang-orang awam yang biasa, bukan sahaja orang-orang di luar bandar yang biasa, tetapi pegawai-pegawai tinggi kerajaan sendiri jelas dengan mereka enggan untuk mendaftar sebagai pengundi di Putrajaya, menunjukkan bahawa mereka tidak mempunyai kepercayaan yang sepenuhnya kepada sistem pentadbiran pilihan raya dalam negara ini khususnya di atas SPR sendiri. Jadi ini kita rayu dan kita pohonlah kepada pihak SPR dan kerajaan supaya jangan mengarahkan SPR melakukan perkara-perkara yang tidak sesuai dan tidak sealiran dengan apa yang dituntut oleh Perlembagaan.

Saya ada empat sebab, Tuan Yang di-Pertua, untuk menganggap bahawa cadangan ini tidak bersesuaian. Saya mula dengan memberi contoh yang jelas bahawa kawasan-kawasan pilihan raya Parlimen khususnya, di kawasan-kawasan yang mana menteri-menteri UMNO menjadi wakil rakyat, menjadi Ahli-ahli Parlimen. Maka di kebanyakan kawasan ini jumlah pengundi-pengundi menurun, saya boleh baca kebanyakan daripadanya sama ada kekal sama atau menurun. Parlimen Kubang Pasu kekal sama, Parlimen Kepala Batas jumlah pengundi kekal sama, Parlimen Chenderoh, Menteri Pembangunan Usahawan tukar namanya Lenggong, Chenderoh 32,464 pengundi, jadi Lenggong turun kepada 21,148 pengundi iaitu jumlah pengundi Parlimen yang terkecil di Semenanjung Malaysia. Rompin baru menjadi Menteri kekal jumlah pengundi, Kuala Kangsar 31,735 undi turun kepada 27, 440 undi, Pekan daripada 40,078 undi naik kepada 49,936 undi dan kita tahu sebabnya kerana hendak menampung dan menutup majoriti yang amat kecil 241 sahaja dalam pilihan raya umum yang lalu.

Kota Tinggi daripada 59,876 pengundi, turun hampir separuh kepada 32,484 pengundi. Hanya Pagoh yang naik sedikit, 37,823 pengundi naik kepada 39,479 pengundi. Paya Besar daripada 59,800 lebih turun kepada 36,000 lebih. Kuantan, Menteri Penerangan daripada 78,000 pengundi turun kepada 45,000 pengundi.

Beberapa Ahli: Wah!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [Bangun]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Begitulah lain-lainnya....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, sila, Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat. Dari apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat berkenaan kenaikan dan penurunan jumlah undi di setiap kawasan Parlimen tadi, boleh Yang Berhormat bagi sedikit pandangan umum ataupun buat satu kesimpulan. Siapa sebenarnya merancang perkara itu? SPR ataupun UMNO? *[Disampuk]* Ha, itu dia!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tanya soalan lainlah!

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Jelas sekalilah bahawa sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain daripada pihak kita, ialah UMNO yang merancang. *[Disampuk]* Buktinya amat mudah. Pihak kerajaan banyak kali menggunakan contoh dalam perbahasan dua hari ini bahawa dia kata PAS pun bekerjasama, contohnya Timbalan Menteri Besar Kelantan pun dia kata menyertai dalam perbincangan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya. Itu memang benar, Tuan Yang di-Pertua.

Sebabnya memang dasar kita hendak bekerjasama dengan SPR di peringkat Pusat dan juga di peringkat negeri. Malah di Kelantan, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan PAS Negeri Kelantan walaupun SPR memaklumkan kami bahawa arahan Pusat tidak boleh tambah langsung Kerusi Parlimen untuk Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis tetapi Kerajaan Negeri Kelantan pimpinan PAS sanggup berbincang dengan SPR dan menawarkan untuk menambah dua Kerusi DUN di negeri Kelantan itu untuk memberi peluang kepada UMNO, mungkin kalau hendak menang, bagilah peluang. Terengganu tidak perlu tambah sebab mereka sudah ada empat ADUN daripada UMNO dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu. Di Kelantan hanya ada dua ADUN UMNO dan mungkin kita mahu pembangkang ada peluang sedikit untuk bertanding dalam pilihan raya.

Tenggara daripada 51,000 pengundi, turun kepada 28,000 pengundi. Begitulah seterusnya yang menunjukkan bahawa ini adalah ciri-ciri yang membuktikan bahawa apa yang disempadankan sekarang ini mempunyai salah satu tujuannya untuk memudahkan Menteri-menteri UMNO menang dalam kawasan-kawasan yang lebih kecil bilangan pengundinya walaupun mereka mempunyai kemudahan-kemudahan yang jauh lebih banyak daripada calon-calon dan anggota Parlimen yang lain.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kinabatangan berdiri, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Minta maaf, saya hendak habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ini kalau dibandingkan, Tuan Yang di-Pertua, dengan wakil-wakil rakyat pembangkang, khususnya daripada PAS yang mana daripada 26 Ahli-ahli Parlimen PAS yang sedia ada, lapan daripada kami naik jumlah pengundi kami. Kita telah dengar contoh-contoh yang diberikan, kita tak nak ulang. Yang naiknya seperti Baling, kawasan saya sendiri, Tumpat, Yan naik, Kuala Kedah naik, Pengkalan Chepa naik, Bachok naik dan Kuala Krai naik. Yang turun dengan jelas hanyalah seperti Jeli daripada 40,000 pengundi, turun kepada 32,000 pengundi. Sebabnya mudah, sebab mereka hendak mengeluarkan satu kawasan yang banyak penyokong PAS untuk mengecilkan kawasan itu, memudahkan mengikut perkiraan mereka, calon mereka untuk menang di Jeli itu. Malah mereka mengecilkan lagi Gua Musang daripada 31,000 kepada 26,000 kononnya untuk menambahkan lagi undi mereka kepada Jeli untuk memberi peluang kepada Jeli menang dalam pilihan raya bagi pihak mereka dalam pilihan raya yang akan datang ini. Itu sebabnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebab seterusnya ialah mengenai dengan apa yang juga disebut oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah tadi. Kawasan-kawasan pilihan raya yang sepatutnya mempunyai jumlah pengundi yang hampir sama selepas negara kita merdeka lebih daripada 46 tahun yang mana pembangunan menjadi asas utama UMNO/Barisan Nasional, maka pembangunan ini sepatutnya membawa keselesaan dan kemudahan jalan raya, perhubungan kepada kebanyakan kawasan-kawasan tetapi ini masih lagi merupakan asas untuk membezakan jumlah pengundi di antara kawasan bandar dan kawasan luar bandar. Itu hujahnya. Tetapi sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah tadi, hakikatnya adalah amat berbeza. Hakikatnya sekarang ini ialah kawasan-kawasan bandar, jumlah pengundi kawasan-kawasan bandar kebanyakannya adalah kecil dan jumlah pengundi-pengundi di kawasan luar bandar adalah tinggi.

Kawasan-kawasan bandar yang mempunyai jumlah pengundi yang besar hanyalah seperti mana yang disebutkan tadi, Johor Bahru – 90,000; Seremban – 79,000; Kota Melaka – 80,000; Gombak – 88,000; dan Kapar – 99,000. Di kawasan-kawasan luar bandar yang sebagaimana saya tak nak ulang lagi yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah tadi seperti Baling – 72,000; dan Tumpat – 69,900 (hampir 70,000) Walhal laporan semua agensi Kerajaan Pusat mengenai pembangunan ekonomi negara, semuanya melaporkan bahawa daerah yang paling miskin dalam negara kita ini ialah daerah Baling dan daerah yang kedua paling miskin dalam negara kita ini ialah daerah Tumpat. Apabila datang kepada jumlah pengundi, daerah yang mempunyai pengundi yang paling banyak ialah Baling dan yang kedua banyak ialah Tumpat. Ini amatlah bercanggah dengan prinsip-prinsip sebagaimana yang sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah sebutkan tadi dengan apa yang dicatatkan dalam Perlembagaan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebab yang ketiga ialah mengapa negeri Kelantan, negeri Kedah, negeri Terengganu dan negeri Perlis tidak mempunyai tambahan langsung kepada Kerusi-Kerusi Parlimen dalam cadangan Suruhanjaya Pilihan Raya ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita jangan lupa bahawa sejarah Malaysia dan pembentukan Malaysia sebagai Negara Persekutuan bukan sekadar bermula dalam tahun 1957 apabila kita mencapai kemerdekaan. Negeri-negeri di Tanah Melayu ini mempunyai usia yang lebih daripada 600 tahun lamanya. Mereka bermula sebagai Negeri-Negeri Tanah Melayu, kemudiannya apabila penjajah British datang, adalah beberapa negeri seperti Selangor, Negeri Sembilan, Pahang dan Perak menamakan diri mereka sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu, ada pula negeri-negeri di utara seperti Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Johor menamakan diri sebagai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cadangan ini, dengan menidakkan penambahan Kerusi langsung kepada negeri-negeri Kelantan, Kedah, Terengganu dan Perlis adalah sekali lagi membawa kita kepada suasana perpecahan di kalangan negeri-negeri Melayu yang ada di Semenanjung Malaysia ini, membawa balik 100 tahun yang lalu yang mana terdapat Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Ini adalah diskriminasi yang amat ketara dan amat jelas yang dilakukan oleh SPR terhadap bekas Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Ini adalah suatu kajian cadangan yang bukan bersifat nasional atau kebangsaan. Ini adalah suatu kajian yang bersifat wilayah yang hanya hendak memberi tempat penambahan Kerusi kepada wilayah-wilayah tertentu sahaja dalam negara kita dan menidakkan negeri-negeri yang dahulunya dinamakan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Tuan Yang di-Pertua, lebih dahsyat lagi kalau kita ingat bahawa apabila negara berunding untuk mewujudkan Malaysia dalam tahun 1963, negeri-negeri baru yang menganggotai Malaysia, ketika itu Singapura, Sabah dan Sarawak dalam perjanjian dan persefahaman untuk mewujudkan Malaysia diberikan kepada negeri-negeri baru ini (Singapura, Sabah dan Sarawak) kuasa-kuasa yang tertentu di peringkat negeri yang biasanya ada di peringkat Pusat.

Saya dimaklumkan oleh pakar-pakar sejarah dan pakar-pakar undang-undang *Constitutional* atau Perlembagaan bahawa antara persefahaman yang penting ialah oleh kerana negeri-negeri baru ini diberikan kuasa-kuasa yang agak besar, maka dijanjikan bahawa jumlah Kerusi yang akan mereka perolehi di peringkat Parlimen tidaklah akan

menjadi sama dengan apa yang ada di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Tetapi kita lihat dalam cadangan ini ialah bahawa sebagaimana kita semua maklum, Sabah diberikan penambahan lima Kerusi baru Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah suatu perkara yang besar, manakala di negeri-negeri lain sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan sebelum ini yang mempunyai penambahan penduduk dan pengundi yang amat ketara, jumlah Kerusi mereka tidak dinaikkan, setara dengan kenaikan jumlah pengundi-pengundi mengikut statistik yang ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Jadi, ini saya fikir adalah perkara yang amat penting. Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak gulungkan dengan memberikan sebab yang keempat iaitu kenapa negeri-negeri yang tertentu seperti negeri Johor ditambah enam Kerusi Parlimen, Sabah ditambah lima Kerusi Parlimen, Selangor ditambah lima Kerusi Parlimen, manakala kita bandingkan sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan daripada pembangkang awal hari ini dan semalam, apabila kita lihat kenaikan sebenarnya peratusan kenaikan pemilih jika dibandingkan dengan peratusan kenaikan Kerusi Parlimen adalah tidak seimbang langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat cukup.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ini adalah beberapa sebab yang jelas mengapa cadangan ini terpaksa kami tolak dalam pengundian nanti. Terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Berapa orang lagi hendak bercakap? Lima ya? Enam. Saya bagi Lipis dahulu. Ya, enam orang hendak bercakap, saya beri masa 15 minit seorang. Okey, sila duduk. Ya, Lipis dahulu, 15 minit ya Lipis.

3.00 ptg.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama dalam perbahasan pada hari ini iaitu dengan menyokong usul-usul mengenai persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri bagi negeri Tanah Melayu dan juga negeri Sabah. Dalam usul ini kita dapati bahawa 25 Kerusi Parlimen ditambah manakala 63 buah Kerusi Negeri telah diperuntukkan sebagai tambahan.

Tadi kita telah mendengar daripada beberapa wakil baik dari pembangkang dan juga daripada kerajaan, kita dapati bahawa pembangkang ini memang biasa, tidak ada yang betul walaupun betul, memang semuanya tidak betul tetapi akhirnya mereka juga akan mendapat manfaat. Umpamanya Kelantan dan Terengganu tidak ada tambah padahal tempat itu adalah mereka yang kuat. Kalau SPR barangkali tambah kawasan ini, mereka akan menuduh bahawa SPR ini dipengaruhi oleh kerajaan supaya menambah kawasan tempat ini supaya kita boleh tawanai pula Kelantan dan Terengganu. Kalau apa yang dibuat oleh pihak SPR ini adalah sebuah badan yang bebas, saya percaya di bawah Jadual Ketiga Belas mempunyai kuasa yang mana kerajaan sendiri tidak boleh mengarahkan Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menentukan persempadanan kawasan ini kerana ia merupakan satu badan yang bebas.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Suruhanjaya Pilihan Raya mempunyai asas-asas yang kukuh untuk memberikan persempadanan semula bagi kawasan-kawasan pilihan raya ini umpamanya meninjau dari segi kemudahan perhubungan dan juga pengangkutan bagi sesuatu kawasan iaitu melihat dari segi keluasan sesebuah kawasan dan berdasarkan angka purata penduduk bagi kawasan yang dijadikan persempadanan ini.

Saya amat menyokong cadangan yang dikemukakan oleh SPR ini kerana daripada 193 ia menjadi 219 Kerusi Parlimen dan daripada 442 Kerusi ADUN ditambah

kepada 505, ini membuktikan bahawa lebih banyak lagi wakil-wakil rakyat ataupun kawasan-kawasan Parlimen dan DUN diwujudkan, dengan ini akan mewujudkan lagi *more representation*, lebih banyak lagi kawasan-kawasan ini dibentuk dan rakyat mempunyai lebih ramai lagi wakil rakyat yang boleh memperjuangkan nasib mereka. Dengan ini merupakan satu pengukuhan bagi demokrasi di mana suara-suara rakyat dapat disalurkan dengan lebih mudah dan ini memberi peluang juga kepada penduduk-penduduk ataupun suku kaum *to be more represented* dengan sebab adanya lagi ramai wakil-wakil rakyat.

Saya nampak bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya telah mengambil kira keadaan rupa bumi iaitu geografi dan juga demografi bagi kawasan-kawasan tertentu. Dengan sebab itu maka kita dapati bahawa kawasan-kawasan ini telah dibahagikan atau telah diklasifikasikan kepada kawasan bandar raya, kawasan bandar ataupun pusat bandar, separuh bandar, separuh luar bandar dan kawasan luar bandar.

Menyentuh soal bahawa kerajaan memaksa ataupun yang mana Kerajaan Barisan Nasional ataupun politik memaksa SPR mengadakan kawasan-kawasan persempadanan ini, saya menyangkal sama sekali tuduhan ini kerana saya dapati bahawa dari segi UMNO pun kita ada membuat beberapa rayuan tetapi mana yang berdasarkan kepada faktor-faktor yang saya sebutkan tadi umpamanya berdasarkan geografi dan juga demografi tadi, kalau sekiranya ini adalah satu rayuan yang munasabah, maka Suruhanjaya Pilihan Raya menimbangkan perkara ini.

Umpamanya di kawasan saya, saya dapati bahawa kita telah membuat rayuan supaya sebahagian daripada kawasan yang telah dipinda yang melibatkan DUN Tanah Rata Cameron Highlands dan juga DUN Jelai yang mana menurut persempadanan ini, Parlimen Lipis dibahagikan kepada dua iaitu Parlimen Cameron Highlands dan juga Parlimen Lipis, jadi Parlimen Cameron Highlands meliputi dua kawasan iaitu kawasan DUN Tanah Rata dan juga DUN Jelai. Jadi dalam pilihan raya yang lepas, DUN Tanah Rata mendapat majoriti hampir, saya kira, dalam 4,000 sedangkan DUN Jelai mendapat majoriti kurang daripada 1,000 tetapi dalam *exercise* ini, kita dapati bahawa sebahagian daripada DUN Jelai itu dibawa kepada Tanah Rata melibatkan beberapa pos undi, ada tiga, empat pos undi yang mendapat majoriti hampir 1,000; ini telah dimasukkan di dalam kawasan Tanah Rata. Dengan sebab itu kalau berdasarkan kepada pilihan raya yang lepas, DUN Jelai umpamanya, ia mungkin berpeluang untuk Barisan Nasional menang hanya 50-50 sahaja.

Dari segi kami UMNO bermakna kami telah membantah tetapi oleh kerana Suruhanjaya Pilihan Raya berkata bahawa bantahan ini adalah *solely politic*, maknanya dia tidak dapat menerima bantahan kami ini. Jadi dengan itu saya menafikan dengan sekeras-kerasnya apa yang telah dikatakan oleh pembangkang tadi bahawa ini adalah satu cadangan yang dipaksakan oleh kerajaan kepada SPR.

Kalau sekiranya ini benar, maka apa yang telah kami bantahkan ini tentulah Suruhanjaya Pilihanraya ini menerima cadangan daripada pihak UMNO Bahagian Lipis dan juga ada pula kawasan-kawasan di mana kawasan itu hampir dengan Pusat Pentadbiran Lipis tetapi dimasukkan ke dalam kawasan pilihan raya Parlimen Cameron Highlands sedangkan kawasan itu hanya jaraknya dalam 10, 12 ataupun 20 kilometer dari pusat pentadbiran Kuala Lipis tetapi ia telah dimasukkan dalam kawasan Parlimen Cameron Highlands yang jauhnya beratus-ratus kilometer daripada Pusat Pentadbiran Daerah Cameron Highlands tetapi apabila kami bangkang, maka Suruhanjaya Pilihan Raya telah meneliti perkara ini dan telah mengubah semula. Ini menunjukkan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya adalah satu badan yang begitu rasional untuk memberikan kemudahan-kemudahan yang berdasarkan kepada kawasan pentadbiran, kawasan rupa bumi dan penduduk dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya apa yang telah dibangkitkan oleh pembangkang tadi adalah untuk mendapatkan *political mileage* sahaja, seperti mana yang telah saya katakan semalam bahawa SPR ini adalah satu badan yang bebas yang telah diakui oleh dunia. Dengan sebab itu, tiap-tiap kali pilihan raya maka tidak ada satu badan lain untuk meninjau atau mengawas pilihan raya kita. Di negara-negara lain umpamanya tiap kali pilihan raya maka badan-badan lain ataupun badan dunia umpamanya datang

mengawas pilihan raya di negara itu kerana pemilihan itu adalah kadang-kadang berdasarkan kepada kehendak-kehendak puak-puak yang berkuasa sahaja.

Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jeli, Jeli, Jeli!

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sudah lebih, saya tidak benarkan, saya hanya benarkan lima orang sahaja. Itu pun sudah banyak, orang ramai. Saya bagi Jeli dahulu.

3.09 ptg.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi membincangkan usul persempadanan baru yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri.

Seperti mana sedia maklum bahawa mengikut Perlembagaan, SPR dibenarkan dalam tempoh lapan hingga sepuluh tahun untuk meminda, membuat persempadanan baru mengikut Perkara 113, Perkara 116 dan 117 dan asas-asas yang digunakan oleh SPR seperti mana yang dilaporkan di dalam dokumen yang dibekalkan kepada Ahli-ahli Parlimen sekalian ialah pertama, berdasarkan kepada topografi ataupun geografi yakni keadaan muka bumi, jalan, laluan perhubungan dan pusat pentadbiran itu sendiri. Kemudian, berdasarkan kepada keadaan ekonomi dan bilangan penduduk. Umpamanya, bagi bandar, alasan yang digunakan, sepatutnya pengundi di bandar lebih ramai daripada pengundi di luar bandar, itu asas yang dilaporkan dalam dokumen. Kemudian, ekonomi yang lebih baik sepatutnya mempunyai bilangan pengundi yang lebih ramai berbanding dengan kawasan yang mana ekonominya kurang baik. Kemudian daripada itu, kawasan perindustrian dan perdagangan sepatutnya mempunyai pengundi lebih ramai berbanding dengan kawasan perkebunan, perladangan dan perlombongan.

Inilah antara asas-asas yang dijadikan *guidance*, rujukan dan petunjuk oleh SPR untuk menentukan bilangan pengundi, supaya diharapkan pada masa-masa akan datang, wakil-wakil rakyat yang dipilih itu dapat menjalankan tugasnya dengan lebih baik dan lebih berkesan. Sebab itu kita lihat bahawa daripada pandangan SPR juga, mereka tidak mengharapkan bilangan yang sebegitu ramai, yang terpaksa ditanggung oleh tiap-tiap wakil rakyat, bakal wakil rakyat yang dipilih. Tambahan pula, kalau dengan bilangan pengundi yang lebih ramai, dan juga pada masa yang sama, dengan bilangan kawasan yang lebih luas, ini yang sebenarnya sudah menyimpang, tersasar daripada sasaran, daripada rujukan yang diambil kira oleh SPR itu sendiri.

Bagi saya, saya akan membawa kes-kes spesifik dan juga kes-kes umum. Untuk negeri Kelantan, alhamdulillah, pertemuan telah diadakan di antara SPR dan juga dengan wakil kerajaan sebanyak tidak kurang daripada dua kali. Walaupun SPR secara terang-terangan menjelaskan hasrat mereka supaya ditambah Kerusi Parlimen di Kelantan, tetapi oleh kerana mereka tidak berkeupayaan, ada lagi kuasa ghaib yang menentukan, kerana asas sudah ada, mereka sudah berhasrat untuk mengadakan bilangan tambahan Kerusi Parlimen bagi Kelantan tetapi ketidakupayaan untuk melompat *obstacle* ghaib tersebut menyebabkan mereka tidak mampu.

Sebab itu walaupun mereka secara berterus terang mengatakan bahawa mereka tidak mampu mendesak untuk mendapatkan tambahan Kerusi Parlimen, tetapi pada masa yang sama, mereka mengharapkan supaya Kerajaan Negeri Kelantan memberi pertolongan, memberi persetujuan, supaya dua Kerusi DUN ditambah untuk negeri Kelantan. Walaupun dari sudut prestasi politik akan datang, dengan penambahan dua Kerusi tersebut, pertama akan mengakibatkan dari segi kewangan kerajaan, dan yang

kedua, pada masa yang sama, Kerusi-kerusi yang dicadangkan tersebut mempunyai keadaan yang 50-50, sepatutnya dari hati kecil kerajaan negeri mereka tidak bersetuju, tetapi kerana hendak menjaga hubungan baik dengan SPR, mereka bersetuju.

Alhamdulillah, 80% dari segi perbincangan tersebut telah selesai dengan baik, kecuali Parlimen yang khusus, termasuk kawasan Parlimen saya. Parlimen saya agak unik, pertama, kerana Parlimen Jeli adalah Parlimen tunggal di Kelantan yang mana terdapat dua jajahan atau dua daerah. Maknanya, Parlimen Jeli merangkumi dua daerah. Kalau sebelum ini, banyak kawasan Parlimen di Kelantan, umpamanya Parlimen Kuala Krai, Parlimen Gua Musang, di mana DUN-DUNnya berada di dalam daerah atau jajahan yang berbeza. Begitu juga Jeli, tetapi pada kali ini, hanya Parlimen Jeli sahaja yang merangkumi dua jajahan atau dua daerah.

Sepatutnya, kalau berdasarkan kepada kemudahan untuk pentadbiran, sepatutnya keseluruhan kawasan Parlimen Jeli itu hendaklah berada di dalam Jajahan Jeli. Alasan untuk mengatakan bilangan pengundi tidak cukup – sekitar 20,000 ke 21,000, alasan ini sepatutnya tidak boleh diterima, kerana kawasan Lenggong hanya mempunyai 21,000 pengundi – satu daerah Lenggong dan satu Parlimen Lenggong hanya mempunyai 21,000 pengundi. Begitu juga dengan Gerik yang mempunyai 21,000 pengundi, begitu juga dengan Labuan – Labuan mungkin tidak boleh diambil kira, tetapi Gerik dan Lenggong mempunyai persamaan atau komparatifnya yang sama dengan Jeli.

Sepatutnya Jeli, Lenggong dan Gerik mempunyai bilangan pengundi yang hampir sama, yakni 20,000 ke 21,000 pengundi, tetapi untuk kes Jeli, secara spesifik, Jeli terpaksa merangkumi dua jajahan – *the only* kawasan Parlimen di Kelantan yang merangkumi dua jajahan, di mana satu DUNnya terpaksa berada di dalam Jajahan Tanah Merah. Tetapi yang menjadi masalah, kerana bagi saya, yang pentingnya SPR ini bukan hanya baik, tetapi mesti dilihat baik, bukan hanya oleh pihak kerajaan tetapi juga oleh rakyat jelata, kerana seawalnya lagi, oleh kerana hubungan yang baik di antara kami – antara saya dengan beberapa pimpinan-pimpinan UMNO kawasan atau bahagian, mereka telah menunjukkan sempadan yang bakal mereka tawarkan kepada SPR, dan mereka cukup yakin bahawa sempadan inilah yang akan diguna pakai oleh SPR untuk Parlimen Jeli.

Keyakinan ini satu keyakinan yang sungguh luar biasa, yang ditunjukkan oleh mereka kepada kami. Jadi, saya pun hairan kenapa mereka boleh mendahului SPR dalam Parlimen Jeli? Umpamanya, saya ambil dalam satu kes, kes DUN yang dahulunya dinamakan DUN Pergau, nama baru DUN Kuala Balah, dari sudut pentadbiran, dari sudut hubungan, mestilah ada jalan raya, kita menggunakan jalan raya. Bila kita menggunakan jalan raya, kalau dulu DUN Pergau ini, bila sampai di peti undi Lubok Bongor, maka dia terpaksa melalui jalan raya, *the only road*, jalan untuk pergi kepada peti undi yang berikutnya, jaraknya 35 kilometer, yakni di peti undi Gunung – 35 kilometer, sehingga menyebabkan pentadbiran wakil rakyat terpaksa dipecahkan dua – Pergau Satu dan Pergau Dua kerana terpaksa melalui DUN Lanas sejauh 35 kilometer.

Okey, kita anggaplah itu satu kesilapan SPR yang dilakukan pada tahun 1994. Sepatutnya kesilapan ini diperbetulkan pada tahun 2003, selaras dengan DUNnya yang semakin maju tetapi apa yang menyedihkan, *instead of 35 kilometers*, sekarang ini SPR telah menambah daripada 35 kilometer kepada 45 kilometer. Maknanya, peti undi Gunung dibuang, dimasukkan ke dalam peti undi Ayer Lanas. Alasannya mudah – kerana di peti undi Gunung ini, majoriti yang diperolehi oleh PAS adalah sebanyak 380 undi. Bila dimasukkan peti undi Gunung ke dalam peti undi Ayer Lanas, menyebabkan di DUN Ayer Lanas UMNO sudah angkat tangan – “Kita kira kita tidak akan menang di DUN Ayer Lanas”. Jadi, “Yang kita hendak ialah DUN Pergau atau sekarang ini DUN Kuala Balah”.

Tetapi kita tidak kisah – siapa menang bagi kita tidak menjadi soal, itu rakyat yang akan menentukan. Persoalan yang kita kemukakan, kenapa semakin jauh, sedangkan hubungan, yang dikatakan hubungan berdasarkan kepada peta, adalah hubungan yang melalui Bajaran Titiwangsa. Ini logik mana - hendak menggunakan perhubungan berdasarkan Banjaran Titiwangsa? Apakah SPR menganggap bahawa kita boleh menggunakan helikopter? Sebab itu, untuk ini kita minta SPR kaji balik. Kalah menang itu adalah adat pertandingan, kita tidak kisah.

Persoalannya sekarang, bagi DUN Lanas, UMNO punya ramalan, "Kita tidak ada ruang, maka kita fokuskan kepada DUN Kuala Balah", yang mengikut pada bancian semasa, di DUN Kuala Balah, PAS mungkin kalah kepada UMNO sekitar 30 undi. *There is a fighting chance*, maknanya. Begitu juga dengan DUN di Bukit Bunga, umpamanya – DUN baru yang disebut-sebut sebagai kawasan yang bakal ditandingi oleh bakal Menteri Besar baru daripada UMNO Kelantan – DUN Bukit Bunga. Kalau berdasarkan kepada persempadanan lama ia dipanggil DUN Kemahang. DUN Kemahang ini dulunya dimenangi oleh PAS sekitar 700 undi, tetapi sekarang ini semua kawasan-kawasan yang mempunyai majoriti PAS telah dikeluarkan, dan dimasukkan DUN Kemahang di Parlimen Tanah Merah sehingga menyebabkan keseluruhan DUN Bukit Bunga yang berada dalam Jajahan Tanah Merah, selepas dibuat perkiraan, berdasar keputusan 1999, PAS akan kalah dengan 380 undi.

Tetapi persoalannya sekarang ini, kalau dari sudut pentadbiran umpamanya, sudut pentadbiran, sepatutnya kem askar 301 yang berada pada peti undi Asahan, dari sudut pentadbiran ataupun kegiatan sosioekonominya, ia adalah berada di Kemahang ataupun Batu 11, Kemahang, Tanah Merah tetapi untuk Kemahang Satu, Kemahang Dua, Kemahang Tiga, digunakan Batu 11 Kemahang sebagai pusat kegiatan ekonomi setempat, tetapi Asahan dijadikan tempat yang lain, walhal sepatutnya juga dijadikan di Batu 11 Kemahang.

Satu benda yang agak pelik, pada masa yang sama, Kemahang Satu, Kemahang Dua, Kemahang Tiga sudah terputus hubungan jalan raya dengan Batang Merbau, yakni terpaksa melalui laluan yang berada dalam DUN Kemahang sekitar lebih kurang 24 kilometer, barulah bertemu dengan DUN Kemahang yang lain. Jadi, maknanya seolah-olah ada satu perancangan, umpamanya di Kelantan, harapan UMNO di Kelantan mereka mungkin mengharapkan Gua Musang, mungkin, kemudian mungkin satu lagi harapan mereka di Jeli. Tetapi di kawasan Parlimen lain mereka kata, "Kita tidak payah bertanding", kita bertanding pun pada bacaan mereka PAS akan menang. Maknanya, daripada 14 Kerusi, jangkaan UMNO, PAS akan menang di 12 kawasan, mereka akan menang di Gua Musang, *they have a fighting chance* di Jeli, dengan izin.

Maknanya mereka ada harapan untuk menang di Parlimen Jeli. Ini kerana daripada *tabulation* atau bancian berdasarkan keputusan 1999, PAS mungkin kalah sekitar 140 undi, berdasarkan kepada persempadanan baru. Itu strategi UMNO dalam *negotiation* mereka dengan SPR untuk negeri Kelantan tetapi yang menyedihkan di negeri Terengganu. Negeri Terengganu ini umpamanya pada tahun 1994, SPR pernah mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu pada ketika supaya ditambah dua Kerusi.

Oleh kerana pada ketika itu dari sudut DUNnya, PAS sudah mendahului satu pertiga Kerusi DUN pada ketika itu menyebabkan Kerajaan UMNO pada ketika itu tidak bersetuju dengan cadangan SPR pada ketika itu untuk menambah dua Kerusi. Tetapi yang peliknya sepuluh tahun dahulu meminta tambah dua Kerusi tetapi sepuluh tahun kemudian kenapa tidak diberi tambah dua Kerusi? Sedangkan negeri-negeri lain semua mendapat penambahan. Apakah Dewan ini bersetuju mengatakan negeri Terengganu ini negeri yang maju sekarang, setelah PAS memerintah negeri Terengganu bertukar daripada negeri yang tidak maju menjadi negeri yang maju, lebih maju daripada Johor, lebih maju daripada Perak, lebih maju daripada Pulau Pinang. Atas fikiran itu maka kita bersepakat begitu. Saya fikir ini tidak betul kerana negeri Terengganu dari sudut purata pengundi sekarang ini lebih daripada purata nasional. Di mana purata nasional hanya 50,200, negeri Terengganu puratanya 51,400 mengatasi Pulau Pinang, Perak dan Johor.

Sebab itu saya minta kalau boleh SPR mengkaji balik untuk khususnya negeri Terengganu, kenapa negeri Terengganu sampai bila-bila dianaktirikan. Sudahlah royalti dirampas sebegitu rupa, ditukar dengan wang ehsan. Ini saya fikir sudah cukup penganiayaan demi penganiayaan dilakukan kepada Terengganu. Kerana yang menjadi rakyat 94% di Terengganu adalah orang Melayu kita. Bayangkan sepuluh tahun akan datang, apa rakyat Melayu di Terengganu berkata, inilah nasib kita menjadi Melayu. Bila menjadi Melayu kita tidak dapat pertambahan Kerusi. Ini pertanyaan yang berkisar dalam pemikiran orang-orang Melayu kita. Kenapa sekarang ini kita bertanya balik di dalam

Dewan yang mulia ini. Kenapa negeri-negeri yang diisytiharkan sebagai *Malay belt tongue*, *Malay belt state*, Kelantan 94% Melayu, Terengganu 94% Melayu, Kedah 76%..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Perlis tidak ditambah Kerusi. Saya fikir dari satu segi saya tahu peranan SPR dan kita faham peranan SPR tetapi tolong fikir dan kaji kembali hal-hal yang sepatutnya dibuat kajian. Sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tidak faham kenapa bertambah ramai. Saya tidak akan izinkan, saya beri Yang Berhormat bagi Bandau, Tanjong, selepas itu Bukit Bintang, Rantau Panjang yang lain saya tidak benarkan. Ya, Yang Berhormat bagi Bandau dahulu.

3.23 ptg.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pihak kami sekadar menambah sahaja apa yang telah disentuh oleh rakan-rakan yang telah berucap sebelum ini dan beberapa perkara yang kurang ditekankan. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri seperti usul yang di depan meja mesyuarat sejumlah 25 Kerusi Parlimen yang dicadangkan oleh pihak SPR untuk diluluskan dan pihak kerajaan membentangkan cadangan ini dan sekali gus 63 kawasan Dewan Undangan Negeri di seluruh negara Malaysia.

Seterusnya pula di peringkat negeri Sabah sejumlah lima kawasan Parlimen dan 12 kawasan Dewan Undangan Negeri. Saya juga turut seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional telah menyentuh beberapa kali di mana ahli-ahli daripada pembangkang menyentuh peruntukan kawasan baru ini yang diberikan kepada negeri Sabah di mana lima kawasan Parlimen dan 12 kawasan Dewan Undangan Negeri yang dikatakan begitu besar sekali tetapi malangnya mereka tidak membaca sejarah dan menelitinya di mana dalam semakan lapan tahun yang dahulu negeri Sabah sekadar diberikan perubahan persempadanan sahaja tetapi tidak ada tambahan Kerusi sama sekali, walau pun negeri-negeri lain khasnya negeri Sarawak telah menerima semakan yang munasabah.

Untuk menekankan bahawa negeri Sabah ini kerana kubu kuat Barisan Nasional ditambahkan Kerusi yang dikatakan kononnya tidak munasabah ini tidak berasas sama sekali Tuan Yang di-Pertua. Ini pertama kali sebenarnya dalam 16 tahun kita mendapat tambahan Kerusi bagi negeri Sabah mahu pun bagi kawasan Parlimen ataupun kawasan Dewan Undangan Negeri. Sebenarnya kalau kita menuntut barangkali pihak rakyat Malaysia negeri Sabah, menuntut dari segi kenaikan jumlah penduduk dan juga keadaan kemunduran dari segi pembangunan sosial ekonomi yang masih berkekalan di beberapa tempat di luar bandar, barangkali 12 Kerusi ini tidak mencukupi. Bahkan pihak kita dan juga Ahli-ahli parti Barisan Nasional yang lain negeri Sabah dan rakyat keseluruhan telah pun mencadangkan secara terbuka bahawa 12 Kerusi Dewan Undangan Negeri lebih munasabah untuk mengambil kira semakan lapan tahun yang dahulu itu yang tidak ada mengakibatkan penambahan Kerusi bagi negeri Sabah.

Namun demikian, kita menerima syor ini walaupun tidak berpuas hati kerana dalam mana-mana kajian persempadanan pun biasalah tidak dapat untuk memuaskan hati semua pihak. Namun, Tuan Yang di-Pertua, pihak kita ingin menyentuh 12 Kerusi ini seperti mana yang disampaikan oleh beberapa Ahli Parlimen daripada kawasan Sabah khasnya yang disentuh oleh Yang Berhormat daripada Tuaran, barangkali memang banyak yang harus dan perlu diambil kira dalam pengagihan 12 Kerusi DUN ini dan seterusnya lima Kerusi Parlimen ini. Di mana pada saat ini pengagihan itu disentuh di dalam rayuan-rayuan

tertentu tetapi masih juga telah pun ditetapkan seperti mana yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada hari ini.

Misalnya kalau zon utara daripada N1 sampailah ke N8 iaitu daripada tiga kawasan Parlimen dari Marudu sampailah ke kawasan Bandau dan seterusnya kawasan Kota Belud tidak ada semakan sama sekali semenjak 25 tahun yang lalu. Jadi, termasuk di dalam lingkungan ini ialah kawasan DUN Langkun telah pun disentuh dalam beberapa perbahasan di Dewan yang mulia ini. Saya sekadar bagi pihak rakyat di kawasan Bandau dan khususnya di bekas kawasan Langkun mencatatkan lagi di Dewan yang mulia ini rayuan mereka untuk mengembalikan DUN Langkun itu. Walau pun dalam ketetapan ini nampaknya DUN Langkun tidak dikembalikan, pihak kita berharap bahawa pihak kerajaan akan mengambil kira keperluan-keperluan rakyat jelata kita di situ dan seterusnya pada masa semakan yang akan datang memberikan tumpuan yang khusus kepada zon utara dan khususnya kawasan yang telah pun wujud dahulu selama 27 tahun dan tiba-tiba hilang dalam lapan tahun yang dahulu itu.

Apabila kita memohon dikembalikan DUN Suk pula dikembalikan tetapi DUN Langkun ini tidak dikembalikan. Saya adalah Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Langkun yang terakhir dan dalam kawasan sekarang ini yang mempunyai kawasan 2,000 kilometer persegi iaitu lebih besar daripada Pulau Pinang. Pulau Pinang mempunyai lapan kawasan Parlimen, kita mempunyai satu sahaja dan di sana itu sekali gus memang saya pun Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Tandek dan saya sekarang mempunyai seorang pembantu. Kawasan yang mundur, yang masih jauh dari segi khususnya di kawasan perbukitan di mana memerlukan tumpuan yang lebih besar daripada pihak kerajaan.

Dalam soal ini juga saya ingin menyentuh bahawa pada masa persempadanan cadangan itu dibentangkan dan memang rayuan-rayuan telah dilakukan diminta oleh pihak rakyat di kawasan ini. Namun semua rayuan-rayuan ataupun permohonan itu tidak diberi tumpuan oleh kerana alasan pihak SPR bahawa ianya terkeluar daripada peruntukan yang sedia ada dalam Perlembagaan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Di mana jika pihak SPR tidak menyentuh kawasan tersebut maka tidak adalah asas untuk merayu ataupun membantah, ataupun memohon. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu bahawa dalam soal ini saya berpendapat ada kelemahan dalam peraturan yang sedia ada. Kalau sesuatu kawasan itu tidak disentuh untuk diubah ataupun ditambah, nampaknya tidak ada ruang bagi pihak rakyat untuk memohon meminta kawasan itu diperbesar ataupun kawasan baru ditambah sebab begitulah alasan pihak SPR di bawah seksyen 64, Bahagian Kedua Jadual 13 Perlembagaan dikatakan bahawa memandangkan draf asal cadangan itu telah menyentuh kawasan tersebut, maka *you have no* asas, dengan izin, untuk memohon ataupun merayu.

Saya rasa jika ini penetapan ataupun peraturan yang sedia ada dia seolah-olah tidak memberi ruang bagi kawasan-kawasan itu untuk merayu apa-apa, selain dari rayuan surat tetapi tidak rayuan melalui peruntukan yang sedia ada dan melalui peruntukan perlembagaan dan peruntukan-peruntukan undang-undang.

Saya rasa ini adalah satu kelemahan yang besar sekali dan itulah yang digunakan bagi beberapa kawasan di negeri Sabah bukan sahaja di kawasan Langkon di mana SPR mengatakan walaupun pihak kami merayu dua tiga kali tetapi tidak ada ruang kerana tidak termasuk di dalam pembentangan asal di mana kawasan kamu tidak pun berubah satu peratus pun. Ini satu kelemahan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya juga saya ingin menyentuh di sini bahawa pihak berkuasa tempatan Daerah Kota Marudu telah pun sebenarnya menghantar memorandum kepada pihak SPR dan ia adalah badan yang layak untuk memohon perhatian ataupun membuat rayuan supaya nama Bandau itu dikekalkan tetapi sekarang ini ia ditukarkan kepada Daerah Kota Marudu. Saya berpendapat pihak SPR perlu menangani masalah ini sebab dia tidak memberi pun *hearing* ataupun pendengaran kepada pihak berkuasa tempatan, iaitu Majlis Daerah Kota Marudu. Dia layak kerana walaupun kawasan Langkon itu tidak disentuh tetapi pertukaran nama itu telah disentuh. Tetapi tidak ada jawapan sama sekali kepada rayuan dan memorandum yang telah dikemukakan pihak berkuasa tempatan.

Daerah Kota Marudu di mana kita mengatakan nama Bandau itu adalah nama yang unggul dan nama yang mempunyai sejarah yang panjang bagi kawasan tersebut dan Bandau itu daripada dahulu sebelum musim Jepun dan sebelum daripada masa *chartered company* pun, dengan izin, nama itu telah digunakan dan pada tahun 70-an ditukar kepada kawasan daerah yang dinamakan Kota Marudu dan sekarang ini dicadangkan oleh pihak SPR dan dimasukkan di dalam usul ini supaya kawasan Bandau itu diubah kepada Daerah Kota Marudu. Nampaknya tidak ada *hearing* yang telah pun diberi kepada pihak Majlis Tempatan dalam perkara ini. Saya memohonlah supaya pada masa-masa yang akan datang, rayuan seperti peraturan-peraturan itu diikuti sepenuhnya dan ruang diberi kepada rakyat untuk didengar, sesuai dengan peruntukan yang sedia ada dalam perlembagaan dan di dalam undang-undang.

Dengan kata-kata demikian, dengan harapan yang tinggi bahawa apa juga tambahan ini akan membawa kebaikan kepada semua pihak khususnya di negeri Sabah. Walaupun kita tidak 100 peratus puas hati, namun demikian ia adalah ketetapan yang harus kita sokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Bintang.

3.34 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini mengenai SPR telah menyimpang dan menerima bantahan-bantahan para pengundi bahagian Bukit Bintang berhubung dengan dua daerah mengundi iaitu Imbi Plaza dan Kampung Loke Yew yang dikeluarkan dari kawasan Parlimen Bukit Bintang dan dimasukkan di dalam Parlimen Cheras semasa pemilihan persempadanan bahagian Pilihan Raya lalu.

Kini kedua-dua daerah pengundi itu telah dikembalikan semula ke dalam Parlimen Bukit Bintang. Tidak dinafikan tindakan ini menyelamatkan para pengundi dan penduduk Parlimen Bukit Bintang dari kesusahan semasa mendapatkan perkhidmatan wakil rakyat dan terhindar mereka dari bermain politik kotor Barisan Nasional supaya dalam Pilihan Raya umum akan datang usaha Barisan Nasional untuk merampas Kerusi Bukit Bintang menjadi lebih mudah.

Seorang Ahli: Ya, ya, ya!

Tuan Fong Kui Lun: Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur saya mendapati setelah persempadanan semula dilakukan kedudukan jumlah pengundi setiap kawasan Parlimen telah berubah meski pun ada pertambahan satu Kerusi menjadikan 11 Kerusi Parlimen tetapi saya melihat agihan pengundi dan keluasan kawasan Parlimen juga berbeza antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, Bukit Bintang misalnya dengan keluasan 16.27 kilometer persegi mempunyai pengundi berdaftar 65, 444 yang merupakan pusat bandar yang padat. Padahal kawasan lain mempunyai kawasan yang besar tetapi sedikit jumlah pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya dalam cadangan persempadanan semula bahagian Pilihan Raya kali ini Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapat dua tambahan Kerusi baru sebagai pecahan kawasan yang ada. Malangnya tambahan satu lagi Kerusi lagi tidak mencerminkan representasi dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ada kawasan mempunyai 25,000 pengundi dan ada 60,000 pengundi dengan keluasan kawasan yang berbeza.

Dengan tambahan dua Kerusi lagi agihan setiap kawasan ialah 50,000 pengundi yang mana jumlah ini sesuai untuk wakil rakyat memberikan perkhidmatan memandangkan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak ada Kerusi ADUN dan Ahli Parlimen terpaksa melakukan tugas ADUN dan tugas penghulu. Mahu tidak mahu Ahli Parlimen terpaksa bertindak macam pegawai serba boleh bagi berbagai tugas kerana para pengundi dan penduduk lebih gemar mencari wakil rakyat bagi membantu menyelesaikan mereka berbanding dengan pegawai-pegawai lain. Kerajaan mewujudkan satu Kerusi tambahan

lagi bagi Kuala Lumpur bukanlah susah sangat kerana pasukan SPR cekap memotong dan membelah bahagi kawasan-kawasan Parlimen yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, SPR mengharapkan bilangan pengundi kawasan Parlimen bandar raya seramai 70,000 hingga 90,000 pengundi bagi membolehkan perkhidmatan yang berkesan diberikan oleh wakil rakyat kepada para pemimpin. Saya tidak fikir langkah ini tepat kerana tidak mungkin seseorang Ahli Parlimen dapat memberi perkhidmatan yang cekap bila jumlah pengundi dalam kawasannya ialah lebih 70,000 orang tanpa ada bantuan ADUN. Yang ada ialah Ahli Lembaga Penasihat DBKL yang jarang membeli perkhidmatan langsung kepada penduduk-penduduk Kuala Lumpur. Mereka lebih suka memberi khidmat dari Kerusi empuk mereka. Lagipun berapa ramai yang sanggup turun padang mendengar keluhan rakyat? Yang turun padang pun adalah pakar-pakar calon Barisan Nasional - masa depan mereka - yang cuba menonjol diri mencari publisiti murah supaya bakal dicalonkan.

Tuan Yang di-Pertua, semua orang tahu cadangan persempadanan semula bahagian pilihan Raya adalah untuk kepentingan hegemoni kerajaan Barisan Nasional bagi mengimbangi kawasan-kawasan Parlimen dan negeri dari jatuh ke tangan pembangkang dalam pilihan raya umum akan datang. Bagaimana bebas pun SPR, ia tidak lari dari pengaruh pihak atasan. Contoh yang berlaku di kawasan Bukit Bintang sudahlah menunjukkan bukti. Pada pameran persempadanan semula pada Ogos tahun 2002, dua daerah pengundi yang saya sebut tadi tidak dikeluarkan dari kawasan Parlimen Bukit Bintang. Tidak ada bantahan mana-mana pihak dicadangkan supaya dua kawasan ini perlu dikeluarkan tetapi pada pameran Februari yang lalu dua daerah ini dikeluarkan. Jika tiada permintaan dan desakan, masakan dua daerah ini tiba-tiba dikeluarkan?

Jika kita melihat peta persempadanan di antara kawasan Parlimen Wilayah Persekutuan dipotong bengkok-bengkok, atau *zigzag*, dengan izin, jalan-jalan menjadi sempadan memisahkan antara kawasan. Cuba lihat kawasan Cheras yang merupakan dua kawasan iaitu Beduk Hulu dan Taman Maluri, seperti mana dikatakan tadi ialah seperti Segenting Kera, antara dua kawasan ini iaitu paling terkecil di Malaysia ini.

Marilah kita lihat kedudukan jumlah pengundi dan keluasan kawasan Parlimen dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Nama Kawasan	Bil. Pengundi	Keluasan [km. Persegi]
Kepong	59,352	11.42
Batu	67,092	23.25
Wangsa Maju	50, 575	13.91

Nama Kawasan	Bil. Pengundi	Keluasan [km. Persegi]
Segambut	56,021	51.69
Setiawangsa	51,012	16.94
Titiwangsa	52,814	14.41
Bukit Bintang	65,444	16.27
Lembah Pantai	55,805	21.4
Seputeh	73,311	20.61
Cheras	66,788	14.44
Bandar Tun Razak	66.019	38.16

Angka-angka ini menunjukkan ketidakseimbangan antara keluasan dan jumlah pengundi. Walau apa pun alasan SPR, persempadanan semula adalah lebih menjurus kepada bahagian kawasan ikut kaum. Jika kita mengikut di Bandaraya Kuala Lumpur, kita di sini tidak ada Gunung Tahan, di sini pun tidak ada sungai seperti Sungai Pahang. Mengapa perpecahan sempadan ini tidak seimbang dengan keperluan di Kuala Lumpur?

Tuan Yang di-Pertua, penambahan 26 Kerusi Parlimen di Semenanjung termasuk satu dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah untuk memperkuatkan penguasaan Kerajaan Barisan Nasional dalam Dewan Rakyat, walaupun kerajaan dan SPR menggunakan alasan untuk mengurangkan bebanan tugas Ahli Parlimen menerusi berkurangnya jumlah pengundi dalam sesuatu kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah tidak menambah satu atau mewujudkan Kerusi-kerusi dalam kawasan-kawasan padat yang banyak dalam bandar jika memang kerajaan bertujuan mengurangkan jumlah pengundi di dalam sesuatu kawasan? Johor yang mempunyai jumlah pengundi 1,223,532 pengundi mendapat tambahan enam Kerusi Parlimen. Selangor dengan jumlah pengundi 1,368,690 pengundi - lebih dari Johor - mendapat lima Kerusi Parlimen, manakala Perak yang mempunyai jumlah pengundi 1,138,010 orang hanya mendapat tambahan satu Kerusi Parlimen. Wilayah Persekutuan mempunyai 664,233 pengundi tanpa ada ADUN kawasan kecil lagi padat mendapat tambahan satu Kerusi sahaja.

Saya ingin bertanya: Adakah ini adil? Bagaimana pula dengan Kedah, zero Kerusi? Kelantan hanya tambah dua Kerusi negeri, dan Terengganu kosong. Mengapa Pulau Pinang yang ada 659,155 pengundi - lebih rendah dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - mendapat dua Kerusi Parlimen dan tujuh Kerusi negeri? Oleh sebab itu, kerajaan dan pemimpin kerajaan jangan cepat berang jika parti-parti pembangkang memberi komen dan kritikan bahawa persempadanan semula ini lebih menguntungkan Kerajaan Barisan Nasional berbanding parti-parti pembangkang. Mereka patut mengakui bahawa inilah satu langkah menggalakkan hegemoni mereka atas negerinya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rantau Panjang.

3.45 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga ingin mengambil peluang sedikit untuk bercakap berkenaan dengan laporan yang telah diberikan oleh pihak Suruhanjaya kepada kita melalui pembentangan Usul oleh Yang Berhormat Menteri semalam. Saya tidak hendak menyentuh masalah angka-angka yang secara *detail* kerana pihak pembangkang telah banyak memberi angka-angka *detail* pun pihak kerajaan masih lagi mengatakan kita tidak mempunyai asas. Kita bercakap tidak mempunyai asas, tidak mempunyai sokongan yang secara terperinci. Oleh itu saya hendak bercakap pada petang ini hendak memberi dengan secara keadaan yang mudah-mudah supaya pihak kerajaan yang masih ada hari ini boleh mendengar dan kalau tidak faham juga lagi, saya tidak mengertilah cara mana saya hendak beri faham kepada mereka ini semua.

Kalau kita lihat keseluruhan di negeri Kelantan ini, memang Kerajaan Kelantan ini ada mempunyai asas untuk membuat rayuan supaya meminda semula persempadanan ini hasil daripada kajian dan cadangan yang dibuat oleh SPR, dan Kerajaan Kelantan menggunakan budi bahasa yang baik dengan berbincang dari hati ke hati dan tidak ada niat pun hendak mengkhianati pihak SPR yang dikatakan seluruhnya dipengaruhi oleh UMNO.

Kalau Kerajaan Kelantan hendak mengkhianati keseluruhan yang ada di dalam laporan ini, Kerajaan Kelantan boleh membawa dalam Dewan Undangan Negeri tidak memasukkan penambahan dua Kerusi Dewan Undangan Negeri ini, satu itu hancur habis, segala cadangan-cadangan yang dibuat oleh SPR dengan dipandukan oleh UMNO ini akan hancur kesemua sekali. Oleh kerana kuasa yang ada kepada kerajaan negeri, kuasa menambahkan Kerusi, menolak Kerusi itu kuasa kerajaan negeri. Oleh itu, pihak kerajaan

hendaklah ingat, kerajaan negeri mempunyai senjata sulit lagi. Jangan kita bangga kita boleh apa sahaja.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Kelantan tidaklah mempunyai niat seperti UMNO, kalau UMNO memerintah Kerajaan Kelantan tentu dia buat, kalau tidak kena di hati dia. Ini perangai UMNO. Dia akan menggunakan apa sahaja. Saya hendak sebut di sini ialah satu kegagalan, walaupun telah dua kali pihak PAS khususnya di kawasan Rantau Panjang pengundi-pengundi Rantau Panjang telah membuat rayuan dua kali. Dahulu dua kali dipamerkan dan ini yang terakhirlah dan di sini bukan tempat rayuan, tempat hendak bercakap, hendak beritahu sahajalah. Rayuan yang pertama telah pun kita buat melalui 100 pengundi lebih dan kita telah hantar kepada SPR melalui ekspres. Ini contoh bukti ekspres dengan alasan-alasan tertentu, tebal lebih kurang lima muka surat alasannya mengikut peraturan-peraturan yang diberi *guideline* kepada kita. Tetapi sayangnya kita tidak dipanggil untuk dibicarakan, tidak dipanggil.

Saya pergi ke Pejabat SPR bertanya kepada sahabat-sahabat saya di sana, jawapan ialah sulit, satu perkataan sahaja jawabannya, sulit. Saya fikir ada dua takrif 'sulit' ini. Satu ialah 'sulit rahsia', satu lagi 'sulit payah', ini pun sulit juga. 'Hiisyy', sulit hendak menyelesaikan masalah ini, sulit juga. Jadi, saya tidak tahulah sama ada sulit payah ataupun sulit kerana rahsia, tetapi jawabannya tidak dipanggil perbicaraan.

Yang kedua, sekali lagi penduduk yang berada di kawasan saya, khususnya yang terakhir ini ialah dua. Satu daripada lebih daripada 100 orang penduduk, sekali lagi membuat rayuan kepada SPR.

Yang ketiga, daripada DUN Chetok yang dicadangkan oleh SPR untuk dimasukkan dalam Pasir Mas, kemudian lebih daripada 2,000 pengundi-pengundi yang berada dalam DUN Chetok membuat rayuan dengan menandatangani surat kepada SPR supaya DUN Chetok yang dicadangkan oleh SPR dimasukkan dalam Pasir Mas itu dimasukkan dalam kawasan Rantau Panjang dan sebelum daripada ini, DUN Chetok ini berada di kawasan Rantau Panjang, sebelum ianya dipindahkan kepada Parlimen Pasir Mas. Maknanya awal lagi pihak pengundi-pengundi DUN Chetok ini berada di dalam Parlimen Rantau Panjang bertahun-tahun, tiga empat penggal, kemudian dua penggal kemudian ini dibawa kepada Tanah Merah, barangkali tidak serasi dengan Tanah Merah, dicadangkan pula dibawa kepada Pasir Mas.

Penduduk-penduduk yang berada di DUN Chetok meminta supaya kalau Tanah Merah tidak serasi, atau tidak disukai oleh UMNO bawalah kepada Rantau Panjang, tempat suami asalnya, tetapi perkara ini terjadi demikian, sehinggakan perkara-perkara yang janggal yang saya sebutkan di sini ialah, kalau kita lihat peta di sini, ini satu peta yang cukup-cukup janggal. [Menunjukkan peta] Disebutkan dalam laporan, dalam surat rayuan ini disebut dengan jelas, dalam buku ini disebut oleh pihak perayu mengatakan bahawasanya satu kegagalan ialah dari segi peta kedudukan Parlimen Pasir Mas, hah ini dia, ini dicadangkan oleh SPR yang disetujui oleh UMNO, ini dia. Rampingnya kalau tidak silap saya, lebih ramping daripada pinggang Allahyarham Saloma lagi ini. [Ketawa]

Kalau orang lama-lama dia tahu, tinggal lagi, tidak munasabah, ini pun telah ditambah, satu telah ditambah satu daerah mengundi. Sebelum daripada ini lagi ramping, sewaktu diambil untuk menyambungkan di antara supaya nampak bersambung di antara DUN Chetok dengan Parlimen Pasir Mas ini dahulunya dua daerah mengundi diambil iaitu daerah mengundi Kelar dan daerah mengundi Lemar, tetapi nampak kepala tak cantik nipis sangat. Bila rayuan kita buat, kita protes, kita beritahu, peta terlalu hodoh, maka dia pun tambah lagi, ambil lagi satu, ambil daripada DUN Bukit Tungku dimasukkan lagi satu menjadikan gemuk sedikit di sini, gemuklah macam ini, kalau dahulu macam hendak patah pinggang ini.

Apa yang kita cadangkan ialah seperti ini: Hah, ini yang dicadangkan. Hah, ini cantik, macam peta Australia, macam peta Australia, cantik sungguh. Kalau *body* inilah, kalau Shah Alam tengok mesti dia hendak punya ini, kalau hendak bandingkan ini tidak boleh, tidak boleh lawan dengan ini, kalau ini kalau dapat kepada Shah Alam patah pinggang terus. Patah pinggang terus, hah inilah keadaannya yang saya sebutkan di sini,

walaupun saya tidak menggunakan angka, saya rasa oleh kerana angka-angka selalu sangat

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Kalau kita tengok di sini, walaupun saya mengetahui dengan pemergian ini, pengundi saya terlalu kurang, memang kurang, tidak mengapa kurang pun, saya yakin dan saya percaya walaupun UMNO terpaksa berhempas pulas mempengaruhi SPR supaya agih sempadan ini ke hulu ke hilir, depan belakang, kita yakin Kelantan tidak ada masalah. Tidak ada masalah. *[Beberapa Ahli riuh]* Tetapi saya hendak ambil contohnya, janggal, rakyat melihat terlalu janggal, rakyat ketawa, kalau Ahli Parlimen boleh ketawa, pegawai boleh ketawa, semua boleh ketawa, rakyat di kampung lagi teruklah, dia kata: "Eh! Eh! UMNO ini teruk sungguh!" Kalau dia hendak buat apa-apa *by hook or by crook* dia buatlah. Ini perangai UMNO. Lama dah perangai ini.

Inilah satu perkara yang saya fikir, oleh kerana di sini bukan tempat rayuan, tempat dibentangkan untuk kita berbahas, maka saya menganggapkan kadang-kadang cadangan UMNO ini keterlaluan. Cadangan UMNO melalui SPR ini keterlaluan. Tetapi pegawai SPR ini pandai, pandai dia punya kedudukan dia, ada tempat-tempat yang dia tengok, Ahli Parlimen UMNO yang orang Kelantan kata monyok-monyoklah. Monyok ini maknanya lembut-lembut yang baik-baik sedikit, dia skru sedikit, kalau UMNO macam pemimpin macam Shah Alam itu SPR takut juga, hendak baiki sedikit pun dia takut, dia tengok mata gaya pun dia takut dah, tetapi oleh kerana ramai kalau UMNO ini, yang di kampung-kampung

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(6). Sangkaan jahat itu.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Hai, saya kata baik, bagus. Huh! Shah Alam hebat saya kata. Yang lain-lain saya kata.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat macam buat ceramah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, ceramah di sini, ceramah juga, serupa ceramah juga. Cuma di sini tidak ada permit di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Patut perbahasan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Perbahasanlah bentuk ceramah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau perbahasan kena tuju kepada Speaker.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Hah! Boleh, boleh!

Seorang Ahli: Masa sampai.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Jadi, oleh kerana

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, tidak, tak perlu lagi. Jadi, saya hendak sebut di sini ialah asas-asas yang ada dalam buku ini, saya baca buku ini satu persatu, saya lihat, rayuan yang dibuat oleh UMNO lebih banyak diterima daripada rayuan yang dibuat oleh pihak pembangkang, saya tengok ini, saya sudah baca dan saya *tick* satu persatu ini. Kalau hendak suruh saya baca, satu dua tiga ini semua seluruhnya ialah yang UMNO punya dan jabatan-jabatan yang dikuasai oleh UMNO tetapi sebahagian besarnya, rayuan-rayuan yang dibuat oleh pihak pembangkang khususnya oleh pengundi-pengundi bukan sahaja setakat tidak terima, tidak dipanggil perbicaraan pun, tetapi tidak dipanggil perbicaraan dan ditolak. Adapun rayuan yang dibuat oleh pihak UMNO, tidak hadir perbicaraan pun, diterima. Ini satu perkara yang cukup pelik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulunglah Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Gulung dah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Uh! Tak sempat hendak gulung ini.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sepatutnya bagi peluang sedikit, terakhir ini

Tuan Chow Kon Yeow: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada orang hendak cakap lagi.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ada lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada. Ada.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Jadi kesimpulannya ialah.....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ada di antara pegawai-pegawai SPR ini barangkali takut juga kepada pemimpin UMNO.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ada, bukan semua – adalah dan kita kena ingat, walau apa sekalipun UMNO tidak boleh menafikan persempadanan baru ini adalah hasrat UMNO, hasrat kerajaan, hasrat Perdana Menteri. Cuma kita, Parlimen ini dibentangkan di sini, asalnya hasrat daripada UMNO. Tidak boleh dinafikan dah. Tidak boleh nafi. Kalau UMNO kata ini bukan kerja UMNO, kerja SPR, itu cakap kepada orang kampung, boleh. Tetapi bercakap kepada orang yang membaca Perlembagaan, memang Kerajaan Pusatlah yang menentukan. SPR itu menerima arahan sahaja.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sekian, terima kasih.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sepatutnya kita hanya dapat membenarkan seorang berucap, jadi...

Tuan Chow Kon Yeow: Saya sudah didaftarkan tadi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, panjangkah ucapan?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lima minit. Jadi.....

Tuan Chow Kon Yeow: Saya sepuluh minit cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okey. Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong, Tanjong, sila.

3.58 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan ini kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan

usul untuk menerima cadangan daripada SPR untuk menambah sebanyak 26 Kerusi Parlimen di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu kriteria asas yang digunakan oleh SPR untuk melakukan persempadanan semula kawasan-kawasan pilihan raya dan menentukan bilangan pemilih di sesuatu bahagian ialah dengan merujuk kepada daftar pemilih dan pada kali ini SPR telah menggunakan daftar pemilih yang telah disahkan pada 27 Disember 2001. Ini menunjukkan betapa pentingnya daftar pemilih bagi memastikan prinsip-prinsip demokrasi yang adil dan saksama dapat dipelihara dan dimajukan. Sebuah kerajaan yang dipilih hanya boleh diterima kewibawaannya, jika pilihan yang dibuat oleh rakyat tidak tercemar oleh sebuah daftar pemilih yang bersih dari pemilih-pemilih hantu.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya.

Tuan Chow Kon Yeow: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab Suruhanjaya Pilihan Raya untuk memastikan setiap kawasan pilihan raya mempunyai pemilih-pemilih yang duduk ataupun bermastautin dalam kawasan pilihan raya yang dibentuk. Dalam masa-masa yang lampau pihak pembangkang sering mengutarakan betapa seriusnya masalah pengundi hantu ini yang didapati dalam daftar pemilih kita. Akan tetapi pihak kerajaan tidak ingin menangani masalah ini kerana parti-parti kerajaan yang menjadi dalang mewujudkan satu kedudukan untuk memastikan mereka selamat dalam kawasan-kawasan pilihan raya yang mempunyai *phantom voters*, yang terdiri dari ahli-ahli dan penyokong-penyokong parti yang dipindah masuk dari kawasan-kawasan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Pulau Pinang misalnya, parti DAP telah banyak kali membuat bantahan terhadap kawasan pilihan raya yang mempunyai *irregularities* seperti terdapat bilangan pemilih yang luar biasa, seperti di sebuah unit rumah pangsa yang kecil didaftarkan dengan 50 orang pemilih pelbagai kaum, dan juga di rumah Ahli EXCO Kerajaan Negeri mempunyai nama-nama pemilih yang tidak bermastautin dalam rumahnya ataupun mempunyai pertalian keluarga dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, SPR selalu membalas dengan alasan bahawa pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan daftar pemilih boleh buat aduan dan juga memfailkan petisyen di mahkamah. Sungguhpun SPR juga dikehendaki mempamerkan perubahan yang berlaku dalam daftar pemilih, masalah *phantom voters* ini tidak dapat ditangani kerana daftar pemilih yang kita pakai sekarang ini telah pun di *embedded* dengan 2.8 juta pengundi hantu, seperti mana yang didakwa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Hanya selepas pendedahan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri barulah SPR mahu menangani masalah ini, sedangkan sebelum ini Barisan Nasional sentiasa menafikan wujudnya masalah ini, sungguhpun kewujudan pengundi hantu ini telah menyebabkan Hakim Mahkamah Pilihan Raya di Kota Bharu mengisytiharkan hilang kelayakan bekas Ahli Parlimen Gaya, Datuk Yong Teck Lee.

Apabila *exercise* persempadanan semula pada kali ini dilakukan dengan menggunakan daftar pemilih yang disahkan pada bulan Disember tahun 2001, apakah daftar pemilih ini di *embedded* dengan 2.8 juta pengundi hantu seperti mana yang didakwa oleh Perdana Menteri. Macam mana SPR boleh yakin persempadanan semula pada kali ini adil dan saksama, apabila daftar pemilih yang digunakan sebagai asas ini tidak dianggap bersih oleh kerajaan sendiri dan oleh pemimpin teratas kerajaan sendiri? Saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, sama ada dakwaan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa ada 2.8 juta pengundi hantu berasas atau tidak.

Jika berasas, ini akan menjadikan daftar pemilih yang digunakan tidak sah, tidak bersih dan tidak bermakna, tidak *constitutional* dan juga menjejaskan perjalanan pilihan raya di negara ini dan hak perlembagaan rakyat di negara ini. Apabila daftar pemilih tidak dapat dijamin kesahihannya dan kebersihannya, ini bermakna persempadanan semula kawasan pilihan raya yang dijalankan sekarang adalah tidak dapat membayangkan satu keadaan yang sebenar dan juga boleh *hijack* makna sebenar pilihan raya untuk memilih sesebuah kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab daftar pemilih ini tidak bersih juga menjadi persempadanan pilihan raya ini tidak bersih dan tidak patut dibentangkan oleh kerajaan dan patut ditarik balik oleh kerajaan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Betul! Betul!

Tuan Chow Kon Yeow: Saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, apakah yang akan diambil, tindakan yang akan diambil oleh SPR untuk memastikan *once and for all en bloc transfer of voters based on political interest* dibereskan? Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, SPR dikatakan ingin bertindak dengan cepat membersihkan daftar pemilih yang sudah dicemari. Saya rasa kalau tindakan yang akan diambil oleh SPR sekadar tertumpu perhatian kepada mencegah amalan memindahkan pengundi yang mungkin berlaku pada waktu sekarang ataupun pada masa-masa hadapan, ini adalah tidak cukup baik kerana ia akan mengetepikan hakikat bahawa daftar pemilih sudah lama di *embedded* oleh 2.8 juta pengundi dan ini mesti ditangani Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak nampak bagaimana daftar pemilih boleh dibersihkan melainkan satu pendaftaran semula semua warganegara yang layak untuk meletakkan pemilih dalam kawasan pilihan raya yang mereka bermastautin ataupun *stably domiciled*.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah membuat cadangan ini dalam Dewan yang mulia ini dan masih menunggu sama ada pihak kerajaan dan pihak SPR benar-benar mempunyai *political view* untuk mengatasi masalah yang akan menjejaskan perjalanan proses pilihan raya di negara ini dan semangat demokrasi dan hak asasi terjamin.

Akhirnya saya ingin menyentuh tentang satu perkara yang wujud dalam cadangan di negeri Perak di P61 (Padang Rengas) di mana ada dua kawasan DUN cuma mempunyai 24,103 pengundi, sedangkan di kawasan P63 (Tambun) di mana kedua-dua kawasan DUN iaitu N23 (Manjoi) dan N24 (Ulu Kinta), masing-masing mempunyai 35,000 pengundi dan 27,000 pengundi yang menjadikan wakil dari DUN mewakili lebih ramai pemilih dari wakil Parlimen. Ini satu perkara yang luar biasa yang harus diperjelaskan oleh SPR, mengapa wujudnya satu kedudukan di mana wakil DUN boleh mewakili lebih ramai pemilih di satu negeri, Perak misalnya yang saya tunjukkan.

Jadi dengan ini saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dibenarkan lima minit dan selepas Yang Berhormat, Menteri boleh menjawab.

4.05 ptg.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bersama-sama dalam pernyataan, dalam perbincangan yang berjalan selama dua hari mengenai persempadanan yang baru ini dalam melihat perspektif yang telah disebut oleh kawan-kawan, sahabat-sahabat Ahli-ahli Parlimen yang telah memberikan pandangan-pandangan mereka yang bernas dalam konteks kita melihat bahawa sesungguhnya peranan SPR ini adalah untuk menanjung ataupun menunggang perjalanan demokrasi di negara kita.

Kalaulah perjalanan demokrasi di negara kita terus dicemari dengan pernyataan-pernyataan yang sedemikian ini, dengan kita menjadikan Parlimen ini sebagai kuda tunggangan untuk kita *justify* apa sahaja yang akan kita luluskan di Parlimen ini, ini akan menandakan suatu titik hitam kepada perjalanan dan sistem demokrasi di negara kita.

Saya ingin terus merujuk Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri di dalam tulisan beliau, dengan izin: "... with an overwhelming majority in Parliament of the same political party since Merdeka in 1957. It has now become a misconception to regard the Malaysian Parliament as the safeguard of rights and freedom in many respects that insertion is the issuance of licence to valid freedom".

Inilah yang sedang berlaku di negara kita, di mana dengan dua pertiga majoriti yang ada di negara kita sekarang ini, UMNO dan Barisan Nasional menggunakan kedudukan dan menggunakan ini sebagai *rubber stamp* mereka untuk *justify*, bahawa sesungguhnya mereka boleh melakukan apa sahaja dalam keadaan protes. Dalam keadaan kita dalam sistem berparlimen ini, parti-parti pembangkang secara jelas telah memberikan pandangan-pandangan yang bernas, tetapi tidak mendapat pandangan-pandangan ataupun hujah-hujah balas yang baik dan positif daripada SPR dan pihak kerajaan sendiri. Sebagaimana yang disebut di negeri-negeri *Malay belt states of* Kelantan, Terengganu and Kedah, bagaimana hujah boleh diberikan oleh SPR dalam keadaan dengan jelas bahawa perlu kepada penambahan-penambahan. Akibat daripada campur tangan daripada pemimpin-pemimpin UMNO inilah yang berlakunya perkara-perkara ataupun akan kemungkinan besar diluluskan pada hari ini dengan *rubber stamp* daripada UMNO dan Barisan Nasional.

Sepatutnya SPR juga menyelesaikan masalah-masalah asas yang setiap kali pilihan raya ditimbulkan oleh parti-parti pembangkang terutamanya masalah politik wang, masalah salah guna kuasa dan juga monopoli media massa setiap tahun. Setiap kali pilihan raya digunakan sepenuhnya oleh UMNO dan Barisan Nasional untuk menekan parti-parti pembangkang dalam konteks ini sendiri. SPR perlu menyelesaikan masalah ketidaktelusannya dalam konteks undi-undi pos. Walaupun negara kita aman dan damai tetapi parti-parti pembangkang tidak dibenarkan langsung untuk masuk melihat dan menjadi pemerhati dalam konteks undi-undi pos, khususnya di kawasan-kawasan yang dianggap sebagai kawasan-kawasan keselamatan di negara kita.

Begitu juga SPR perlu menyelesaikan dari segi apa yang digunakan oleh UMNO dan Barisan Nasional dari segi *politic of fear* yang mereka lakukan dan juga manipulasi dan penipuan-penipuan yang mereka lakukan. Apa yang berlaku kita melihat apabila Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri, minta maaf Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut sesuatu tentang undi, pengundi hantu barulah SPR bertindak. Bila Yang Amat Berhormat menyebut tentang berlakunya parti pembangkang melakukan kekerasan, barulah SPR bertindak dalam konteks menjuruskan kepada parti-parti pembangkang. Kita minta supaya SPR melihat dengan jelas peranan yang ada dalam konteks yang telah disebutkan itu supaya mereka jelas dari segi peranan yang ada itu. Mereka mestilah bebas dan berkecuali dalam menjalankan tugas dan peranan yang sepatutnya mereka laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin sebutkan ialah, hujah-hujah ataupun pandangan-pandangan yang diberikan oleh rakan-rakan dalam konteks apa yang disebutkan penambahan Kerusi dan juga ketidakadilan serta ketidaktelusannya dari segi penambahan Kerusi ini. Hak demikian jelas menunjukkan bahawa sesungguhnya kita mahu menjurus ke mana dalam konteks demokrasi di negara kita. Apakah kita mahu terus dalam konteks menggunakan Parlimen ini dengan majoriti UMNO dan Barisan Nasional dua pertiga terus *rubber stamp* segala keputusan yang dibuat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:tanpa mengambil kira pandangan-pandangan rakyat, suara-suara rakyat, suara-suara parti pembangkang dalam konteks hujah-hujah yang bernas yang kami berikan? Pandangan-pandangan yang bernas yang kami berikan kepada SPR sendiri tidak mendapat sedikit pun penelitian daripada mereka dalam hal ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah yang dapat saya sebutkan. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab, oleh kerana ada usul, ya sila Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

4.10 ptg.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Velly]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) maka inilah saya mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai kedua-dua usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Nombor (1) dan Nombor (2) di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini diputuskan dan diselesaikan dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga hari esok, 9 hari bulan April 2003.”

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Amar Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang telah dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, sila.

4.11 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan hormatnya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menggulung perbahasan mengenai usul-usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri pada 7 April 2003 berkaitan dengan Laporan Kajian Semula dan Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat tiada dalam jurusan kita membahaskan usul yang begini penting terdapat gelagat, terdapat kaedah dan cara yang kadang kala tidak dapat kita huraikan dalam bahasa dan pada masa sama juga ada pihak-pihak yang berkesanggupan untuk menggunakan daya nilai dan daya fikir yang terus menghilangkan apa yang dituntut sama ada di bawah Peraturan Mesyuarat 36 ataupun dalam Peraturan Mesyuarat yang mana sekalipun.

Di atas cara-cara yang telah dikemukakan itu, barangkali, ada pihak yang terasa sangat terganggu hatinya, kemungkinan SPR ataupun Suruhanjaya Pilihanraya, kemungkinan pihak berkuasa yang telah menjalankan tugas dengan baik selama ini. Oleh itu, di samping perkataan dan juga huraian serta nilai yang dikemukakan oleh ahli-ahli khususnya dari pembangkang maka kedinginan yang diterima adalah dari ahli-ahli yang merasakan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah berjaya menegakkan demokrasi di tanah air kita. [Tepuk] Menerusi Perkara 113, cerai 2 dan juga menerusi Jadual 13, termasuk Fasalfasal, 5, 6, 8 dan 10.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan terima kasih kepada semua pihak harus diberikan semasa kita membahaskan usul yang begini penting tetapi tentulah dalam urusan sebegini rumit kita tidak dapat menjawab semua soalan yang telah dibangkitkan oleh 22 orang Ahli

Dewan dan di samping itu 24 orang telah mencelah. Dengan lain perkataan, hampir 50 orang telah mengambil bahagian secara langsung dalam perdebatan ini dan setiap orang yang menyusulkan perkara-perkara sampingan sementara dicatatkan oleh SPR ianya tentu menjadi bidang dan panduan kepada pihak-pihak yang akan datang.

Saya boleh rumuskan begini, Tuan Yang di-Pertua, bagi aspek yang telah sedih itu, saya katakan diperah sudah, dicuci sudah, bersih sahaja yang belum. Dimarahi sudah, dicaci sudah, berterima kasih sahaja yang belum [Tepuk] Saya kena menggunakan perkataan lama ini sebab saya tidak dapat satu pun perkataan terima kasih daripada pembangkang. Tidak satu pun hujah yang mengemukakan terima kasih kerana kami berada di sini. Soal yang harus kita kemukakan kepada pembangkang ialah, kalau tidak kerana SPR membuat kerja rumahnya, bagaimana anda berada di Dewan yang mulia ini? [Tepuk]

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Ha, marah, marah, marah, lagi. Jadi, dengan keadaan yang sedemikian, kita sebagai manusia biasa ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Saya kira, Tuan Yang di-Pertua, sudah banyak sangat sudah pencelahan. Beri saya mukadimah pertama. Ini baru masuk gear pertama.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Apa sudah hendak dicelah sekali lagi. Berikan saya peluang sedikit. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu sebab menggunakan kitab saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tetapi buku itu juga mengandungi ungkapan yang berbunyi dalam *parenthesis* "..." *the Malaysian government has delivered its goods despite the forthcoming comments from various sectors including academicians and those of the judiciary*". [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, urusan ini urusan serius dan urusan ini juga boleh dianggap sebagai remeh tetapi seperti kucing dengan tikus, bagi kucing ianya gurau tetapi bagi tikus, sudah sakit. Kesakitan yang diterima oleh SPR ini, Tuan Yang di-Pertua, kita faham ...

Tuan Husam bin Haji Musa: [Masih berdiri]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: ..kerana kita dalam kerajaan akan menggunakan segala daya upaya supaya SPR mendapat penghargaan setimpal daripada kerja dan khidmat yang mereka berikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri memberikan laluan?

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Sekarang pukul 4.17, Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan sekejap, kemudian Ahli Yang Berhormat bolehlah bangun dan kita akan bicarakan mauduk-mauduk yang penting, yang terkandung di dalam persoalan kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya dikaji dengan teliti syor-syor yang telah dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya, kita dapati Suruhanjaya Pilihanraya telah memberi peluang seluas-luasnya kepada semua pihak dan rakyat di negeri Tanah Melayu dan Sabah tetapi tentulah, dalam soal dan ketika kita menimbangkan perkara-perkara yang harus ditentukan

oleh semua pihak, kita tidak dapat lari daripada kenyataan kitab yang dipakai oleh negara, buku Perlembagaan Negara kita.

Sebelum pergi jauh, harus saya bacakan bab yang memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang menyebabkan SPR bertindak sedemikian dalam urusan-urusan yang berkaitan dengan jadual kerja mereka. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah Jadual 13 dan Fasal 2, "...Prinsip-prinsip yang berikut hendaklah dengan seberapa yang boleh..." - "dengan seberapa yang boleh", saya tekankan - "...diambil kira pada membahagikan sesuatu untuk ulang kaji kepada bahagian-bahagian pilihan raya menurut peruntukan-peruntukan Perkara 116, 117. Perkataan yang hendak kita tekankan ialah frasa..." - Dengan izin, "the phrase" - "...dengan seberapa yang boleh". Dengan inilah pengertian maka SPR menjalankan tugasnya.

Saya maklum ahli-ahli ada menyatakan seperti Yang Berhormat bagi Parit Buntar, bahawa katanya, kawasan-kawasan itu sudah jadi *amoeba*, sudah jadi benda yang tidak dapat ditentukan. Kita boleh nyatakan begini, kalau suka, pelbagai cara, kalau tidak suka pun boleh dikatakan, kera. Hal ini boleh kita lihat di sini iaitu SPR cuba seboleh-bolehnya menentukan kemudahan-kemudahan pentadbiran iaitu Fasal 2(b), Jadual 13, Bahagian 1, kemudian di sambung lagi seperti mana Yang Berhormat bagi Kepong menyatakan, *the weightage*.

Weightage yang disebut di sini ialah patutlah lebih kurang sama banyaknya, patutlah lebih kurang. Perkataan ini cukup memberi *laxity* - dengan izin - kepada SPR menjalankan tugasnya. Seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar kononnya UMNO sudah hilang kepercayaan rakyat, UMNO tidak relevan lagi, bermakna dia sahajalah yang relevan. [Ketawa] Saya bacakan di sini... [Disampuk]

Beberapa Ahli: [Bangun]

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, ini giliran saya. Saya duduk di Dewan ini, saya tidak keluar, saya dengar. Pergi keluar pun saya bawa nota saya. Dengan izin, *now it's my turn*. [Tepuk]

Beberapa Ahli: [Bangun]

[Dewan gamat]

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Sekejap, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak macam Yang Berhormat bagi Parit Buntar, saya tidak emosi, saya secara yang logik sahaja menyatakan. Di kawasan Parlimen

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit Buntar. Kerana tidak beri laluan, sila Yang Berhormat duduk. [Disampuk] Itu terpulang kepada Menteri. Sila duduk.

[Dewan gamat]

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Barisan Nasional beroleh 3.74 juta. [Disampuk] Sebentar Yang Berhormat, sebentar. [Disampuk] Barisan Nasional beroleh 3.74 juta undi dalam pilihan raya yang lalu, PAS mendapat 994,279, hanya 15%. Saya tidak payah pergi kepada DAP tetapi kalau hendak juga boleh. DAP, 12.5% yakni 830, 870 ribu. Bawah tidak perlu disebut, memadai dengan tiga ini sahaja antara 3.74 juta pemilih yang memilih Barisan Nasional dan 15% yang diberi kepada PAS dan DAP. Budak-budak sekolah congak pun boleh menentukan, rakyat beri kepada siapa – ini.

[Dewan gamat]

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Jadi, saya hendak sama-samalah sebab Yang Berhormat bagi Parit Buntar pun buat juga Ph.D, saya buat juga. Jadi, kita sama-samalah berhujah. Masa yang Yang Berhormat buat hujah saya tidak menjawab.....

[Dewan gamat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Jadi, soalnya, saya mengemukakan perkara ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: ...untuk kita sama-sama menjurus kepadanya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *[Bangun]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri beri?

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tidak beri!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak beri. Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk.

[Dewan gamat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini kuasa Menteri yang menjawab.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Ini saya yang menjawab

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tidak boleh paksa, sila duduk.

[Dewan gamat]

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Nanti dahulu, nanti dahulu. *[Disampuk]* Yang Berhormat bagi Parit Buntar, saya akan beri. Sekejap, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: *[Ketawa]* Sabar, sabar. Begini kita mesti sabar *[Disampuk]* Inilah ujiannya. Bila masa saya bagi pihak kerajaan menyatakan sesuatu, pembangkang tolonglah dengar. Kami mendengar anda berhujah semalam. Jadi, kalau pedih sedikit pun, orang yang kena pedih kali kedua itulah yang kena menerima dahulu.

[Dewan gamat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Menteri telah menyatakan bahawa beliau tidak akan memberikan laluan.

Beberapa Ahli: Ini mana boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini terpulang kepada Menteri.

[Dewan gamat]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Kalau tidak beri laluan kita bangkang. Masalah yang besar seperti ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk, Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita ada Peraturan Mesyuarat. Saya akan menjalankan tugas saya mengikut Peraturan Mesyuarat.

[Dewan gamat]

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Sila, Tuan Yang di-Pertua. [Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan teruskan. [Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Yang Berhormat bagi Parit Buntar, saya fikir elok diterima pandangan ini secara yang positif [Disampuk] Semasa kami mendengar hujah

[Dewan gamat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Semasa kami mendengar hujah Yang Berhormat bagi Parit Buntar, kami tidak bangun menerpa, kami dengar baik-baik. Jadi, sekarang adalah giliran kepada kami. Maaf.

[Dewan gamat]

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya rumuskan perkara ini didapati bahawa Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar paling banyak menegur di samping perkara yang *integral*, sebab itu saya cuba mengemukakan pula perkara agar imbalan kedua-duanya itu dapat kita capai. Jadi, selepas itu beliau menyatakan "cerminlah diri dahulu", kata beliau, kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan kita. Saya tak boleh diam dengan menyatakan terima sahaja. Kalau hendak cermin diri, saya fikir Menteri Pertahanan sangat lawa, [Ketawa] ada kena mengena. Beliau menyatakan "*the writings are everywhere on the wall*". Kalau "*the writings are everywhere on the wall*", dia pun kena baca *the writings are everywhere on your wall*! [Tepuk]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua:[Dewan riuh] Belum lagi, belum lagi! Sebentar, sebentar!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Cara pandangan dan rumusan yang mengatakan bahawa kononnya SPR mengemukakan laporan ini kepada Perdana Menteri, maka Perdana Menteri telah mengolah pandangannya sendiri. Saya cabar pembangkang buktikan, sila buktikan bahawa perkara itu berlaku. Jika tidak, ini hanya retorik yang akan habis 'wee' nya dalam Dewan ini sendiri, tak payah keluar.

Tuan Yang di-Pertua,...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pergilah cari Anwar Ibrahim!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, ini sudah lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Kes ini tidak kena mengena dengan SPR.
[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Penerusan ini saya sambung dengan menyatakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa mahu cerita?

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: ...iaitu bagi perkara perisytiharan bahagian pertama...

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri kata sekejap.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Sekejap, ya. Sebab ini merupakan dasar, saya terpaksa menerangkannya dari segi apa yang dibuat dan dilaksanakan oleh SPR.

Ketiga, faktornya ialah tadi saya mengatakan dengan seberapa yang boleh SPR telah bertindak tetapi saya sukacita memaklumkan kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat iaitu kombinasi pengertian subjektif dan objektif *findings* oleh SPR ada. Apa subjektif *findings*nya. Subjektif *findings*nya tertera di dalam peruntukan bahagian 2 khususnya yang terletak pada Seksyen 5 peraturan yang diadakan di bawah Jadual 13. Dengan lain perkataan, Seksyen 5 ini...

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: ...hanya tertakluk kepada rayuan, dan rayuan ini mestilah sama ada dikemukakan oleh kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan. Jika seseorang individu hendak mengemukakan rayuan, mesti sekurang-kurangnya seramai 100 orang, baru boleh didengar oleh SPR. Kalau hanya seperti yang dimaklumkan oleh Rantau Panjang dengan kerampingan Saloma dan sebagainya, ini SPR tidak dapat hendak terima. Kita mesti rujuk kepada peruntukan ini, barulah SPR dapat terima rayuan dan juga teguran yang melibatkan pihak-pihak tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Rantau Panjang bangun.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Sekejap, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduk, Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Sekiranya... [Disampuk] ...sebentar, pihak lain pun akan berpeluang juga.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya katakan semasa Ahli Yang Berhormat pembangkang mengenakan kita di sebelah sini, orang sini tak kata apa kepada orang sebelah sana tetapi kita dengar. Jadi, sekarang Ahli Yang Berhormat minta dengar juga. Sekejap lagi apabila selesai ini saya akan sampaikan peluang itu kepada kita.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Sebagai contoh, Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan menyatakan kepada Dewan ini beliau telah merayu hendak mendapatkan satu DUN di kawasannya, tetapi beliau tidak perolehi kerana pertimbangan daripada SPR. Bukankah ini menunjukkan bahawa

SPR tidak berat sebelah atau sayang kepada BN tetapi sebaliknya sama rata melayani kehendak kita? Ini mesti kita terima.

Fakta berikutnya ialah apa yang dibentangkan kepada kita kali ini adalah jelas menunjukkan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya telah bertindak secara bebas dan tidak ada sebarang campur tangan dari pihak kerajaan. Sebaliknya Ahli Yang Berhormat boleh lihat 70% daripada rayuan dan bantahan adalah datangnya dari UMNO sendiri, dan UMNO sendiri pun tidak mendapat layanan seperti yang diharapkan oleh para pemimpin UMNO sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Rantau Panjang bangun, hendak bagi jalan atau tidak?

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Saya kata tadi, belum lagi. Sekejap lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Belum lagi.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, kelmarin Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri telah mengumumkan menerusi ucapan beliau dalam Dewan yang mulia ini. Saya petik, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua: *“Satu perkara yang perlu dinyatakan di sini mengenai purata pemilih bagi Negeri Sabah ialah bahawa amat sukar bagi Suruhanjaya Pilihan Raya untuk mengimbangkan pemilih bagi tiap-tiap bahagian pilihan raya berpandukan kepada purata pemilih”*.

Ini sudah dinyatakan oleh SPR, dan SPR pun mengakui *perfection is not in the game*, dengan izin.

Walau bagaimanapun, dengan kesungguhan SPR dan dengan keberolehan segala rujukan dan kebolehan, kita didapati bahawa *exercise* yang berjalan ini telah ditutup pada 15 Februari. Justeru itu, surat yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka diterima pada 18 Februari 2003. Tarikh tutup ialah 15 Februari 2003. Kalau orang yang tidak mengenalkan tentang tarikhnya akan mengatakan, “Oh! Betullah SPR tidak adil!”

Tuan Yang di-Pertua, ini dokumen rasmi [*Menunjukkan dokumen*] Dan saya ingin menyebarkan dokumen ini kepada semua Ahli Yang Berhormat menunjukkan bahawa pembentangan yang dibuat oleh Kota Melaka tidak tepat dan menyelewengkan Dewan ini.

Selepas itu, kita mesti bersama-sama meneliti...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, Kota Melaka bangun. Sila. Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu 15 Februari hari Sabtu. Saya telah telefon pegawai tinggi SPR, saya diberitahu saya boleh buat bantahan pun, saya boleh kirimkan. Itulah sebabnya bantahan saya dimasukkan dalam buku ini. Tuan Yang di-Pertua, jangan cari perlindungan dalam *technicality*. [*Disorak*] Ini apa punya *standard* Menteri? Hari ini saya begitu kecewa! [*Disorak*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tolong! Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tolonglah!

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Saya tak marah dia kata *standard* saya tak tinggi, tetapi bagi seseorang yang menulis surat ini, saya fikir penulis surat ini pun langsung tak tinggi pun oleh kerana hanya 97 nama sahaja yang tersenarai dalam daftar untuk merayu. Undang-undang memerlukan 100. Jadi, kalau saya tak ada *standard*, orang yang menghantar surat ini, saya fikir *zero* lagi. [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolonglah! [*Dewan riuh*]

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tolonglah! Baik, Yang Berhormat, bagi jalan.

Tuan Kerk Kim Hock: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Kerk Kim Hock: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka, cukuplah, cukuplah!

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Biarlah dia bagi...

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah, cukuplah!

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*. Saya hantar 113 nama! Dia kata 97 nama sahaja! Tunjuk kepada saya!

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, baiklah, biarlah dia bagi bukti, biarlah. Bagilah dia bercakap.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah!

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Yang pertama, tunjuk bukti! Yang kedua, bila mereka ambil tindakan!

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah! Cukuplah Yang Berhormat!

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan yang di-Pertua, saya sedia menyerahkan dokumen ini kepada Tuan Yang di-Pertua, dan Tuan Yang di-Pertualah memutuskan sama ada apa yang saya katakan ini benar atau tidak. *[Tepuk]* Jadi, kalau di mahkamah kita bolehlah katakan *exhibit number one...* *[Tepuk]* *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan tadi kalau...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, bagi Rantau Panjang.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Saya sambung sedikit dahulu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Rantau Panjang diamlah!

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Sekejap, ya. *[Ketawa]*

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]* Saya bagi 113 nama!

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, tak apalah Yang Berhormat Kota Melaka.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Biarlah, nanti saya tengok dahulu.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Kita serahlah kepada Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, kita masih ingat semasa *exercise* mempersempadankan Parlimen kira-kira satu dekad yang lalu. Di situ Ketua Pembangkang pada masa itu pun berlagak seperti ini. Jadi, saya telah menyatakan cara lunas biasa.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang tak mengambil bahagian.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya tak sebut nama...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tunggu sekejap. *[Dewan riuh]* Saya belum habis lagi. Saya hanya menyatakan gelagat seperti ini adalah turutan daripada yang lalu.

*Nobat rebana dendang perantau,
Rakit sehayat putus tali,
Ubat kena pantang terlampau,
Penyakit lama datang kembali.*

[Tepuk] [Sorak] [Dewan gamat]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, toloooooonglah!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pondan! Baliklah, baliklah!

[Dewan gamat]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, jikalau begini saya akan tangguhkan mesyuarat sedikit masa, ya.

[Dewan semakin gamat]

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Saya serahkan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya ya.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Saya ada sekeping dan Yang Berhormat ada sekeping, biarlah Tuan Yang di-Pertua memutuskan.

Tuan Yang di-Pertua: Biarlah dia jawab.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Saya tidak ada membuat tambahan apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua: Biarlah.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya ...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haron: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Kita boleh buat, ya.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Okaylah, Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haron: Pihak pembangkang telah pun *produce* tender bukti-bukti *exhibit* nombor 2. So, pihak Menteri masih lagi tidak tender *exhibit* nombor 1. Hendak tunggu bila? Sebentar tadi pihak Menteri ada mengatakan kawasan Rantau Panjang juga bangun dengan tidak ada bukti waktu tuntutan bantahan. Saya ingin bagi tahu kepada Menteri, pihak pengundi di Rantau Panjang telah pun hantar surat. Ini dia bukti kita hantar surat *exhibit* nombor 3. *[Menunjukkan sekeping kertas] [Ketawa]* *Exhibit* nombor tiga. Kemudian selain daripada itu 2,800 pengundi daripada DUN Chetok hantar dengan tangan, *by hand* kepada pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya. 2,000 bukan 100; 2,800.

Saya bimbang oleh kerana ini tidak dilayan maka kita hantar dengan tangan pula, 2,800 pengundi. Minta Menteri beri penjelasan. Dalam buku ini tidak masuk pun. Suara tidak dilayan. Suara rakyat tidak dilayan langsung. Buku ini seolah-olah tidak diterima. Sila jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat sekalian, sila duduk dulu, Yang Berhormat ya. Kita kena habiskan mesyuarat ini. Kita kena bermesyuarat. Bagaimanapun, Parlimen ini kena bermesyuarat. Kalau sekiranya kita tidak bermesyuarat, ini bukanlah Parlimen maknanya. Jadi, dalam Parlimen ini tentulah kadang-kadang kita tidak bersetuju kepada orang lain kata dan cara-cara yang seseorang itu menjawab ada yang tidak bersetuju dan ada yang menepuk. Jadi, kita kenal

menerima keadaan toleransi di antara satu sama lain. Kita kena menjalankan tugas kita sebagai Ahli Parlimen. Jikalau sekiranya datang ke sini kita hendak bergaduh, tidak eloklah ya. Tidak eloklah. Orang lain melihat kita. Esok saya harap surat khabar janganlah membesarkan perkara ini. Tidak elok, tidak elok.

Saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mempunyai sedikit kesabaran. *Control*lah diri sendiri. Jikalau sekiranya kita tidak *control* diri sendiri dan marah-marah, sampailah marah-marah sangat, tidak baik untuk kesihatan kita juga. *[Ketawa]* Sungguh, saya kata ini bersungguh ya. Tidak baik. Saya harap kita datanglah bermesyuarat secara yang aman, kita tidak suka sesuatu perkara itu kita jawab dan kita ikutlah peraturan mesyuarat. Jikalau sekiranya peraturan mesyuarat kata dia minta jalan orang yang berucap tidak bagi, tidak bagilah. Saya hendak buat macam mana? Itu peraturan mesyuarat yang kita buat, bukan saya buat. Kalau Menteri menjawab silalah, kalau sekiranya...

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau sekiranya jadi gaduh-gaduh juga saya akan tutupkan mesyuarat dan akan jalankan undi.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas nasihat *words of wisdom*, dengan izin, yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua itu supaya perkara ini berada di perenggan yang damai dan juga dalam keadaan yang boleh diterima.

Dalam pemerhatian Suruhanjaya Pilihan Raya, mereka menjalankan tugas bukan di atas apa yang dianggap sebagai *political considerations*, walau apa pun kita hendak kata terhadap mereka, malah kerajaan sendiri pun terasa bahawa ada masanya Suruhanjaya Pilihan Raya pun tidak layan. Saya pernah memanggil Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya di atas pandangan kerajaan. Pandangan itu tidak diterima. Jadi, soal sama ada mereka adil atau tidak, mereka hanya menumpukan tugas itu kepada Jadual Ketiga Belas tadi.

Dengan izin, saya mesti menyebutkan kembali apakah yang terkandung selanjutnya dalam peruntukan tersebut. Di bawah Fasal 5 diteruskan oleh undang-undang negara kita menyatakan: "*Suruhanjaya hendaklah mengarah diadakan satu siasatan tempatan sekiranya kedua-dua syarat tadi dipenuhi. Jika tidak dipenuhi, atau dihantar dengan cara yang bersendirian, maka rayuan itu tidak dapat didengar atau diputuskan oleh mereka.*"

Kuasa yang ada pada Suruhanjaya Pilihan Raya samalah dengan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Siasatan 1950. Ini bermakna kuasa itu besar dan di atas pertimbangan kombinasi subjektif dan objektif tadilah maka pegawai-pegawainya telah menjalankan tugas di bawah Fasal 2 yang saya sebutkan sebentar tadi di Bahagian I Perkara 113 Perlembagaan kita.

Dengan keadaan yang telah dinyatakan sedemikian, maka 22 orang telah berbahas dan 24 orang mencelah. Saya percaya apa yang didengar oleh mereka tentulah menyedihkan. Ada pihak pembangkang menyatakan Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya kalau begini keadaannya jadi sahaja Ketua Pengarah KEMAS. Ini tajam, ini menyakitkan. Sebagaimana sakit di hati kita, sakit juga di hati orang. Sebagai mewakili kerajaan takkan saya berdiam diri. Mereka telah menjalankan khidmat sedemikian lama walaupun pada masa ini didapati oleh kerana setitik nila barangkali dianggap oleh saudara-saudara Yang Berhormat dari pembangkang terus maka Suruhanjaya Pilihan Raya itu dicap sebagai tidak bertenaga, tidak berguna dan tidak menyumbang kepada apa yang dituntut oleh undang-undang.

Saya mohon dengan rendah hati, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Jadual Ketiga Belas inilah kunci kepada kerja mereka, bukan yang lain. Oleh itu apa pun kita sebut mesti rujuk balik kepada peruntukan ini. Jika kita katakan bahawa di bawah Fasal 2A, B, C dan D, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kepong, *the weightage must be given*. Ini telah diberi dan kecenderungan memberikan perhatian kepada pandangan-pandangan itulah yang telah menzahirkan laporan ini. Satu perkara lagi, laporan ini tidak boleh dipengapakan oleh Perdana Menteri atau oleh Pemangku Perdana Menteri. Apabila dikemukakan kepada Perdana Menteri, Perdana Menteri tidak boleh mengubah satu ayat

pun dalam laporan itu dan yang perlu dikemukakan ialah usul itu dibawa ke mari. Di sinilah baru kita berhujah. Jika pembangkang inginkan dipinda peruntukan yang telah disediakan atau pun keputusan Suruhanjaya Pilihan Raya, kenalah jadi majoriti dulu. Kalau tidak, saya percaya Barisan Nasional akan memberi *endorsement* kepada apa yang dikemukakan pada petang ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, cadangan daripada...

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Parit Buntar bangun, Yang Berhormat. Ya, sila, sila, sila.

[Beberapa Ahli menyampuk]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong, tolong, jangan bercakap sambil duduk ya. Tidak elok itu. Ya, sila, sila, Parit Buntar.

[Yang Berhormat bagi Tanjong Karang bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Nasihatkan Yang Berhormat bagi Tanjong Karang itu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Janganlah ajar saya pula.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:

Pokok selasih di Kota Belom,

Ditebang mari anak Pak Amat,

Terima kasih sahaja yang belum,

Kerana UMNO parti pengkhianat.

[Tepuk] [Sorak] [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak meminta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat. Pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, kita menyebutkan beberapa tarikh tadi. Pada 8 Ogos 2001, arahan telah dibuat kepada Suruhanjaya Pilihan Raya negeri agar mengemukakan satu draf awalan yang draf ini mesti disampaikan, tarikh yang diberi ialah 15 Disember 2001. 12 Januari draf-draf itu pun sampai dan diberitahu bahawa draf ini tidak mencerminkan apa yang dikehendaki iaitu memberi kemenangan kepada UMNO dan Barisan Nasional. *[Disampuk]* Tidak, tidak hendak pergi soalan, nanti Yang Berhormat, nanti.

[Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan keluar Dewan sambil bercakap sesuatu]

Ini orang hendak keluar sambil memekik pun tidak betul juga, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya, hendakkan *confirmation*, ada tidak terdapat arahan-arahan dalaman yang mengatakan bahawa draf awalan yang disampaikan itu perlu dirombak supaya menggambarkan harapan ada kepada UMNO dan Barisan Nasional dalam pilihan raya yang akan datang?

Nombor dua, Tuan Yang di-Pertua, disebut PM tidak boleh langsung, hatta mengubah satu perkataan pun kepada laporan yang disediakan oleh SPR. Saya hendak tahu, Tuan Yang di-Pertua dan saya sebut dalam ucapan saya semalam, betul atau tidak, kita hendakkan *confirmation* hari ini. Kalau tidak betul pun tidak apalah, betul pun tidak apa. Apa dia? Betul tidak PM tidak setuju dengan cadangan asal untuk menambah dua

Kerusi di Kedah, satu Kerusi di Perlis, satu Kerusi di Kelantan dan dua Kerusi di Terengganu?

Nombor tiga, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Saya hendak membetulkan fakta. Fakta ini baru berlaku semalam, Yang Berhormat. Bila saya sebut cermin diri ialah untuk mereka yang menuduh PAS dan Barisan Alternatif menggunakan pengundi-pengundi hantu ini memindahkan pengundi-pengundi. Dia tuduh kita begitu dan saya katakan untuk Perdana Menteri dan orang-orang seperti Perdana Menteri, bercermin diri sendiri sebab *argument* saya ialah UMNOLah tauke memindahkan pengundi-pengundi ini... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, cukuplah, cukuplah!

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta ulasan daripada pihak menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah!

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya, tidak! Perdana Menteri tidak terlibat dengan apa yang diujjarkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar. Barangkali parit yang buntar tetapi pemikiran beliau tidak buntar. Oleh kerana ini memerlukan bukti, jika Yang Berhormat bagi Parit Buntar menyatakan dengan dakwaan bahawa Perdana Menteri tidak setuju dengan syor-syor yang diperbuat oleh SPR, ini adalah bidaah politik baru dan bidaah ini, saya mencabar Yang Berhormat, sila kemukakan petisyen supaya dibuktikan sama ada benar atau tidak termasuk sistem mengangkat sumpah oleh pegawai-pegawai SPR. Kami akan menyatakan Yang Berhormat telah terlansung cakap.

Seperti mana Yang Berhormat telah terlansung cakap pasal Menteri Pertahanan, ini catatan semalam. Beliau menyatakan, "241 undi sahaja dapat!" katanya. Kemudian, "Cerminlah diri sedikit!".

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [Menyampuk]

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Ahli-ahli yang ada di sini, dengar ini semua. [Dewan riuh] Oleh itu....

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, sudahlah....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri....

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, ini forum saya. Jadi, saya terangkan pula. [Disampuk] Saya tidak ada buruk pinta. Saya tidak minta apa-apa.

Salai ciku dan kedondong,

Salai ikan atas para,

Bukan salah ibu mengandung,

Salah badan buruk pinta.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak payah tengok buku buat pantun. Beliau kena tengok buku buat pantun.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila teruskan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, ini perlu kita ketahui dari asal usul hujah yang dikemukakan tetapi saya hormat di atas pandangan akademik Yang Berhormat dan itu peganglah sendiri sebagai pegangan peribadi. Oleh kerana masa telah berlangsung jua, Tuan Yang di-Pertua,... [Memandang ke arah jam di dinding Dewan] bak kata orang, pusaka bergilir, zaman beredar, maka saya teruskan dengan menjawab sedikit sebanyak pandangan yang dibawa oleh Yang Berhormat. Nampaknya banyak benarlah memberi pandangan dan jawapan kepada pembangkang, sekarang kita halakan

pula sedikit kepada Ahli-ahli Barisan Nasional yang menjadi teras perjuangan Dewan ini.
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Parit Sulong mengemukakan cadangan yang amat baik iaitu supaya SPR memikirkan tentang kemungkinan menggunakan *electronic device online* dalam pilihan raya yang akan datang. Sementara menyatakan bahawa SPR menerima baik cadangan ini, pelaksanaannya di ketika ini dipersoalkan, oleh kerana prasarana yang ada menerusi pengetahuan, perisian dan juga *hardware*, dengan izin, belum lagi dapat dikatakan sebagai sempurna. Walau bagaimanapun, ianya harus diberi pertimbangan yang serius apabila kerajaan mengasaskan perhubungannya menerusi sistem *online* sedikit masa lagi.

Berkaitan dengan pendaftaran pemilih secara automatik demikian jua, kajian ini akan dibuat terus-menerus dan sekiranya rayuan daripada rakyat dan pandangan daripada pihak-pihak yang berkemampuan membolehkan kerajaan menyediakan infrastrukturnya, ia akan dipertimbangkan secara positif. Mengenai urusan pendaftaran pemilih bergerak, sebenarnya ini telah dilakukan. Cuma pada masa ini, tidak semua pejabat pos dapat dilibatkan dalam pengolahan dan juga urusan menerima mereka yang hendak menjadi pemilih di kawasan-kawasan tertentu menerusi *mobile unit* yang mencukupi. Pada masa ini, saya difahamkan SPR masih meneliti apa yang dianggap sebagai produktif yakni khidmat yang dikemukakan oleh pejabat pos di seluruh negara. Saya percaya laporannya akan disediakan tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai teguran-teguran Yang Berhormat bagi Tumpat, kata beliau terdapat banyak kawasan yang berlaku penurunan jumlah pemilih yang besar. Reaksi yang dapat diberi pada masa ini ialah dalam urusan persempadanan, bahagian-bahagian pilihan raya sudah tentu akan berlaku penurunan jumlah bilangan pemilih dalam banyak keadaan atau semasa perubahan-perubahan sosioekonomi berlangsung di negara kita. Ini adalah satu perkara yang normal dan biasa kerana tujuan urusan tersebut adalah untuk mengulang kaji dan mewujudkan kawasan-kawasan baru di mana perlu. Apabila kawasan-kawasan baru diwujudkan, sudah tentu sempadan berubah dan apa yang dipinta di bawah perundangan Jadual 13 ada masanya tidak dapat dicapai angka purata tersebut.

Selain itu, bagi memberi sedikit penerangan kepada Yang Berhormat bagi Bandau, beliau bertanya kenapa DUN Langkun tidak dicadangkan atau tidak diwujudkan semula. Penjelasan yang boleh diberi setakat ini ialah SPR tidak mendengar bantahan yang diminta supaya DUN tersebut diwujudkan semula kerana DUN Langkun tidak termasuk di dalam senarai atau syor cadangan SPR. Mengikut peraturan, siasatan tempatan harus dilaksanakan seperti yang sempat saya sebut sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada semua Ahli yang telah menerbitkan punca-punca pandangan dan juga cadangan bagi memperbaiki keadaan semasa *exercise* mempersempadankan kawasan-kawasan pilihan raya buat masa-masa akan datang. Sukacita disebut nama-nama Ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan serta cadangan-cadangan yang seharusnya mendapat catatan dan ingatan oleh SPR. Selain daripada Yang Berhormat bagi Parit Buntar yang tidak ada pun memberi galakan kepada SPR atau berterima kasih dan sebagainya, ada Ahli-ahli lain yang mengemukakan pandangan atau *commendation* mereka kepada badan yang penting ini.

Yang Berhormat bagi Shah Alam dengan sokongan yang diberi dan dengan galakan yang dilunaskan atas hujah-hujah beliau mengenai Shah Alam, saya percaya SPR akan dapat memberi pertimbangan pada musim akan datang.

Pandangan Yang Berhormat bagi Parit Sulong seperti yang saya sebut tadi juga berkaitan dengan *the possibility of virtual election*, dengan izin, akan dikaji oleh SPR dan pro serta kontranya kemungkinan akan disampaikan kepada Yang Berhormat dalam tempoh yang singkat. Berkaitan dengan pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka, sebahagiannya telah sempat saya jawab. Cuma sebahagian lagi tidak wajar saya kemukakan pandangan saya di sini oleh kerana fakta-fakta lain tidak memerlukan tindakan di perenggan yang ada pada SPR pada masa ini.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun supaya nilai demokrasi katanya *constructive* dan dapat diamalkan dengan program-program

penambahan sikap yang objektif dan positif, ini diterima baik oleh SPR dan apa-apa galakan yang telah dikemukakan menerusi cadangan itu, tentunya akan beroleh pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kapar yang secara am dan khususnya memberi sokongan kepada semua kerja dan tugas yang dibuat oleh SPR. Yang Berhormat bagi Kemaman pula, perkara yang telah dibangkitkan itu adalah perkara yang sudah pun dijawab terdahulu, tetapi mungkin perlu di perenggan ini diberi sedikit penjelasan berkaitan dengan angka-angka yang diperlukan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kemaman bagi kategori bahagian pilihan raya yang telah dicadangkan oleh SPR. Dalam urusan ini, SPR telah menetapkan lima kategori untuk kawasan-kawasan yang berkenaan dan bilangan kawasan Parlimen yang telah ditetapkan mengikut kategori tersebut ialah bandar raya – 20, bandar - 79, separuh bandar - 40, separuh luar bandar - 38, luar bandar - 14.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kluang yang membangkitkan isu berkaitan dengan Tanjung Puteri dan Setulang, perkara ini telah dikemukakan kepada SPR dan catatan rasminya itu akan dipertimbangkan dalam tindakan mereka buat masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah seperti rakan-rakan yang lain. Katanya, pada masa ini tidak mahu memberi apa-apa sokongan kepada usul yang dibawa oleh SPR ini. Beliau mempertikaikan perkara-perkara yang telah pun sebahagiannya saya bangkitkan dan cuba menjawab sebentar tadi.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kuala Terengganu bangun.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Beliau menyatakan bahawa SPR...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Kuala Terengganu bangun.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:berat sebelah tetapi huraian yang sempat dikemukakan ini, ini adalah hujah biasa....

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Terengganu bangun, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:saya ulangi..

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Terengganu bangun. Ya, sila.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, cuma saya ingin pergi kepada kategori yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Bagaimana dengan Baling? Adakah Baling yang pengundinya itu 72,000 itu bandar raya? Minta penjelasan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, barang siapa yang menganggap Baling itu sebagai bandar raya, dia tidak payah duduk di Dewan ini lagi. *[Ketawa] [Tepuk]* Semua orang pun tahu. Ini luar bandar. Tadi saya sebut dengan seberapa yang boleh, Fasal 2 ini, memberi kuasa kepada SPR membuat penentuan sosioekonomi, geografinya dan juga topografinya selain daripada perimbangan komersial dan lain-lain serta perhubungan. Jadi sekiranya Baling dikategorikan luar daripada bandar, ini sudah semestinya sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan sekejap lagi. *[Disampuk]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun dan bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah, cukup. Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu cukuplah. Duduk, duduk.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk, cukuplah.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Sri Gading....

Tuan Yang di-Pertua: Biarlah, biarlah.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, cukuplah, biarlah, biarlah. Cukuplah, cukuplah!

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: ...tidak boleh duduk dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua.

[Dewan riuh] **Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukuplah. Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, sila duduk.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, ...

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Saya telah beri beliau peluang tadi Tuan Yang di-Pertua, jadi izinkan saya meneruskan. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya kira di antara ramai kita, Yang Berhormat bagi Sri Gading paling lantang memberikan sokongan beliau dan...

